

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**ANALISIS PERBANDINGAN
METAFORA DALAM FILEM
IMAGINUR DAN *TERBAIK DARI
LANGIT* KARYA NIK AMIR
MUSTAPHA**

**SYAHIDAH AMEERA BINTI
MOHD HELMI**

MA

Jun 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**ANALISIS PERBANDINGAN
METAFORA DALAM FILEM
IMAGINUR DAN *TERBAIK DARI
LANGIT* KARYA NIK AMIR
MUSTAPHA**

SYAHIDAH AMEERA BINTI MOHD HELMI

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan

Akademi Pengajian Bahasa

Jun 2026

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 4 November 2025 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Syahidah Ameera binti Mohd Helmi bagi tesis Sarjana yang bertajuk “Analisis Perbandingan Metafora dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* Karya Nik Amir Mustapha” berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut

Noor Saadah Salleh, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
(Pengerusi)

Mohamad Nik Mat Pelet, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Hishamudin Isam, PhD
Profesor Madya
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
(Pemeriksa Luar)

**PROFESSOR DR HJH ZURAEDA
IBRAHIM**

Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 16 Jun 2026

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Syahidah Ameera binti Mohd Helmi

No. Pelajar : 2023440036

Program : Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan – LG750

Fakulti : Akademi Pengajian Bahasa

Tajuk Tesis : Analisis Perbandingan Metafora dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* Karya Nik Amir Mustapha

Tandatangan Pelajar :

Tarikh : Jun 2026

ABSTRAK

Metafora merupakan bahasa kiasan yang digunakan dalam penghasilan karya sastra, pidato, iklan dan proses komunikasi harian termasuklah industri hiburan iaitu filem. Metafora dalam filem digunakan sebagai satu strategi komunikasi untuk menarik minat dan mempengaruhi penonton tentang jalan cerita sesebuah filem. Penggunaan metafora visual dalam filem juga adalah salah satu elemen penting kerana ia memberi penekanan kepada mesej tersirat yang disampaikan melalui aspek visual. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis perbandingan metafora dalam filem berlainan genre yang dihasilkan oleh pengarah dan penulis skrip yang sama. Dua filem digunakan sebagai data kajian iaitu filem *Imaginur* (2022) dan *Terbaik Dari Langit* (2019) hasil karya Nik Amir Mustapha sebagai pengarah dan penulis skrip. Kedua-dua ujaran dalam filem ini ditranskripsi untuk mengenal pasti bentuk metafora yang digunakan dalam penceritaannya. Kajian ini menggunakan tiga bentuk metafora yang menggabungkan metafora linguistik dan metafora konvensional (Lakoff & Johnson, 1980) serta metafora visual (Forceville, 1996). Bentuk metafora yang dikenal pasti dianalisis menggunakan Teori Hibrid yang dipelopori oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010), untuk menganalisis makna metafora. Bentuk metafora ini dikenal pasti dengan menggunakan Prosedur Pengenalpastian Metafora oleh Kumpulan Pragglejasz (2007). Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua filem mengandungi ketiga-tiga bentuk metafora. Bentuk metafora yang paling banyak digunakan dalam kedua-dua filem ini ialah metafora linguistik, diikuti dengan metafora konvensional dan metafora visual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persamaan domain tahap spesifik bagi kedua-dua filem ialah domain SIFAT, EMOSI, KEHIDUPAN, FIKIRAN dan KESEDARAN. Penggunaan metafora konseptual ini bersesuaian dengan tema, jalan penceritaan, latar belakang dan mesej yang disampaikan dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*.

ABSTRACT

Metaphor is a figure of speech used in literary works, speeches, advertisements, and daily communication, including the entertainment industry, namely films. In film, visual metaphors emphasize implicit messages conveyed through visuals. This study specifically analyzes how metaphors are used across two genres of films by the same director and scriptwriter: *Imaginur* (2022) and *Terbaik Dari Langit* (2019), both created by Nik Amir Mustapha. Utterances in these films were transcribed to identify metaphorical forms within the narrative. This study uses a framework that includes linguistic, conventional (Lakoff & Johnson, 1980), and visual metaphors (Forceville, 1996). The study applies Hybrid Theory (Tendahl, 2009; Stover, 2010) for meaning analysis, alongside the Metaphor Identification Procedure (Pragglejasz Group, 2007). Results indicate that both films primarily utilize linguistic metaphors, followed by conventional and visual forms. The most widely used metaphorical form in both films was linguistic metaphor, followed by conventional metaphor and visual metaphor. The findings of the study showed that the similarities in the specific level domains for both films were the domains of NATURE, EMOTIONS, LIFE, THOUGHT, and CONSCIOUSNESS, underscoring their role in narrative development and message delivery. The use of this conceptual metaphor is consistent with the theme, narrative path, background, and message conveyed in *Imaginur* and *Terbaik Dari Langit*.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, dapat saya menyempurnakan penulisan tesis Sarjana ini.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya yang dihormati, YBrs. Dr. Rozaimah Rashidin atas bimbingan yang penuh kesabaran, nasihat yang membina, serta dorongan berterusan sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan ini. Tunjuk ajar dan sokongan beliau menjadi panduan yang amat berharga dalam memastikan perjalanan pendidikan sarjana ini dalam landasan yang betul. Tanpa kehadiran beliau, penulisan ini pastinya tidak dapat disempurnakan.

Tidak dilupakan, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan moral, idea, dan bantuan teknikal. Kehadiran kalian bukan sekadar menjadi teman belajar, tetapi juga sumber kekuatan ketika berhadapan dengan cabaran.

Penghargaan tulus juga ditujukan kepada kedua ibu bapa saya yang saya kasihi serta ahli keluarga atas segala doa yang tidak putus-putus, kasih sayang tanpa syarat, dan pengorbanan yang tidak ternilai, terutama sekali semasa tempoh pengajian. Segala pencapaian ini adalah hasil daripada restu dan dorongan kalian.

Semoga Tuhan membalas setiap satu jasa baik, pertolongan, ilmu yang dihulurkan dengan segala kebaikan di dunia dan akhirat. Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SIMBOL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Penyelidikan	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Batasan dan Skop Kajian	6
1.7 Definisi Konsep	7
1.8 Kesimpulan	8

BAB 2 SOROTAN LITERATUR	9
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Kosa Ilmu	12
2.3 Ulasan Kajian Lepas	12
2.4 Ulasan Kritis	26

2.5	Kerangka Teori	28
2.6	Kerangka Konsep	40
2.7	Kesimpulan	46
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN		47
3.1	Pendahuluan	47
3.2	Pendekatan Kajian	47
3.3	Kaedah Kajian	48
3.4	Data Kajian	49
3.5	Tatacara Pengumpulan Data	50
3.6	Pelabelan Data	52
3.7	Tatacara Penganalisisan Data	53
3.8	Kerangka Analisis	55
3.9	Kesimpulan	67
BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN		69
4.1	Pendahuluan	69
4.2	Bentuk Metafora dalam Filem <i>Imaginur</i> dan <i>Terbaik Dari Langit</i>	69
4.3	Makna Metafora dalam Filem <i>Imaginur</i> dan <i>Terbaik Dari Langit</i>	77
4.4	Perbandingan Metafora Konseptual dalam filem <i>Imaginur</i> dan <i>Terbaik Dari Langit</i>	131
4.5	Kesimpulan	142
BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN PENUTUP		144
5.1	Pendahuluan	144
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	144
5.3	Sumbangan Kajian	147
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	148
5.5	Kesimpulan	148

RUJUKAN	150
APENDIK	158
PROFIL PENULIS	192

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 3.1	Pelabelan Data Bentuk Metafora	52
Jadual 3.2	Pelabelan Data Jenis Metafora Konseptual	52
Jadual 3.3	Bentuk Metafora dalam Filem <i>Imaginur</i>	55
Jadual 3.4	Metafora Konvensional <u><i>hati perut</i></u> dalam Filem <i>Imaginur</i>	56
Jadual 3.5	Data Metafora Visual (MV)	61
Jadual 4.1	Contoh Data Metafora Visual dalam Filem <i>Imaginur</i>	70
Jadual 4.2	Contoh Data Metafora Linguistik dalam Filem <i>Terbaik Dari Langit</i>	71
Jadual 4.3	Contoh Data Metafora Visual dalam Filem <i>Imaginur</i>	73
Jadual 4.4	Contoh Data Metafora Visual dalam Filem <i>Terbaik Dari Langit</i>	73
Jadual 4.5	Contoh Data Metafora Konvensional dalam Filem <i>Imaginur</i>	74
Jadual 4.6	Contoh Data Metafora Konvensional dalam Filem <i>Terbaik Dari Langit</i>	75
Jadual 4.7	Bentuk Metafora dalam Filem <i>Imaginur</i> dan <i>Terbaik Dari Langit</i>	77
Jadual 4.8	Data Metafora Konvensional dalam Filem <i>Imaginur</i>	78
Jadual 4.9	Data Metafora Linguistik dalam Filem <i>Imaginur</i>	86
Jadual 4.10	Data Metafora Visual dalam Filem <i>Imaginur</i>	95
Jadual 4.11	Data Metafora Konvensional dalam Filem <i>Terbaik Dari Langit</i>	105
Jadual 4.12	Data Metafora Linguistik dalam Filem <i>Terbaik Dari Langit</i>	113
Jadual 4.13	Data Metafora Visual dalam Filem <i>Terbaik Dari Langit</i>	122
Jadual 4.14	Bilangan dan Peratusan Jenis-jenis Metafora Konseptual Mengikut Domain	132
Jadual 4.15	Perbandingan Metafira KEHIDUPAN	138
Jadual 4.16	Perbandingan Metafora FIKIRAN	138

Jadual 4.17	Perbandingan Metafora KESEDARAN	139
Jadual 4.18	Perbandingan Metafora CINTA	139
Jadual 4.19	Perbandingan Metafora KEKUATAN	140

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 3.1	Tatacara Pengumpulan Data	50
Rajah 3.2	Kerangka Konseptual dan Kerangka Teori Kajian	54
Rajah 3.3	Pemetaan Domain Bagi Data MK	57
Rajah 3.4	Skema Imej IKATAN	57
Rajah 3.5	Skema Imej ATURAN LINEAR	58
Rajah 3.6	Rantau Konseptual <i>hati perut</i>	60
Rajah 3.7	Pemetaan Domain Bagi Data MV1	61
Rajah 3.8	Pemetaan Ad Hoc Penyempitan Bagi MV1	62
Rajah 3.9	Skema Imej PENGHUBUNG	63
Rajah 3.10	Pemetaan Ad Hoc Penyempitan bagi MV1	63
Rajah 3.11	Rantau Konseptual CINTA Bagi MV	65
Rajah 4.1	Pemetaan Dua Domain Bagi Frasa <i>rumah tangga</i>	82
Rajah 4.2	Skema Imej PENGHUBUNG	83
Rajah 4.3	Rantau Konseptual Metafora CINTA	85
Rajah 4.4	Rajah Verns <i>Ad Hoc</i> Penyempitan Bagi Data ML9	87
Rajah 4.5	Pemetaan Domain Data ML9	89
Rajah 4.6	Skema Imej BEKAS	90
Rajah 4.7	Rantau Konseptual MEMORI	93
Rajah 4.8	Rajah Verns <i>Ad Hoc</i> Penyempitan	96
Rajah 4.9	Pemetaan Domain Metafora Visual	99
Rajah 4.10	Skema Imej OBJEK	99
Rajah 4.11	Skema Imej KITARAN	101
Rajah 4.12	Skema Imej WARNA (sumber : CANVA)	102
Rajah 4.13	Rantau Konseptual KEHIDUPAN	103
Rajah 4.14	Pemetaan Domain bagi Data <i>muka jambu</i>	108

Rajah 4.15	Skema Imej OBJEK	109
Rajah 4.16	Rantau Konseptual KETAMPANAN	111
Rajah 4.17	Gambar Rajah Verns Data ML52	114
Rajah 4.18	Pemetaan Domain Bagi Data ML52	117
Rajah 4.19	Skema Imej TATATINGKAT	118
Rajah 4.20	Skema Imej BEKAS	119
Rajah 4.21	Skema Imej DAYA	119
Rajah 4.22	Rantau Konseptual KETENANGAN	121
Rajah 4.23	Pembentukan Gambar Rajah Verns Ad Hoc Penyempitan	123
Rajah 4.24	Pemetaan Domain Data MV10	125
Rajah 4.25	Skema Imej LALUAN	126
Rajah 4.26	Rantau Konseptual KEHIDUPAN	130
Rajah 4.27	Perbandingan metafora dalam filem <i>Imaginur</i> dan <i>Terbaik Dari Langit</i>	137

SENARAI SIMBOL

Simbol

C^*	Konsep teras
L	Domain Leksikal

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Kenyataan
MK	Metafora Konvensional
ML	Metafora Linguistik
MV	Metafora Visual
MOr	Metafora Orientasi
MOnt	Metafora Ontologi
MS	Metafora Struktural

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Perkataan metafora berasal daripada perkataan bahasa Greek iaitu *metaphora* yang membawa maksud memindahkan (Hawkes, 1972). Secara literalnya, metafora merupakan penggunaan kata yang digunakan untuk menyampaikan makna lain daripada makna sebenar sesuatu perkataan. Metafora bukan tentang makna perkataan semata-mata, malah ia turut merangkumi proses pemikiran manusia (Lakoff & Johnson, 1980). Menurut Hassan Ahmad (2017), metafora bukan sekadar ‘bunga-bunga bahasa’ atau ‘perhiasan bahasa’ kerana ia turut mengandungi fungsi kognitif yang membentuk pemikiran dan makna. Kajian metafora telah lama dijalankan sebagai satu cara pemikiran yang digunakan untuk menzahirkan makna sebenar melalui pembentukan domain sumber dan domain sasaran (Wang, 2021). Maka, metafora merupakan bahasa kiasan dalam bentuk perbandingan kata yang membawa maksud lain daripada maksud sebenar.

Lazimnya, metafora digunakan dalam penghasilan karya sastera, pidato, iklan dan juga proses komunikasi harian termasuklah dalam industri hiburan iaitu filem. Penggunaan bahasa kiasan dan metafora dalam filem ini berfungsi untuk menarik minat dan mempengaruhi penonton tentang plot penceritaan filem kerana penggunaannya juga merupakan satu bentuk strategi komunikasi. Lakoff dan Johnson (1980) menyatakan bahawa metafora digunakan untuk merangka atau memberi takrifan kepada sesuatu perkara atau pengalaman yang abstrak, termasuklah peristiwa kompleks, budaya yang berbeza, situasi yang tidak dijangka dan juga aspek emosi. Oleh itu, metafora dianggap sebagai medium untuk berkomunikasi dengan penonton dengan menggunakan bahasa kiasan atau perlambangan. Kaedah penggunaan bahasa halus ini dapat menerapkan unsur-unsur nasihat, sindiran atau teguran dalam sesuatu karya yang dihasilkan (Hamidah Abdul Hamid, 1995). Jelaslah bahawa penggunaan metafora dalam industri filem adalah tidak asing kerana kedua-duanya bersifat konseptual iaitu melibatkan unsur abstrak untuk memahami sesuatu unsur metafora, bukan hanya perbandingan secara literal.

Filem adalah satu bentuk hiburan dalam masyarakat moden yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu idea dan mesej kepada penonton. Menurut Mohd Zaihan

Anwar Kefflee (2016), filem merupakan hiburan pilihan dalam pelbagai lapisan masyarakat. Filem merupakan salah satu medium yang menggambarkan sesuatu masyarakat (Jins Shamsudin, 2015). Mesej yang disampaikan dalam adegan filem boleh meninggalkan kesan kepada penonton melalui plot, jalan cerita dan bahasa yang digunakan. Selain itu juga, menurut Nordquist (2023), penggunaan metafora visual merupakan salah satu elemen penting dalam penghasilan filem kerana ia menambah keupayaan imej untuk menyampaikan makna tambahan kepada realiti. Ia juga dapat memberi penekanan kepada mesej tersirat yang disampaikan melalui gambar. Pandangan ini adalah bersesuaian dengan Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apandi dan Yan Ibrahim (2018) yang mengatakan bahawa penggiat seni menghasilkan filem dengan tujuan untuk menyampaikan naratif penceritaan melalui metafora yang digunakan sebagai subjek untuk menyampaikan makna sebenar.

Oleh itu, kajian ini akan melihat kepada unsur metafora yang terdapat dalam dua buah filem arahan Nik Amir Mustapha iaitu filem *Imaginur* (2022) dan filem *Terbaik Dari Langit* (2014). Bentuk metafora akan dikenal pasti berdasarkan metafora konvensional, metafora linguistik dan metafora visual. Bentuk-bentuk metafora ini diambil dengan menggabungkan bentuk metafora yang disesuaikan daripada Kovecses (2010), Rozaimah Rashidin (2018) dan Forceville (1996). Metafora yang telah dikenal pasti kemudiannya akan dianalisis menggunakan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010). Perbandingan metafora juga akan dijalankan untuk melihat perbezaan dan persamaan cara pengarah dan penulis skrip, Nik Amir Mustapha mengaplikasikan unsur metafora dalam filem yang berbeza genre iaitu genre sains fiksi dan genre romantik.

1.2 Penyataan Masalah

Metafora merupakan sebuah proses kognitif yang membentuk pemikiran dan pemahaman manusia dalam mentafsir pengalaman. Metafora bukan sekadar unsur linguistik, sebaliknya mencerminkan cara manusia berfikir dan memahami sesuatu konsep melalui pemetaan antara domain konseptual (Lakoff & Johnson, 1980). Dalam konteks perfileman, metafora berfungsi sebagai alat komunikasi yang menyampaikan mesej abstrak secara simbolik dan implisit, khususnya melalui gabungan bahasa, visual dan naratif (Forceville, 2009). Wu (2024) menyatakan bahawa metafora visual dalam filem memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej dan emosi yang lebih

mendalam berbanding makna literal visual semata-mata, sekali gus membantu penonton memahami makna tersirat yang ingin disampaikan oleh pembikin filem.

Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, kajian metafora dalam filem didapati lebih banyak memfokuskan kepada aspek naratif visual tanpa memberi penekanan yang mendalam terhadap pemaknaan metafora, khususnya dalam konteks metafora konseptual. Antara kajian yang memperlihatkan kecenderungan ini ialah kajian oleh Stanton (2017), Dunat (2022) dan Adi Purnawan (2023). Selain itu, kebanyakan kajian metafora dalam konteks bahasa Melayu pula lebih tertumpu kepada bahan sastra tradisional dan moden seperti pantun, syair, mantra dan novel, misalnya kajian oleh Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2015) serta Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Imran-Ho Abdullah (2017). Keadaan ini menunjukkan wujudnya kelompangan kajian dari segi bahan kajian, khususnya kajian metafora dalam medium visual seperti filem. Hal ini sejajar dengan pandangan Forceville (1996) yang menegaskan bahawa metafora bukan sahaja wujud dalam bahasa, malah turut hadir dalam bentuk visual seperti gambar, filem dan program televisyen.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk metafora yang digunakan dalam filem, khususnya metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Selain mengenal pasti bentuk metafora, kajian ini turut menginterpretasi makna metafora dengan mengaplikasikan kerangka Teori Hibrid oleh Tendahl dan Stöver, yang menekankan pemahaman makna metafora melalui gabungan pendekatan kognitif dan pragmatik. Penggunaan metafora dalam filem bertujuan menyampaikan mesej tertentu kepada penonton (Sharipah Nur Mursalina, 2017), namun sifat metafora yang berlapis menyebabkan makna yang terhasil tidak bersifat tunggal dan boleh ditafsirkan secara pelbagai. Menurut Asmah Haji Omar (2008), hubungan antara bahasa dan konteks memainkan peranan penting dalam pembentukan makna, dan prinsip ini turut terpakai dalam pengaplikasian metafora dalam filem.

Tambahan pula, filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* merupakan hasil karya pengarah yang sama, iaitu Nik Amir Mustapha, yang dikenali dengan gaya penceritaan yang matang, berideologi dan bersifat ‘luar kotak’ (Rizal Zainal, 2024; Azmir Saifuddin Mutalib dalam Farihad Shalla Mahmud, 2024). Walaupun dihasilkan oleh pengarah yang sama, kedua-dua filem ini menampilkan latar belakang, tema dan genre yang berbeza, sekali gus mempengaruhi penggunaan bahasa dan metafora yang

mencerminkan konteks sosial dan budaya tertentu (Norfaizal Jamain & Ahmad Sabri Abdul Samad, 2024). Oleh itu, kajian perbandingan metafora konseptual antara dua filem berlainan genre ini perlu dijalankan bagi meneliti bagaimana metafora digunakan dan diubah suai mengikut tema dan naratif sesebuah filem.

Kajian perbandingan ini penting kerana kajian metafora sedia ada masih kurang memberi perhatian kepada analisis perbandingan yang komprehensif, khususnya dalam konteks medium filem. Tanpa kajian perbandingan, persamaan dan perbezaan strategi penceritaan melalui metafora tidak dapat diketengahkan secara kritikal, sedangkan perbezaan genre berpotensi mempengaruhi cara metafora dibentuk, digunakan dan difahami oleh penonton. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memperluaskan ruang lingkup kajian metafora dalam bahasa Melayu serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan metafora konseptual dalam filem tempatan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi tiga objektif iaitu :

- i) Mengenal pasti bentuk metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*
- ii) Menginterpretasi makna metafora yang terdapat dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*
- iii) Menghuraikan persamaan dan perbezaan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* berdasarkan tahap generik dan tahap spesifik.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang menganalisis metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* ini menimbulkan beberapa persoalan kajian yang perlu dipenuhi iaitu :

- i) Bagaimanakah bentuk-bentuk metafora yang digunakan dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*?
- ii) Apakah makna metafora yang terdapat dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*?

- iii) Apakah perbezaan dan persamaan antara metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian perbandingan metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* ini penting kepada kelompok masyarakat umum kerana kajian ini dapat meningkatkan pemahaman terhadap penggunaan metafora dalam filem, khususnya dalam penyampaian mesej yang bersifat abstrak dan mendalam. Selari dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti bentuk metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, kajian ini membantu dalam menunjukkan cara metafora dizahirkan melalui dialog, visual dan naratif filem sebagai satu strategi linguistik dan sinematik. Ini kerana penggunaan metafora dalam filem bukan hanya sebagai elemen estetika sahaja, malah metafora turut berperanan sebagai alat komunikasi yang membantu pemahaman penonton terhadap mesej yang tidak dijelaskan secara literal (Comanducci, 2010).

Selain itu, kajian ini juga penting dalam usaha memberikan pemahaman yang jelas terhadap makna metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Hal ini dikatakan demikian kerana pemahaman makna metafora berbeza bergantung kepada latar belakang dan pengalaman kognitif individu. Maka, melalui interpretasi makna metafora yang dibuat dalam kajian ini, makna tersirat dalam dialog dan jalan cerita filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, sekali gus dapat membantu penonton memahami nilai, emosi dan mesej yang diketengahkan oleh pengarah filem dengan lebih mendalam dan sistematik.

Kajian ini juga penting kepada kelompok pemain industri hiburan. Dari sudut industri hiburan, kajian ini menyumbang kepada usaha pemerikasaan bahasa Melayu melalui pennggunaan bahasa kiasan dan metafora dalam filem (Sazirah Amran, 2021). Dengan melihat perbandingan metafora dalam dua buah filem yang berlainan genre, kajian ini membandingkan penggunaan dan fungsi metafora yang berbeza daripada tema, pendekatan dan penceritaan. Ini dapat dijadikan panduan kepada pengarah dan penulis skrip filem tentang potensi metafora sebagai alat naratif yang berkesan dalam menyampaikan mesej serta mengangkat martabat dan imej bahasa Melayu dalam industri filem tempatan.

Akhir sekali, kajian ini turut menyumbang kepada bidang akademik, khususnya kepada penyelidik dan pengkaji dalam bidang semantik bahasa Melayu. Kajian ini memperluaskan skop kajian metafora dengan mengaplikasikan teori Metafora Visual oleh Forceville (1996) yang dianalisis menggunakan Teori Hibrid. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sumber rujukan kepada penyelidik lain teritamanya dalam kajian perbandingan metafora, pengaplikasian Teori Metafora Konseptual, teori Metafora Visual dan pembangunan kajian semantik kognitif pada masa akan datang.

1.6 Batasan dan Skop Kajian

Kajian ini menggunakan data daripada dua buah filem Melayu, iaitu filem *Imaginur* (2022) dan *Terbaik Dari Langit* (2019). Filem *Imaginur* berdurasi selama satu jam dan 30 minit. dan diakses daripada aplikasi PrimeVideo. Bagi filem *Terbaik Dari Langit* pula, filem ini berdurasi selama satu jam dan 50 minit yang diakses daripada aplikasi Youtube. Keseluruhan ujaran dalam kedua-dua filem akan ditranskripsi untuk digunakan sebagai data kajian. Hanya gambar dan elemen visual yang mengandungi unsur metafora akan dikeluarkan dalam bentuk tangkap layar. Maka, dapatan kajian ini terhad kepada kandungan linguistik dan visual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, bukan digeneralisasikan kepada keseluruhan filem Melayu atau genre filem yang lain.

Daripada skop bidang kajian pula, kajian ini merupakan kajian bidang semantik dan pragmatik yang memfokuskan kepada tahap analisis metafora dalam teks audiovisual. kajian ini memfokuskan kepada tiga bentuk metafora iaitu metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual. Pendekatan kajian yang digunakan ialah pendekatan kualitatif dengan analisis interpretatif bagi membolehkan makna metafora diuraikan secara mendalam dan mengikut konteks. Kajian ini juga mengaplikasikan Teori Hibrid yang dipelopori oleh Tendahl dan Stover untuk menganalisis makna metafora linguistik dan metafora visual, disamping perbandingan metafora berdasarkan konsep metafora konseptual tahap generik dan metafora tahap spesifik yang dikemukakan oleh Kövecses (2008). Pemilihan kerangka teori ini bertujuan untuk memastikan analisis dijalankan secara konsisten dan berfokus, tanpa melibatkan kerangka teori lain yang boleh mengaburkan hala tuju dan kedalaman kajian.

1.7 Definisi Konsep

Dalam bahagian ini mengandungi definisi bagi konsep-konsep yang digunakan dalam penghasilan kajian ini. Antara konsep yang digunakan adalah semantik, metafora, dan filem.

1.7.1 Semantik

Semantik merupakan satu cabang dalam bidang linguistik yang mengkaji makna perkataan. Berasal daripada perkataan Bahasa Yunani, perkataan semantik iaitu sema bererti isyarat. Semantik membawa maksud makna, manakala dalam linguistik pula, kajian semantik bermaksud sebuah bidang kajian yang melihat fenomena makna bagi sesuatu bahasa (Abdullah Hassan, 2007).

1.7.2 Metafora

Metafora atau perkataan asalnya ialah metaphora dalam bahasa Greek membawa maksud memindahkan, iaitu meta bermaksud “di atas” dan phrein bermaksud “membawa” (Hawkers, 1972). Metafora juga merupakan kiasan langsung iaitu sesuatu perbuatan, kejadian atau sesuatu sifat dikiaskan kepada sesuatu benda atau sifat benda tertentu daripada sifat sebenar benda yang diperkatakan (Asmah Omar, 2008).

1.7.3 Filem

Filem merupakan salah satu bentuk karya sastera seni sastera yang menggambarkan cerita dan budaya masyarakat (Naim Ahmad, 1995). Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan filem sebagai gambaran yang ditayangkan dalam panggung wayang dan menceritakan tentang sesuatu kisah. Filem bukan sekadar alat hiburan semata-mata kerana ia mengandungi nilai, pemikiran dan unsur estetika yang disampaikan melalui penceritaan, pemikiran dan cetusan idea daripada pengarah dan penulis skrip tersebut (Naim Ahmad, 1995).

1.8 Kesimpulan

Kajian metafora bukanlah sesuatu yang asing dalam Bahasa Melayu. Walau Bagaimanapun, kajian metafora dalam filem dalam Bahasa Melayu masih kurang diberi perhatian dalam kalangan penyelidik Melayu khususnya kerana kebanyakan kajian-kajian sebelumnya memfokuskan kepada data berbentuk penulisan. Kajian ini memfokuskan kepada bentuk metafora bukan sahaja dalam bentuk lisan, tetapi juga metafora dalam bentuk visual dengan berpandukan kepada tiga objektif iaitu mengenal pasti bentuk metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, menginterpretasi makna metafora dalam filem dan menganalisis metafora konseptual dalam kedua-dua filem. Kajian metafora khususnya metafora visual dalam filem masih belum dijalankan secara meluas dalam bidang semantik Bahasa Melayu. Maka, kajian ini memberi perspektif baharu dalam kajian metafora dalam bidang semantik dan juga perspektif linguistik kognitif dan pragmatik kerana mengaplikasikan Teori Hibrid dalam memahami makna metafora. Dengan terhasilnya kajian ini, diharapkan kajian ini memberi pengetahuan baharu dalam bidang bahasa, khususnya dalam kajian metafora bukan sahaja kepada kalangan penyelidik. Tambahan lagi, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada kelompok masyarakat umum dan pemain industri hiburan tentang pemahaman penggunaan metafora sebagai penyampai mesej tersirat di dalam sesebuah filem.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab seterusnya ialah sorotan literatur. Dalam bahagian sorotan literatur ini mengandungi penerangan tentang kosa ilmu yang digunakan sebagai rujukan utama dalam penghasilan kajian ini. Selain itu, bab ini juga mengandungi ulasan kajian lepas yang terdiri daripada kajian lepas metafora konseptual, kajian lepas metafora visual, kajian lepas yang mengaplikasikan Teori Hibrid dan kajian lepas yang melihat metafora dalam filem serta kajian perbandingan metafora.

2.2 Kosa Ilmu

Kosa ilmu yang digunakan sebagai rujukan utama dalam penghasilan kajian ini ialah daripada Tendahl (2009). Kosa ilmu ini mengandungi penerangan tentang Teori Hibrid yang digunakan sebagai kerangka teori dalam kajian ini. Menurut Tendahl (2009), aspek bahasa dan komunikasi merupakan dua elemen yang tidak boleh terpisah kerana ia adalah asas kognitif bagi manusia. Maka, Teori Hibrid ini menghubungkan Teori Relevans dan linguistik kognitif untuk memberikan pemahaman tentang makna sesuatu metafora. Penghasilan metafora konseptual memerlukan domain sumber yang bersifat konkrit dan domain sasaran yang bersifat abstrak. Walaupun kedua-dua domain ini adalah elemen yang berbeza, ia mempunyai sifat sama yang membolehkan kedua-dua domain ini menjelaskan tentang satu sama lain.

Stover (2010) pula mengembangkan Teori Hibrid daripada Tendahl (2009) dengan mencadangkan Proses Tiga Serangkai (Triple Processing Model). Proses Tiga Serangkai merupakan tiga proses yang berlaku secara selari dalam pemahaman metafora. Tiga proses tersebut ialah proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses pentaabiran. Proses ini menggabungkan Teori Relevans dan Linguistik Kognitif tentang cara sesuatu makna metafora difahami melalui proses mental, logik dan pengalaman sedia ada. Melalui perkembangan Teori Hibrid oleh Stover (2010) ini, representasi makna metafora dilihat daripada aspek proposisional dan representasi imaginasi dan pengalaman.

Dalam Teori Hibrid, terdapat gabungan beberapa elemen daripada Teori Relevans dan Teori Metafora Konseptual iaitu konsep *ad hoc* dan proses pemetaan dua domain yang digunakan untuk menganalisis makna metafora. Melalui teori Hibrid ini, makna metafora dapat dikenal pasti dengan pembentukan rantau konseptual dan konsep *ad hoc* dalam proses menginterpretasi makna. Ia juga menjelaskan bagaimana struktur ayat mempengaruhi sesuatu data metafora. Kemudian, Teori Hibrid diolah semula dengan memasukkan model Proses Tiga Serangkai yang diperkenalkan oleh Stover (2010) dan rantau konseptual oleh Tendahl (2009). Secara keseluruhannya, Teori Hibrid ini merupakan kerangka kerja yang komprehensif dalam proses memahami cara metafora digunakan dalam proses komunikasi dengan mengambil kira penginterpretasian makna seseorang terhadap bahasa kiasan.

Kosa ilmu kedua yang digunakan dalam penghasilan kajian ini adalah buku oleh Forceville (1996). Kosa ilmu ini digunakan untuk kerangka konsep dan makna metafora visual dalam kajian ini. Menurut Forceville (1996), metafora visual merujuk kepada penggunaan imej sebagai penghubung dalam menyampaikan makna metafora. Metafora bukan sahaja boleh hadir dalam bentuk perkataan, ujaran dan frasa, tetapi ia turut hadir dalam bentuk gambar atau imej. Metafora visual ini adalah penggunaan elemen visual untuk menyampaikan makna melalui domain konseptual yang berbeza, dan tidak dihadkan dalam bentuk bahasa atau ujaran sahaja. Ia boleh hadir dalam bentuk gambaran imej statik sahaja, dan juga menggabungkan elemen bahasa, bunyi, visual dan isyarat. Seperti metafora dalam bentuk kata, metafora visual ini turut melibatkan penggunaan dua domain iaitu domain sumber atau *source domain* dengan domain sasaran atau *target domain*.

Terdapat beberapa kategori metafora visual yang dibahagikan berdasarkan struktur dan konteks metafora visual iaitu metafora kontekstual (disebut sebagai metafora monomodal), metafora hibrid dan metafora multimodal. Metafora monomodal atau metafora kontekstual dihasilkan menggunakan satu mod sahaja seperti objek yang digunakan untuk menggambarkan metafora. Metafora hibrid pula merupakan metafora visual yang melibatkan sumber dan sasaran secara fizikal dalam satu imej yang membentuk gestalt. Ia menjadikan metafora visual bentuk ini tidak dapat dipisahkan, maka ia boleh difahami sebagai satu bentuk metafora. Bagi metafora multimodal pula, ia melibatkan penggunaan beberapa mod untuk menggambarkan metafora. Misalnya, penggunaan elemen visual dan lisan secara serentak untuk menyampaikan makna metafora. Metafora visual berbentuk multimodal ini dapat menambah pemahaman

dalam pemetaan konsep antara domain sumber dan domain sasaran. Penggunaan metafora visual ini bukan sahaja digunakan dalam pengiklanan, Ia juga sesuai digunakan dalam bahan-bahan media, termasuklah dalam konteks iklan, filem, lukisan dan sebagainya untuk melihat cara kiasan disampaikan dalam bentuk gambar.

Kosa ilmu seterusnya ialah kosa ilmu daripada Rozaimah Rashidin (2018) dan Kovecses (2010) yang menerangkan tentang metafora konvensional dan metafora linguistik. Penggunaan metafora hadir dalam pelbagai bentuk misalnya, perumpamaan, perbandingan, analogi, simpulan bahasa, pepatah, peribahasa, bahasa kiasan, sindiran, tamsil, ibarat, metonimi, personifikasi dan bidalan. Terdapat dua bentuk utama metafora iaitu metafora konvensional dan metafora linguistik. Metafora konvensional adalah ungkapan yang digunakan untuk menyampaikan makna bukan literal yang telah mantap penggunaannya dalam masyarakat seperti penggunaan peribahasa, perumpamaan dan simpulan bahasa. Bentuk metafora ini dikenali sebagai metafora mati kerana sifatnya yang tetap dan diterima umum. Metafora linguistik pula merupakan bentuk metafora yang hadir dalam penggunaan ayat, ujaran, atau frasa yang membawa makna metaforikal dalam konteks bahasa. Kedua-dua jenis metafora ini berfungsi melalui proses pemetaan domain yang memetakan unsur konkrit kepada unsur abstrak. Proses ini kemudiannya membentuk metafora konseptual (Gulz, 1992 & Kövecses, 2010).

Kosa ilmu keempat adalah kosa ilmu dari Kovecses (2005). Menurut Kovecses (2005), secara asasnya, metafora konseptual terbahagi kepada dua tahap iaitu metafora tahap generik (umum) dan metafora tahap spesifik (khusus). Metafora tahap gwnweik merujuk kepada peringkat umum atau asas yang turut dikenali sebagai metafora utama. Domain sasaran dalam metafora ini bersifat abstrak iaitu unsur spesifik domain sasaran tidak dinyatakan. Metafora tahap generik ini disebut sebagai metafora asas kerana ia menjadi asas kepada satu gugusan metafora lain. Ia digunakan untuk mengkonseptualkan entiti abstrak melalui sesuatu unsur konkrit (domain sumber) melalui mekanisme kognitif. Misalnya, metafora konseptual EMOSI IALAH BEKAS kerana domain sasaran (EMOSI) tidak menyatakan emosi yang spesifik. Bagi metafora tahap spesifik pula, ia merujuk kepada metafora pada peringkat khusus yang terhasil daripada pengembangan atau pengkhususan metafora tahap generik. Metafora tahap spesifik ini dilihat daripada domain sasarannya yang dikhususkan untuk mewakili unsur spesifik. Ia juga melibatkan persamaan domain sumber dalam satu gugusan atau kelompok. Metafora tahap spesifik ini berfungsi untuk mengkonseptualkan unsur

abstrak yang lebih terperinci dalam domain sasaran dengan menggunakan domain sumber yang sama. Domain sumber yang sama tersebut adalah sebagai domain sumber pengikat sesuatu gugusan atau konsep. Misalnya, metafora generik EMOSI IALAH BEKAS menghasilkan metafora tahap spesifik iaitu KASIH IALAH BEKAS dan CINTA IALAH BEKAS. Domain sumbernya adalah sama iaitu BEKAS, tetapi domain sasarannya diberikan pengkhususan seperti emosi KASIH dan emosi CINTA.

2.3 Ulasan Kajian Lepas

Dalam bahagian ini mengandungi ulasan bagi kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penghasilan kajian ini. Kajian-kajian lepas tersebut dibahagikan kepada beberapa bahagian yang bersesuaian dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti bentuk metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, menganalisis makna metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, serta perbandingan metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Bagi kajian yang melihat kepada bentuk metafora, kajian-kajian lepas akan dibahagikan mengikut kajian metafora konseptual dan kajian metafora visual. Bagi kajian yang makna metafora, kajian tersebut akan dikelaskan sebagai kajian teori Hibrid. Pengelasan kajian lepas seterusnya ialah kajian perbandingan metafora. Dalam bab ini juga mengandungi kajian metafora dalam filem untuk melihat cara kajian metafora dalam filem dijalankan secara menyeluruh.

2.3.1 Kajian Bentuk Metafora

Kelompok kajian lepas yang pertama memberi fokus kepada kajian bentuk metafora. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, terdapat beberapa kajian yang lihat kepada bentuk metafora dalam karya penulisan seperti buku, mantera, pantun dan sebagainya iaitu metafora konseptual. Walau bagaimanapun, metafora turut hadir dalam bentuk bukan lisan, tetapi dalam bentuk visual. Maka, beberapa kajian juga memfokuskan kepada metafora berbentuk visual. Oleh itu, pembahagian kajian lepas bagi bentuk metafora ialah metafora konseptual dan metafora visual.

(a) Kajian Metafora Konseptual

Siti Noraini Hamzah dan Syahirah Alias (2024) menjalankan kajian metafora dalam akhbar. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji metafora yang digunakan dalam penulisan akhbar dan membuat pengkategorian metafora yang sesuai. Kajian ini menginterpretasi makna metafora dengan mengaplikasikan teori Relevans. Kajian ini menggunakan data metafora daripada surat khabar Utusan Malaysia dengan memfokuskan kepada ruangan politik. Kajian yang mengkategorikan dan menginterpretasi makna metafora ini merangkumi perumpamaan, perbandingan, simpulan bahasa, pepatah, personifikasi, kiasan dan bidalan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori metafora yang dikenal pasti ialah konsep Kepimpinan, Kewangan, Perpecahan dan lain-lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan metafora dalam penulisan dapat membantu pembaca untuk memahami situasi politik daripada sudut pragmatik. Dalam kajian ini juga, pengkaji mencadangkan bahawa kajian metafora dibuat dengan menambah analisis perbandingan dengan kajian lepas untuk mengukuhkan hasil dapatan kajian.

Delfariyadi dan Nur (2022) pula menjalankan kajian metafora konseptual dalam lagu. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis makna metafora dan skema imej yang terdapat dalam album *Ao No Waltz*. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif yang menggunakan teknik catat untuk memperoleh data iaitu album *Ao No Waltz* nyanyian Eve. Analisis data metafora yang dikenal pasti dibuat berdasarkan Teori Metafora Konseptual (Lakoff & Johnson, 2003) dan Teori Skema Imej (Croft & Cruse, 2004). Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 18 metafora yang dikenal pasti dalam album *Ao No Waltz* iaitu tiga metafora struktural, lima metafora orientasi, dan 10 metafora ontologi. Bagi skema imej pula, skema imej yang dikenal pasti ialah DAYA, BEKAS dan skema imej IDENTITI. Daripada penelitian terhadap metafora konseptual dalam *Ao No Waltz* ini menunjukkan bahawa penggunaan metafora berkait rapat dengan penyanyi iaitu Eve, terutama daripada aspek memori peribadi dan pengalaman hidupnya.

Salihah Ab Patah et al. (2021) menjalankan kajian metafora yang berasaskan data korpus. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji fenomena kemurungan dalam kalangan individu yang menghidap *Major Depression Disorder* (MDD). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan data korpus berkomputer untuk memproses dan menganalisis data dengan menggunakan korpus yang dibina

sendiri atau *DIY Corpus* menggunakan perisian WordSmith 8.0. Data metafora dikenal pasti menggunakan Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) oleh Kumpulan Pragglejazz (2007) dan analisis data metafora yang dikenal pasti dibuat menggunakan Teori Metafora Konseptual (Lakoff dan Johnson, 1980) dan Analisis Metafora Sistematis (Cameron et al, 2010). Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam Bahasa Melayu, set metafora yang digunakan dalam kajian kemurungan adalah sama dengan kajian lepas iaitu KEMURUNGAN IALAH KEJATUHN, KEMURUNGAN IALAH SIMPTOM FIZIKAL, KEMURUNGAN IALAH PEPERANGAN dan sebagainya.

Zulkifley Hamid dan Nirwana Sudirman (2017) telah menjalankan kajian yang mengaplikasikan metafora konseptual dan skema imej dalam pantun Melayu. Kajian tersebut dijalankan untuk menghuraikan akal budi Melayu melalui metafora konseptual atau alam batin dan membuat pemetaan akal budi dalam pantun menggunakan skema imej. Pantun yang digunakan dalam kajian tersebut adalah 110 dari 5653 pantun dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2013). Pemilihan pantun tersebut dibuat berdasarkan kategori dalam buku. Kajian ini menggunakan teori Semantik Kognitif oleh George Lakoff dan Mark Johnson (1980) untuk memenuhi persoalan dan objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis metafora yang dikelaskan oleh Lakoff (1980) digunakan dalam pantun Melayu. Enam skema imej juga digunakan untuk menggambarkan metafora dalam pantun Kurik Kundi Merah Saga. Proses-proses dalam semantik kognitif ini membolehkan peluasan dan penjanaan makna pantun dibuat secara sistematik.

Selanjutnya, Suziana Mat Saad et al. (2017) menjalankan kajian tentang perbandingan metafora konseptual iaitu KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN. Metafora konseptual tersebut telah dikenal pasti dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis. Novel Bahasa Melayu yang digunakan dalam kajian ini adalah novel *Salina* karya A Samad Said dan novel *La Vue Devant Soi* karya Romain Gary. Analisis data dijalankan dengan menggunakan kerangka Teori Metafora Konseptual dan Teori Metafora Primer dan Kompleks. Hasil gabungan teori-teori ini mendapati bahawa metafora bukan sekadar penggunaan bahasa, ia juga melibatkan unsur linguistik ekstra seperti budaya, gaya pemikiran dan sudut pandang masyarakat mengenai isu atau perkara yang dibahaskan.

Selain itu juga, Aini Karim dan Muhammad Fadzllah Zaini (2017) menjalankan kajian yang memfokuskan metafora konseptual kemuliaan manusia dalam syair. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti dan menganalisis metafora kemuliaan

manusia yang digunakan dalam penulisan *Syair Nasihat* karya Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin. Kajian ini menggunakan *Syair Nasihat* karya Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin yang diambil dari edisi kedua cetakan kedua (2014) dengan mengehendkan kepada 22 rangkap syair yang memberi fokus kepada penyampaian rangkap kemuliaan manusia. Teori Metafora Konseptual Lakoff (1993) untuk menganalisis makna yang disampaikan dalam syair. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa melalui syair nasihat ini, terhasil 22 konseptualisasi metafora kemuliaan manusia yang menggambarkan peranan anggota badan dan tahap intelektual manusia saling berkaitan. Penggunaan leksikal akal, mulut, mata, hidung, tangan dan kaki dalam bentuk metafora memberi gambaran jelas tentang kemuliaan manusia dibuktikan dalam pemilikan bentuk fizikal ini dan ia juga merupakan elemen yang membezakan manusia dengan makhluk Tuhan yang lain seperti haiwan dan tumbuhan.

Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2015) menjalankan kajian semantik kognitif yang mengkaji akal budi Melayu dalam mantera. Kajian ini bersandarkan kepada tiga objektif iaitu mengenal pasti metafora konseptual yang terkandung dalam mantera, menganalisis akal budi Melayu berdasarkan unsur metafora konseptual dan pemetaan gambaran akal budi Melayu melalui skema imej. Kajian ini meneliti tiga jenis metafora konseptual dalam buku *Ulik Mayang : Kumpulan Mantera Melayu* karya Haron Daud (2004). Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada *Idealized Cognitive Models* (ICM) iaitu skema imej dan metafora konseptual oleh Lakoff. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metafora konseptual struktural digunakan paling banyak dalam mantera. Analisis skema imej pula mendapati bahawa empat jenis skema imej telah dikenal pasti iaitu skema imej bekas, skema imej tatatingkat, skema imej daya, dan skema imej pusat dan pinggir untuk pemetaan gambaran abstrak dan konkrit supaya mesej dalam mantera Melayu tersebut dapat difahami dengan lebih jelas.

(b) Kajian Metafora Visual

Kelompok kajian lepas yang kedua ialah kajian tentang metafora visual. Misalnya, kajian oleh Wang (2021). Kajian ini dilakukan untuk meneliti cara penggunaan metafora visual dan multimodal dapat memberi pemahaman kepada kanakkanak tentang isi kandungan buku tersebut, dan menarik minat mereka dalam

penceritaan buku. Kajian ini dilakukan terhadap buku bergambar yang bertajuk *Inside the Human Body* yang merupakan siri daripada *The Magic School Bus*. Naskhah ini merupakan karya Joanna Cole dan hasil ilustrasinya oleh Bruce Degen. Kerangka teori kajian ini adalah menggunakan pendekatan pengkategorian metafora visual dan multimodal Forceville yang dilihat daripada tiga aspek iaitu cara naratif metafora dibina, cara watak dibentuk dan cara penyampaian metafora visual dan multimodal digunakan untuk dalam menyampaikan mesej kepada pembaca. Hasil analisis menunjukkan bahawa metafora dalam buku ini berbentuk metafora visual dan metafora verbo-gambar. Kesimpulannya, metafora visual dan multimodal mempunyai hubungan yang signifikan dalam proses membentuk identiti sesuatu karakter, penggunaan metafora visual juga menjadikan plot penceritaan lebih menarik.

Selanjutnya ialah kajian oleh Hartel dan Savolainen (2016). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji metafora visual dalam penyampaian maklumat iaitu mengenal pasti domain sumber dan implikasi penggunaan metafora terhadap pemahaman pembaca dalam menyampaikan maklumat. Kajian ini melibatkan 2000 korpus lukisan asal tentang sesuatu maklumat. Data korpus ini diperoleh daripada iSquare dan proses sistematik digunakan untuk proses mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir metafora visual. Kajian ini menggunakan teori metafora kognitif sebagai kerangka teori utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 125 metafora visual yang dikenal pasti. Domain yang tertinggi ialah domain alam semula jadi. Antara metafora visual yang paling banyak dikenal pasti ialah maklumat sebagai pokok, maklumat sebagai web, dan maklumat sebagai mentol lampu. Kesimpulannya, kajian ini memberi perspektif baharu tentang konsep penyampaian maklumat melalui metafora. Penggunaan metafora visual dapat menyumbang kepada pemahaman pembaca tentang sifat dan peranan metafora dalam membentuk konseptual pembaca.

Alousque (2015) turut menjalankan kajian tentang metafora visual dalam pengiklanan. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis metafora visual dalam pengiklanan dengan mengkategorikan cara perkaitan imej dan teks untuk menghasilkan metafora dalam iklan. Data yang digunakan dalam kajian ini dibataskan kepada 200 korpus iklan dalam talian. Daripada 200 iklan tersebut, pengkaji hanya menganalisis sembilan iklan terpilih secara terperinci. Pemilihan dibuat berdasarkan kepada gabungan maklumat visual dan lisan, penggunaan metafora dalam gambar dan juga ilustrasi yang menggambarkan kepelbagaian teks dan imej. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan teks dalam iklan adalah digunakan untuk mengukuhkan

metafora yang terkandung dalam imej, menggabungkan teks dan imej untuk membentuk metafora visual dan mendedahkan makna metafora dalam sesuatu gambar. Selain itu, fungsi pragmatik dalam teks juga dapat dilihat iaitu untuk mengukuhkan pernyataan tentang kualiti produk dan menerapkan nilai persuasif dalam iklan tersebut. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa teks memberikan peranan dalam pemahaman metafora visual bagi sesuatu iklan.

Alousque (2014) turut menjalankan kajian metafora visual dalam kartun Bahasa Sepanyol yang bergenre politik. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis visual monomodal dan *verbo-pictorial multimodal metaphor* dalam kartun bergenre politik di Sepanyol iaitu 15 kartun politik dari Sepanyol dalam akhbar popular *El Pais*. Kajian ini juga meneliti cara metafora dan metonimi diaplikasikan dalam kartun tersebut. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan analisis korpus untuk mengenal pasti metafora monomodal dan multimodal dan melihat perkaitan antara teks dan imej digunakan. Kajian ini menggunakan pendekatan metafora kognitif oleh Lakoff untuk menghuraikan jenis metafora dan metonimi serta teori metafora Forceville untuk membangunkan kerangka kerja bagi kajian metafora *non-verbal* dan *multimodal*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metafora dan metonimi banyak digunakan dalam kartun politik Sepanyol. Metafora yang terkandung juga mengandungi nilai-nilai aksiologi yang menggambarkan pandangan negatif daripada pelukis tentang berita atau isu yang disampaikan dalam karyanya. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa hubungan antara teks dan imej dalam metafora multimodal memainkan peranan penting untuk memberi pemahaman makna metafora, khususnya dalam konteks kartun bergenre politik.

2.3.2 Kajian Makna Metafora

Seterusnya ialah kajian yang mengkaji makna metafora. Dalam bahagian ini, kajian lepas yang dipilih adalah berdasarkan kajian yang mengaplikasikan Teori Hibrid untuk menganalisis makna metafora. Kelompok kajian lepas dipilih berdasarkan Teori Hibrid, selari dengan kerangka teori yang digunakan dalam kajian perbandingan metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*.

(a) Kajian Pengaplikasian Teori Hibrid

Nor Hafuza Muhammad Arif et al. (2023) menjalankan kajian metafora konseptual dalam data korpus. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis makna yang terkandung dalam metafora API yang digunakan untuk menggambarkan emosi orang Melayu dalam penulisan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif yang menggunakan data korpus DBP. Data korpus yang diambil ini memfokuskan kepada subkorpus akhbar, majalah, buku dan teks sastera. Data metafora yang telah dikenal pasti dianalisis menggunakan Teori Hibrid yang dipelopori oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010). Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menggunakan perlambangan api untuk memberi gambaran kepada emosi tertentu seperti kemarahan, cinta, dendam, permusuhan dan perjuangan. Penggunaan lambang api ini mencerminkan akal budi dan pemikiran melayu semasa berbahasa tentang emosi. Pemahaman konteks juga memberi kesan kepada proses penginterpretasian makna metafora sama ada ia membawa kepada konotasi positif atau konotasi negatif.

Rozaimah Rashidin et al. (2023) pula menjalankan kajian yang menganalisis ungkapan metafora yang terkandung dalam empat bab pertama buku *Falsafah Hidup* karya Hamka. Analisis metafora tersebut merupakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) sebagai kerangka teori. Hasil analisis menunjukkan bahawa metafora konseptual yang terkandung dalam buku *Falsafah Hidup* karya Hamka terdiri daripada tiga jenis iaitu metafora orientasi, metafora struktural dan metafora ontologi. Ketiga-tiga metafora ini digunakan untuk menggambarkan konsep kehidupan, akal dan fikiran kepada pembaca. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman penerapan Teori Hibrid dalam menganalisis metafora.

Seterusnya ialah kajian oleh Rozaimah Rashidin et al. (2023). Kajian tersebut merupakan kajian ekolinguistik yang memfokuskan kepada temu bual isu Covid-19 dan kemurungan di Langkawi, Malaysia. Kajian ini menganalisis temu bual tentang perkaitan antara isu Covid-19 dengan kemurungan dalam kalangan penduduk di Pulau Tuba, Langkawi, Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan Model Analisis Bahasa dan Ekologi oleh Stibbe (2015) yang melihat kepada dua bentuk naratif iaitu naratif penilaian dan naratif metafora. Analisis naratif penilaian melihat kepada cara naratif Covid-19 dan kemurungan dipersembahkan manakala naratif metafora melihat

kepada cara penutur menggunakan konsep elemen abstrak dalam bentuk elemen konkrit dalam proses temu bual. Teori Hibrid digunakan untuk menganalisis naratif metafora ini. Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan data primer. Data primer yang diperoleh merupakan hasil transkripsi temu bual dengan responden di Pulau Tuba, Langkawi. Hasil kajian menunjukkan terdapat penggunaan metafora konseptual dalam ujaran tentang rezeki, ekonomi, perniagaan, perbelanjaan, dan perkara-perkara yang menjejaskan aspek sosial dan kehidupan mereka semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kajian lepas seterusnya ialah kajian oleh Muhamad Fadzllah Zaini (2015) yang menjalankan kajian metafora ADAT dengan mengaplikasikan Teori Hibrid. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis metafora ADAT dalam pantun Melayu. ADAT yang dijadikan bahan kajian diambil dari buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2009) yang mengandungi pantun Melayu dari serata Malaysia. Analisis tersebut dibuat dengan menggunakan Teori Hibrid dengan menggunakan Model Tiga Serangkai (Triple Processing) iaitu proses simulasi, proses perubahan penyampaian dan proses pembuktian. Hasil kajian menunjukkan bahawa pencipta pantun mengaitkan unsur alam dalam pantun yang dihasilkan kerana pemikiran dan kognitif masyarakat melayu sebelumnya bersifat lebih spesifik. Penggunaan Teori Hibrid dalam kajian ini membolehkan konteks penyampaian dan tujuan pantun ini difahami dengan lebih jelas.

Kajian Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) tentang metafora KASIH dalam teks Melayu tradisional. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis metafora KASIH dalam beberapa teks Melayu tradisional iaitu *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu* dan *Tuhfat Al-Nafis*. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang memfokuskan kepada analisis data yang diperoleh daripada pangkalan data *Malay Concordance Project*. Teori Hibrid oleh Tendahl dan Stover telah digunakan dalam penghasilan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa metafora KASIH dalam teks Melayu tradisional ini bukan hanya digunakan sebagai bahasa kiasan, ia juga digunakan untuk penyampaian makna dan emosi secara tersirat. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan metafora dalam karya-karya Melayu adalah bersifat kompleks. Ia juga mencerminkan pemikiran dan kognitif masyarakat Melayu. Analisis metafora KASIH ini berfungsi sebagai medium untuk menilai emosi dan budaya Melayu, sekaligus menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu sangat mahir dalam penggunaan bahasa metaforikal dalam

kehidupan sehari-hari mereka. Penerapan Teori Hibrid dalam kajian ini juga merupakan satu perspektif baharu untuk kajian metafora.

2.3.3 Kajian Perbandingan Metafora

Kategori kajian lepas yang lain ialah kajian lepas perbandingan metafora. Kajian perbandingan ini dijalankan untuk melihat persamaan dan perbezaan elemen metafora dalam data kajian tertentu. Berdasarkan kajian lepas, terdapat kajian perbandingan yang memfokuskan kepada perbandingan makna figuratif dalam filem, kajian perbandingan metafora dan kajian perbandingan simpulan bahasa.

Rani Komalasari et. al. (2025) menjalankan kajian perbandingan makna figuratif dalam dua filem genre komedi dan dua filem genre seram. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis bahasa kiasan yang digunakan dalam filem genre komedi dan filem seram, menganalisis fungsi bahasa kiasan dalam filem tersebut dengan memfokuskan kepada cara bahasa kiasan memberi pemahaman kepada makna, emosi dan imaginasi. Objektif yang ketiga ialah untuk melihat perbandingan penggunaan bahasa kiasan dalam filem berlainan genre. Kajian ini menggunakan empat buah filem sebagai data kajian. Dua filem bergenre komedi iaitu *Barbie* dan *Marry Me*, dan dua filem genre seram iaitu *Talk to Me* dan *Insidious : The Red Door*. Kajian berbentuk kualitatif ini mengaplikasikan teori Perrine sebagai kerangka teori untuk mengenalpasti dan menganalisis bentuk dan makna figuratif dalam keempat-empat filem. Dapatan kajian menunjukkan bahawa filem bergenre komedi mempunyai 48 data yang terdiri daripada sembilan jenis bahasa figuratif iaitu alegori, metafora, metonimi, paradoks, personifikasi, simile, simbol, *synecdoche* dan hiperbola. Jenis bahasa figuratif yang paling banyak ialah hiperbola iaitu sebanyak 11 data dan paling sedikit ialah metafora dengan satu data. Bagi filem genre seram pula, terdapat 26 data yang merangkumi lapan jenis bahasa figuratif iaitu alegori, metafora, metonimi, simile, simbol, *synecdoche*, hiperbola dan ironi. Jenis yang paling tinggi ialah simile iaitu sebanyak enam data dan paling rendah ialah metafora iaitu dengan satu data. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji menyatakan bahawa terdapat empat fungsi bahasa kiasan menurut teori Perrine iaitu untuk meningkatkan imaginasi, gambaran tambahan, kedalaman emosi dan menyampaikan makna secara ringkas dan padat. Filem bergenre komedi paling banyak menggunakan hiperbola manakala filem

seram banyak menggunakan simile. Penggunaan bahasa kiasan dalam filem-filem ini adalah untuk meningkatkan keseronokan dalam imaginasi berbanding kedalaman emosi. Maka, jelaslah bahawa pemilihan dan penggunaan bahasa kiasan dipengaruhi oleh ciri dan daya tarikan dalam setiap filem yang berbeza genre.

Selain itu, Gofurova (2024) menjalankan kajian perbandingan metafora konseptual dalam akhbar bahasa Inggeris dan Uzbek. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan penggunaan metafora konseptual dalam akhbar bahasa Inggeris dan Uzbek dan meneliti bagaimana unsur budaya memberi kesan kepada penggunaan metafora. Kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan dengan menganalisis 20 artikel daripada pelbagai akhar. Bagi artikel bahasa Inggeris, akhbar yang dipilih adalah *Telegraph*, *Guardian*, *Daily Mail* dan *Daily Express* manakala bagi artikel Bahasa Inggeris, akhbar yang dipilih ialah *Xalk suzi*, *New Uzbekistan* dan *Jamiyat*. Data-data ini dikumpulkan secara manual untuk memastikan variasi yang dipilih sesuai dan corak penggunaan bahasanya beragam seperti topik ekonomi, sosial, kesihatan dan politik. Analisis metafora konseptual dibuat berdasarkan teori Metafora Konseptual oleh Lakoff dan Johnson (1980). Hasil kajian menunjukkan bahawa akhbar bahasa Inggeris lebih banyak menggunakan metafora dalam penulisan berkaitan perang, sukan dan perniagaan manakala akhbar bahasa Uzbek menggunakan metafora untuk menggambarkan alam semula jadi, keagamaan dan kekeluargaan. Penggunaan metafora ini bertujuan untuk menyampaikan mesej secara ringkas dan berkesan. Kesimpulannya, penggunaan metafora konseptual dalam penulisan akhbar ini berperanan dalam mempengaruhi persepsi dan pemahaman audien. Metafora yang digunakan pula dipengaruhi oleh budaya dan latar belakang sesuatu bahasa. Penggunaan unsur metafora ini dapat membantu penulis menyampaikan idea yang kompleks dengan jelas dan menarik. Penggunaan metafora yang sesuai penting supaya konteks budaya dan linguistik dapat difahami.

Parameswary Shanmugami dan Anida Sarudin (2019) menjalankan kajian metafora. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan membuat perbandingan tentang nilai kerajinan dalam peribahasa Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah enam peribahasa yang terdiri daripada tiga peribahasa Tamil dan tiga peribahasa Melayu. Perbandingan nilai kerajinan dianalisis menggunakan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa rantau konseptual perbandingan yang dihasilkan memberi gambaran yang jelas tentang perbezaan dan persamaan bagi peribahasa nilai kerajinan dalam peribahasa

Melayu dan Tamil. Perbezaan yang ketara dapat dilihat daripada aspek domain, konsep ad hoc, metafora konseptual dan metonimi konseptual manakala persamaan dilihat daripada aspek skema imej dan aturan linear. Persamaan dan perbezaan ini menyimpulkan bahawa konsep ad hoc bagi nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan Tamil ini adalah berbeza kerana ia dipengaruhi oleh falsafah dan akal budi masyarakat Melayu dan India.

2.3.4 Kajian Metafora dalam Filem

Seterusnya, kelompok kajian lepas terakhir ialah kajian lepas metafora dalam filem. Kajian lepas metafora dalam filem ini tidak dihadkan kepada aspek semantik semata-mata, sebaliknya ia dilihat secara menyeluruh.

Antara kajian metafora dalam filem ialah kajian yang dijalankan oleh Adi Purnawan (2023). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis metafora visual dalam filem bersiri John Wick. Kajian ini mengaplikasikan teori Metafora Visual dari Noel Carroll (1994) kepada bahan kajian iaitu tiga filem dalam siri *John Wick*. Tiga filem yang dipilih sebagai bahan kajian ialah filem *John Wick*, *John Wick : Chapter 2* dan *John Wick : Chapter 3 – Parabellum*. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima jenis metafora visual yang digunakan dalam ketiga-tiga filem yang dikaji iaitu 12 data *composite portrait*, tujuh data *composit construction*, 29 fotomontaj, lapan data berbentuk animasi dan 23 data bertindih (*superimposed*). Kesimpulannya, metafora visual yang dikenal pasti dapat membantu menambahkan pemahaman penonton tentang penceritaan filem tersebut supaya mesej dalam dalam cerita disampaikan dan difahami dengan baik. Perbezaan kajian ini ialah pengkaji mengaplikasikan Teori Metafora Visual oleh Noel Carroll (1994).

Seterusnya ialah kajian oleh Dunat (2022). Objektif kajian ini adalah untuk melihat cara masa direpresentasi dalam filem dan melihat perbezaan antara modelmodel konseptualisasi masa iaitu *moving-ego* dan *moving-time* dalam konteks sebuah filem. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengaplikasikan teori metafora konseptual dan teori Falsafah Filem oleh Gilles Deleuze. Teori metafora konseptual digunakan untuk menjelaskan 20 pengaplikasian konsep masa dalam naratif filem manakala teori Falsafah Filem oleh Deleuze digunakan untuk membandingkan representasi tradisional dan representasi kontemporari untuk menggambarkan masa

dalam sesebuah filem. Filem yang digunakan sebagai data dalam kajian ini ialah pelbagai filem daripada genre berbeza dan gaya penceritaan berbeza. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan metafora konseptual dalam sesebuah filem dapat membantu menambahkan pemahaman penonton tentang penyampaian masa melalui imej dan naratif yang konkrit. Penonton juga dapat melihat hubungkait antara ruang, pergerakan, dan watak dalam konteks masa. Aspek-aspek abstrak tentang masa seperti perubahan kenangan dan harapan dapat dizahirkan dalam bentuk imej dan penceritaan yang boleh merangsang pemikiran dan emosi penonton. Kesimpulannya, pengaplikasian teori metafora konseptual dan teori falsafah filem Deleuze dalam kajian ini membuktikan bahawa filem bukan sahaja digunakan sebagai medium hiburan, bahkan ia juga merupakan medium untuk memupuk pemahaman manusia tentang konsep abstrak masa dengan penggunaan naratif dan visual yang pelbagai.

Horsey (2022) juga menjalankan kajian metafora dalam filem, iaitu tentang peranan metafora dalam filem dokumentari. Objektif kajian ini adalah untuk memahami peranan metafora dalam filem dokumentari dan televisyen, serta meneliti cara dokumentari menggunakan metafora dalam menyampaikan makna dan kebenaran. Kajian ini bertujuan untuk menerangkan manifestasi teori metafora dalam dokumentari, dengan hubungan uniknya dengan realiti dan kebenaran. Data yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dokumentari terpilih oleh Agnès Varda, Patricio Guzmán, Werner Herzog, Errol Morris, dan Chantal Akerman. Kajian ini menggunakan Teori Metafora Konseptual untuk memenuhi objektif kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan metafora ada dalam pembuatan filem dokumentari dan televisyen. Metafora digunakan secara meluas dalam dokumentari untuk menyampaikan makna dan membentuk pemahaman tentang dunia sebenar. Hasil analisis memberi penekanan tentang cara metafora digunakan dalam dokumentari yang berlainan bagi penerbit filem yang berlainan. Berdasarkan keseluruhan dapatan, penerbit filem ini didapati tidak menggunakan metafora dengan satu cara sahaja, bahkan mereka mempelbagaikan naratif metafora bagi meluaskan penerokaan tema yang lebih mendalam. Interaksi metafora yang pelbagai ini mencerminkan pandangan peribadi pengarah dan penulis skrip filem dan sifat realiti yang tidak dapat diramalkan, serta meningkatkan keupayaan dokumentari untuk menyampaikan kebenaran dan makna yang mendalam.

Coegnarts (2019) mengkaji tentang perkaitan antara metafora dan filem untuk memahami sifat dan perkaitan antara bahasa, filem dan metafora konseptual. Pengkaji

menyatakan bahawa metafora konseptual boleh dilihat dalam filem melalui sifat visual sesuatu filem atau sumber sinematiknyanya seperti pembingkai (framing) dan metonimi. Terdapat perkaitan antara teknik penghasilan filem dan mesej yang disampaikan untuk membentuk skema imej bagi sesuatu metafora dan juga menghasilkan metafora konseptual. Metonimi juga memainkan peranan yang penting untuk menghubungkan andaian skema imej kepada domain sasaran yang bersifat abstrak. Misalnya, dalam kajian kes daripada filem *The Conversation* karya Francis Ford Coppola. Dalam kajian kes tersebut, metafora dilihat melalui metonimi dengan pemetaan skema imej ke domain sasaran. Misalnya, skema imej *DAYA* yang dibentuk berdasarkan persepsi dan emosi. Melalui filem tersebut, penonton berkemungkinan untuk memetakan logik inferens skema imej kepada domain sasaran abstrak yang kemudiannya disimpulkan secara metonimi berdasarkan kepada kandungan visual dalam filem tersebut. Andaian metafora yang dikenal pasti dianalisis dengan mempertimbangkan domain sasaran yang dilihat daripada perspektif persepsi watak dan emosi. Kesimpulannya, pengkaji menekankan bahawa struktur filem dan sumber sinematik seperti *framing* penting untuk menginterpretasi metafora supaya mesej yang berbentuk abstrak dan tersirat daripada pengarang dapat difahami oleh penonton.

Sharipah Nur Mursalina Syed Azmi (2017). Sharipah Nur Mursalina Syed Azmi (2017) menjalankan kajian metafora dalam dialog filem *Puteri Gunung Ledang*. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan kata dan ungkapan metafora yang terkandung dalam filem *Puteri Gunung Ledang*, serta memahami cara ungkapan tersebut mencerminkan pemikiran dan nilai kebudayaan dalam masyarakat Melayu. Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif yang mengkaji ujaran atau diolah dalam filem *Puteri Gunung Ledang* (2004). Kajian ini merupakan kajian yang memberi fokus kepada bidang linguistik antropologi dan kajian metafora yang memberi penekanan kepada bahasa, budaya dan cara berfikir dalam sesuatu masyarakat untuk memahami cara metafora digunakan dengan memberi penekanan kepada bahasa, budaya dan cara berfikir dalam sesuatu masyarakat Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat melayu banyak memperkaitkan elemen alam sekitar dalam penggunaan metafora dalam bahasa Melayu. Dalam filem *Puteri Gunung Ledang*, penggunaan ujaran seperti ‘harapan menggunung tinggi’ dan ‘bernafas pada udara yang sama’ ini memberi gambaran kepada elemen harapan, cinta dan perpaduan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Melayu banyak memperkaitkan elemen alam sekitar dalam penggunaan metafora dalam bahasa Melayu. Dalam filem

Puteri Gunung Ledang, penggunaan ujaran seperti ‘harapan menggunung tinggi’ dan ‘bernafas pada udara yang sama’ ini memberi gambaran kepada elemen harapan, cinta dan perpaduan. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan elemen metafora dalam dialog filem Puteri Gunung Ledang ini dapat mencerminkan cara pemikiran masyarakat melayu kerana metafora berfungsi sebagai alat komunikasi yang menghubungkan pengalaman manusia dengan elemen lain seperti alam sekitar. Ciri ini menunjukkan keunikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam mengekspresikan diri melalui penggunaan bahasa tertentu.

Seterusnya ialah kajian oleh Stanton (2017). Kajian ini dijalankan untuk melihat perkaitan antara bahasa dan imej dalam industri perfileman dengan menggunakan analisis teori metafora. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan metafora dalam penghasilan filem. Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan teori Teknik Pengekalan Metafora Zaltman dan teori-teori pemasaran dan pembangunan filem untuk menganalisis pemikiran penonton dan potensi pasaran sesebuah filem. Kajian ini merupakan satu bentuk kajian analisis teks filem, kajian metafora dan kajian pasaran untuk meramal sejauhmana penggunaan metafora dapat menarik penonton untuk menonton sebuah filem, sebelum filem tersebut ditayangkan. Data filem yang digunakan dalam kajian ini tidak dinyatakan secara spesifik. Pengkaji melihat aspek-aspek seperti naratif, pengaruh visual, penggunaan metafora dan elemen-elemen kreatif lain untuk melihat kepengaruhan penerimaan penonton dan kejayaan filem. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan metafora dapat memberikan gambaran mendalam tentang cara pemikiran dan potensi sesebuah filem kerana ia digunakan 19 untuk melihat makna dengan lebih mendalam. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa kaedah penyelidikan metafora terutama sekali Teknik Pengekalan Metafora Zaltman dapat menyumbang kepada pemahaman potensi pasaran dan meramal kejayaan filem. Kajian ini juga membuka peluang kajian dengan lebih mendalam kerana kaedah penyelidikan metafora terbukti dapat meningkatkan pembangunan dan kejayaan filem. Walau bagaimanapun, kajian ini bukanlah kajian bidang semantik semata-mata kerana ia menerapkan teori Teknik Pengekalan Metafora Zaltman dan teori-teori pemasaran dan pembangunan filem untuk menganalisis pemikiran penonton dan potensi pasaran sesebuah filem.

2.4 Ulasan Kritis

Bahagian ini mengandungi ulasan kritis yang dibuat berdasarkan penelitian kepada kajian lepas yang digunakan dalam penulisan kajian ini. Kajian metafora dalam bidang semantik bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang asing. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, kajian metafora dalam bidang semantik bahasa Melayu khususnya memfokuskan kepada data-data bertulis dengan mengaplikasikan Teori Metafora Konseptual. Kajian Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2015), Zulkifley Hamid dan Nirwana Sudirman (2017), Suziana Mat Saad et al. (2017), Aini Karim dan Muhammad Fadzllah Zaini (2017), Salihah Abd Patah et al. (2021) serta kajian Delfariyadi dan Nur (2022) menunjukkan bahawa fokus kajian semantik adalah kepada teks-teks tradisional seperti syair, mantera, pantun, lagu dan korpus. Kajian Siti Noraini Hamzah dan Syahirah Alias (2024) pula mengetengahkan pelbagai pendekatan tetapi masih berfokus kepada data bertulis iaitu data dalam akhbar dianalisis menggunakan pendekatan Teori Relevans. Maka, ini memeperlihatkan bahawa kajian metafora dalam Bahasa Melayu menekankan pemetaan metafora konseptual dalam medium linguistik sekaligus menimbulkan persoalan tentang penggunaan metafora dalam komunikasi visual dan moden yang semakin dominan dalam era digital untuk melihat cara metafora difahami dalam tradisi penyelidikan semantik Melayu.

Melihat aspek bentuk metafora visual pula, kajian metafora visual memfokuskan kepada data digital seperti kartun Sepanyol, pengiklanan, penyampaian maklumat dan buku kanak-kanak dengan menerapkan kerangka Forceville (1996). Walau bagaimanapun, kajian metafora visual terhadap filem masih kurang diberi perhatian. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil penelitian kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kajian sedia ada cenderung untuk menggabungkan kajian metafora dengan teori sinematografi dan falsafah filem, misalnya kajian Dunat (2022). Pendekatan kajian ini hanya memfokuskan kepada metafora yang dilihat daripada teknik penghasilan filem, bukan melalui kerangka konsep linguistik-kognitif yang menerangkan interpretasi makna metafora. Perbezaan ini mewujudkan jurang yang jelas dalam memahami cara makna sesuatu metafora diproses melalui unsur linguistik, visual dan andaian pragmatik.

Daripada aspek teori kajian pula, kajian pengaplikasian Teori Hibrid seperti yang dijalankan oleh Muhammad Fadzllah Zaini (2015), Rozaimah Rashidin et al. (2023) dan Nor Hafuza Muhammad Arif et al. (2023; 2024) membuktikan bahawa

model Teori Hibrid ini berfungsi untuk menganalisis metafora linguistik khususnya dalam naskah melayu, data ekolinguistik dan data korpus. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini juga hanya berfokus kepada makna metafora daripada data teks dan juga elemen emosi, tanpa melihat kepada keberkesanan Teori Hibrid terhadap data daripada medium visual. berdasarkan kajian-kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa terdapat jurang kajian yang membawa kepada persoalan tentang cara sesuatu data metafora bersifat multimodal seperti dalam filem ditafsirkan.

Selain itu, beberapa kajian filem seperti oleh Dunat (2022), Adi Purnawan (2023), Sharipah Nur Mursalina (2017), Stanton (2017), Coegnarts (2019) dan Horsey (2022) biasanya menumpukan hanya kepada satu filem dan menggunakan teori yang pelbagai seperti metafora visual Carroll (1994), Teknik Pengekalan Metafora Zaltman atau teori pemasaran filem. Kajian ini menyumbang kepada perkembangan teori metafora visual dalam filem secara umum, tetapi ia tidak memberikan satu pendekatan yang dapat menjelaskan pemahaman metafora secara kognitif, linguistik dan pragmatik secara serentak. Tambahan pula, kajian filem berbahasa Melayu amat terhad dan kebanyakannya tidak bersifat perbandingan. Kajian perbandingan dalam bidang ini pula cenderung menyelidik dua budaya atau dua bahasa seperti Tamil dan Melayu (Parameswary & Anida 2019), Inggeris–Uzbek (Gofurova 2024), atau genre yang berbeza (Rani Komalasari et al. 2025). Hal ini menunjukkan bahawa penyelidikan filem Melayu masih belum meneroka kepelbagaian pendekatan kognitif dalam memahami metafora visual dan linguistik dalam genre yang berlainan.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa wujud jurang penyelidikan yang signifikan dalam merangkumi kekurangan kajian metafora visual dalam medium filem Melayu, ketidakhadiran analisis yang mengetengahkan metafora linguistik dan visual secara kognitif, dan juga ketiadaan penggunaan Teori Hibrid sebagai kerangka teori dalam analisis filem walaupun teori ini mampu menerangkan pemprosesan makna metafora secara inferens, konseptual dan simulatif. Oleh itu, kajian perbandingan metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik dari Langit* menggunakan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) dan Stöver (2010) bukan sahaja mengisi kelompangan penyelidikan semantik bahasa Melayu, tetapi turut memperkaya wacana metafora visual dan linguistik melalui kerangka kognitif-pragmatik yang lebih menyeluruh. Kajian ini seterusnya membuka ruang baharu kepada penyelidikan metafora dalam medium multimodal dan memperkukuh pemahaman terhadap pembinaan makna konseptual dalam filem Melayu moden.


2.5 Kerangka Teori

Bahagian ini akan menghuraikan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu kerangka Teori Hibrid yang dipelopori oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010).

(a) Teori Hibrid

Kajian ini akan melibatkan penggunaan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) yang diperkenalkan dalam kajiannya iaitu *“A Hybrid Theory of Metaphors : Relevans Theory and Cognitive Linguistics”*. Teori Hibrid digunakan untuk menganalisis ujaran bersifat metafora dalam kajian ini. Teori Hibrid merupakan gabungan dua bidang kajian linguistik yang berbeza iaitu linguistik kognitif dan pragmatik dengan pandangan bahawa proses menginterpretasi makna dalam kognitif perlu melibatkan proses pemetaan dua domain dan proses membuat andaian dan kesimpulan secara pragmatik. Gabungan kedua-dua proses ini menghasilkan sebuah pemahaman yang lebih kukuh berkaitan dengan makna sesuatu perkataan berdasarkan kepada pengalaman kognitif, terutama sekali membentuk pemahaman makna untuk perkataan atau ujaran kreatif seperti metafora.

Teori Hibrid ini merupakan gabungan beberapa elemen seperti konsep *ad hoc* daripada Teori Relevans dan proses pemetaan dua domain daripada Teori Metafora Konseptual bagi tujuan menganalisis metafora. Kemudian, Teori Hibrid ini diolah semula dengan memasukkan model lain iaitu model Proses Tiga Serangkai (Triple Processing Process) oleh Stover (2010) dan rantau konseptual yang diperkenalkan oleh Tendahl (2009). Rajah di bawah menunjukkan rajah model Proses Tiga Serangkai.




Rajah 2.1 Model Proses Tiga Serangkai
(Rozaimah Rashidin, 2016)

Model Proses Tiga Serangkai ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu proses simulasi, proses pentaabiran dan proses simulasi. Proses pertama dalam model Tiga


Serangkai ialah proses simulasi. Pada peringkat ini, ujaran yang difahami adalah bersifat tersurat. Selain itu, proses ini turut melibatkan penghasilan skema imej berdasarkan pengalaman seseorang. Proses simulasi yang berlaku turut melibatkan proses pemetaan dua domain yang menghasilkan metafora konseptual dan metonimi konseptual.

Salah satu proses dalam teori Hibrid ialah proses pemetaan domain. Domain ialah medan makna iaitu kumpulan leksikal yang mempunyai makna yang saling berkaitan kerana ia hadir dalam konteks serupa (Kamus Linguistik, 1997). Pemetaan domain ialah satu proses yang dijalankan untuk mentafsir makna tersirat yang melibatkan pemetaan makna abstrak dan makna konkrit (Rozaimah Rashidin, 2016). Makna domain sumber boleh difahami melalui domain sasaran dengan penggunaan analogi. Contoh gambar rajah proses pemetaan domain adalah seperti berikut :



Rajah 2.2 Proses Pemetaan Domain
(Nor Hashimah Jalaluddin, 2020)

Contoh pengaplikasian proses pemetaan domain adalah seperti berikut :



Rajah 2.3 Contoh Proses Pemetaan Domain
(Rozaimah Rashidin, 2016)


Rajah 2.2 dan Rajah 2.3 menunjukkan gambaran bagi proses pemetaan domain. Berdasarkan rajah di atas, domain A merujuk kepada domain sasaran manakala domain B ialah domain sumber. Domain sumber merupakan entiti yang bersifat konkrit. Domain sasaran pula adalah entiti abstrak. Menurut Rozaimah Rashidin (2016), proses pemetaan domain ialah proses pemetaan elemen abstrak kepada elemen konkrit. Berdasarkan ciri domain sumber yang bersifat konkrit, makna sesuatu leksikal dapat

difahami dan analogi yang bersesuaian dapat dikeluarkan. Proses ini dianggap sebagai ruang mental iaitu proses kognitif yang terlibat untuk menghasilkan pemetaan makna sumber (konkrit) kepada makna sasaran (abstrak). Proses ini akan diisi dengan pengalaman kognitif atau pengalaman badaniah (*experimental embodiment*) untuk menjelaskan makna sesuatu yang abstrak. Penjelasan makna ini boleh melibatkan konteks, pengalaman jasariah, kesan kognitif serta melibatkan falsafah dan budaya supaya perincian makna dapat dibuat dengan lebih jelas (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2024).

Seterusnya, proses pentaabiran. Proses pentaabiran adalah melibatkan penggunaan Teori Relevens iaitu konsep *ad hoc* dan proses pemetaan dua domain bersandarkan kepada pendekatan linguistik kognitif. Oleh itu, konsep *ad hoc* ini ialah andaian-andaian yang dibina untuk memberi pemahaman tentang makna sesuatu leksikal. Proses terakhir ialah proses metarepresentasi. Proses ini berbeza mengikut pengalaman dan pemahaman seseorang terhadap sesuatu perkara. Ia merupakan satu proses penting untuk penonton atau pembaca membentuk inferens melalui pengaplikasian konsep *ad hoc*.

Proses lain dalam Model Proses Tiga Serangkai ialah proses metarepresentasi. Proses metarepresentasi terlibat semasa pembaca membuat pemilihan inferens atau implikatur dengan menerapkan konsep *ad hoc* semasa menginterpretasi makna metafora. Proses ini berperanan untuk menyampaikan input dan menjadi pengantara maklumat kepada proses pentaabiran.

Analisis data metafora menggunakan Teori Hibrid dibentuk dalam satu rantau konseptual. Rantau konseptual merupakan satu kawasan untuk mengelompokkan pemahaman makna kata bagi data metafora. Pemahaman makna tersebut dihubungkan dengan beberapa elemen iaitu konsep leksikal, konsep *ad hoc*, domain, skema imej dan metafora konseptual (Rozaimah Rashidin, 2016). Rajah di bawah menunjukkan rantau konseptual dalam Teori Hibrid.



Rajah 2.4 Rantau Konseptual

(Sumber : Disesuaikan daripada Tendahl (2009) dalam Rozaimah Rashidin,2016)

Elemen pertama dalam rantau konseptual ialah konsep leksikal. Konsep leksikal merupakan pemahaman sedia ada dalam akal dan pemikiran seseorang yang membentuk kepada andaian dan imej yang berkaitan dengan pemahaman makna. Ia mengandungi maklumat proposisi, atau disebut sebagai makna literal yang telah dikemukakan.

Selain itu, elemen kedua ialah konsep *ad hoc*. Konsep *ad hoc* ini merupakan elemen dalam Teori Relevans (Carston, 2002). Konsep *ad hoc* merupakan komponen pemikiran yang menempatkan andaian leksikal dan frasa dalam memori pendengar, dan bukan andaian berbentuk konsep sebenar yang diharapkan oleh penutur. Terdapat dua jenis *ad hoc* iaitu *ad hoc* peluasan dan *ad hoc* penyempitan. *Ad hoc* peluasan ini digunakan terhadap metafora konvensional iaitu metafora yang berbentuk kiasan dan perlambangan dan ujaran secara tidak literal. Dalam pembinaan konsep *ad hoc* peluasan ini, pengkaji akan mengenal pasti konsep ujaran tersebut, dan cuba mencari makna dan mendapatkan ciri-ciri logik tertentu. Peluasan makna dalam *ad hoc* peluasan ini merujuk kepada pentafsiran secara meluas berkaitan dengan data metafora untuk menghasilkan medan makna yang lebih luas. Penggunaan *ad hoc* peluasan ini boleh menghasilkan makna yang lebih khusus dan terperinci. *Ad hoc* penyempitan pula digunakan bagi metafora linguistik untuk mencari makna sebenar dalam ujaran bersifat metaforikal tersebut (Rozaimah Rashidin, 2024). *Ad hoc* penyempitan juga boleh

mencari makna bagi masalah leksikal yang bersifat kabur. Maka, metafora visual juga menggunakan *ad hoc* penyempitan.

Seterusnya ialah elemen domain. Menurut William (1999), domain adalah satu elemen dalam bidang semantik yang berfungsi sebagai asas medan makna bagi sesuatu perkara atau konsep. Domain dalam Teori Hibrid terbahagi kepada dua jenis iaitu domain sumber dan domain sasaran yang sangat berkait rapat dengan metafora konseptual. Pemetaan dua domain ini akan menghasilkan metafora konseptual. Domain sumber ini merupakan sesuatu entiti konkrit seperti manusia, haiwan, arah, alam semula jadi dan sebagainya manakala domain sasaran pula merupakan entiti bersifat abstrak seperti emosi, pemikiran, peristiwa, kehidupan dan elemen-elemen lain yang bersifat abstrak.

Bagi elemen skema imej pula, skema imej merupakan susunan pengalaman dalam bentuk imej yang disimpan dalam pemikiran manusia untuk memahami atau menjelaskan tentang sesuatu konsep Baharu. Menurut Johnson (1987), terdapat 10 jenis skema imej iaitu skema imej pusat-pinggiran, skema imej bekas, skema imej kitaran, skema imej aturan linear, skema imej daya, skema imej penghubung, skema imej bahagian-keseluruhan, skema imej laluan, skema imej skala atau ukuran dan skema imej tatatingkat. Penjelasan bagi jenis skema imej adalah seperti berikut :

a) Skema Imej Pusat-Pinggiran


Skema imej pusat-pinggiran ialah skema imej yang melibatkan struktur yang bersifat konkrit atau abstrak. Kebiasaannya, ia berkait rapat dengan persepsi individu dan konteks sosial yang berkaitan.

Contoh skema imej pusat-pinggiran :

Negeri Melaka di zaman Sultan Masyhur Shah dilihat sebagai era zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka. Bandar Melaka bukan saja menjadi **4(a)pusat pentadbiran kerajaan Melayu yang kukuh tetapi menjadi pusat pelabuhan** dagang yang paling sibuk, teratur dan termashur di seluruh dunia di timur mau di barat. Pedagang dari China, dari negeri-negeri Nusantara kepulauan Melayu hingga ke negeri Arab datang berdagang dan juga tinggal di Melaka hingga suatu ketika terdapat enam puluh bangsa dan empat puluh bahasa digunakan di situ.

Sumber : Rozaimah Rashidin (2016)

Seterusnya, gambaran skema imej pusat pinggiran adalah seperti berikut :




Rajah 2.5 Skema Imej PUSAT-PINGGIRAN
(Rozaimah Rashidin, 2016)

b) Skema Imej Bekas

Skema imej bekas adalah skema imej yang menggambarkan sesuatu pengalaman di dalam sebuah bekas. Contohnya ialah penggunaan frasa *menyimpan dendam* dan *di dalam hati*.

Gambaran skema imej bekas adalah seperti berikut :




Rajah 2.6 Skema Imej BEKAS

c) Skema Imej Kitaran

Skema imej kitaran ialah skema imej yang melibatkan perkara yang berlaku secara berulang. Ia terdiri daripada titik permulaan, perkembangan secara berterusan


dan kembali kepada asal. Contohnya ialah perkembangan emosi, pertukaran masa atau hari. Gambaran skema imej kitaran adalah seperti berikut :



Rajah 2.7 Skema Imej KITARAN
(sumber : CANVA)

d) Skema Imej Aturan Linear

Skema imej aturan linear melibatkan data metafora yang mengandungi unsur aliran. Skema imej ini cenderung dikaitkan dengan elemen masa kerana ia mempunyai matlamat dan tujuan. Contoh skema imej aturan linear ialah frasa *nyawa tercabut*. Gambar rajah bagi skema imej aturan linear adalah seperti di bawah :



Rajah 2.8 Skema Imej ATURAN LINEAR
(Rozaimah Rashidin, 2016)

e) Skema Imej Daya

Proses lain dalam Model Proses Tiga Serangkai ialah proses metarepresentasi. Proses metarepresentasi terlibat semasa pembaca membuat pemilihan inferens atau implikatur dengan menerapkan konsep ad hoc semasa menginterpretasi makna metafora. Proses ini berperanan untuk menyampaikan input dan menjadi pengantara maklumat kepada proses pentaabiran.

Skema imej **DAYA** ialah skema imej yang terhasil apabila data metafora melibatkan interaksi antara elemen abstrak dan konkrit. Misalnya, sumber dan sasaran daya, arah, kuasa dan pergerakan domain sumber dan domain sasaran. Gambaran bagi skema imej **DAYA** adalah seperti berikut :




Rajah 2.9 Skema Imej DAYA

(Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad dan Zuraidah Jantan, 2023)

(i) Skema Imej Penghubung

Skema imej penghubung terbentuk apabila ia menghubungkan bentuk abstrak dan konkrit. Ia melibatkan dua entiti atau lebih, dan entiti tersebut berhubung antara satu sama lain. Contoh penggunaan skema imej penghubung ialah ujaran ***anak yang dikandung itu tanda pengikatnya.***




Rajah 2.10 Skema Imej PENGHUBUNG

(ii) Skema Imej Bahagian-Keseluruhan

Skema imej bahagian-keseluruhan ini merujuk kepada bentuk abstrak atau yang meliputi sebahagian atau keseluruhan bahagian.

Contoh : Dia ***percaya bulat-bulat*** tanpa usul periksa.

Rajah di bawah menunjukkan contoh gambaran skema imej BAHAGIAN-KESELURUHAN.



Rajah 2.11 Skema Imej BAHAGIAN KESELURUHAN

(iii) Skema Imej Laluan


Skema imej LALUAN terbentuk apabila data metafora tersebut melibatkan pergerakan dari satu tempat ke tempat yang lain. Contohnya, frasa ***bersua muka***, dan ***menerima perintah***. Gambaran skema imej LALUAN adalah seperti dalam rajah di bawah :



Rajah 2.12 Skema Imej LALUAN

(iv) Skema Imej Skala/Ukuran

Skema imej skala atau ukuran digunakan bagi data yang melibatkan sebarang kenaikan atau penurunan jumlah sama ada dalam bentuk abstrak atau konkrit. Contohnya, penggunaan perkataan panjang, pendek, besar, kecil dan sebagainya. Contoh data bagi skema imej skala/ukuran ialah frasa ***berlapang dada***. Gambaran bagi skema imej skala/ukuran adalah seperti berikut :




Rajah 2.13 Skema Imej SKALA/UKURAN

(v) Skema Imej Tatatingkat

Skema imej yang terakhir ialah skema imej tatatingkat. Skema imej tatatingkat mempunyai dua jenis iaitu tatatingkat atas dan tatatingkat bawah kerana konsep ini melibatkan hubungan turun dan naik.

Contoh data : ***harapan yang menggunung***



Rajah 2.14 Skema Imej TATATINGKAT

(vi) Skema Imej Objek

Skema imej objek adalah skema imej yang melibatkan entiti, unsur atau pengalaman yang berkait dengan tubuh manusia atau unsur kebendaan. Ia mempunyai ciri-ciri sesuatu yang boleh disentuh sebagai barang atau benda. Contoh skema imej objek adalah seperti berikut :

Contoh data : *bernyala-nyala seperti api*



Rajah 2.15 Skema Imej OBJEK

(sumber : CANVA)

Elemen lain dalam rantau konseptual ialah metafora konseptual. Metafora konseptual ialah mekanisma kognitif manusia yang digunakan untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu entiti konkrit. Dalam penghasilan metafora konseptual, satu entiti bersifat konkrit dijadikan sebagai domain sumber untuk memahami entiti abstrak

yang dijadikan domain sasaran. Terdapat tiga jenis metafora konseptual iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural.

Elemen terakhir dalam rantau konseptual ialah metonimi konseptual. Metonimi konseptual merupakan fenomena rujukan di mana sesuatu entiti dirujuk dengan ciri atau sifat rujukan entiti tersebut. Metonimi berfungsi sebagai rujukan dan melibatkan satu domain konseptual sahaja. Menurut Kovecses dan Szabo (1996) dalam Rozaimah Rashidin (2016), metonimi merupakan hubungan berbentuk “merujuk kepada” atau “melambangkan” dua entiti.

Data metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* akan dikenal pasti dengan mengaplikasikan Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) atau *Metaphor Identification Procedure* (MIP). Pendekatan ini diperkenalkan oleh Kumpulan Pragglez (2007). Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) adalah seperti berikut:

- i. Keseluruhan teks dibaca untuk mendapatkan pemahaman umum bagi makna dan isi kandungan teks.
- ii. Unit-unit leksikal yang terkandung dalam teks dikenal pasti.
- iii. Makna setiap unit leksikal tersebut ditentukan dengan melihat kepada konteksnya.
- iv. Makna asas bagi setiap unit-unit leksikal ditentukan.
- v. Mengenal pasti sama ada makna perkataan tersebut berbeza dengan makna kontekstualnya.
- vi. Jika tidak, data tersebut ditanda sebagai bukan metafora.
- vii. Jika makna kontekstual itu berkait dengan makna asas yang ditentukan berdasarkan ciri-ciri persamaan, maka leksikal tersebut ditanda sebagai data metafora.

Bagi data metafora visual pula, Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) disesuaikan dengan kaedah pengenalpastian metafora yang dicadangkan oleh Forceville (1996) iaitu;

- i. Kenal pasti elemen visual utama
- ii. Kenal pasti makna literal elemen visual
- iii. Kenal pasti konteks babak dan fungsi visual

- iv. Tentukan sama ada mengandung peralihan makna (makna metafora)
- iv. Jika objek digunakan untuk melambangkan sesuatu di luar fungsi literalnya, ia dianggap sebagai metafora visual.
- v. Kenal pasti domain sumber dan domain sasaran.

2.6 Kerangka Konsep

Dalam bahagian ini akan merangkumi penerangan secara teliti tentang konsep metafora, termasuklah bentuk metafora, metafora konseptual, dan jenis metafora konseptual untuk memahami konsep-konsep yang digunakan dalam penghasilan kajian ini.

2.6.1 Metafora

Metafora atau perkataan asalnya ialah *metaphora* dalam Bahasa Greek membawa maksud memindahkan, iaitu “meta” bermaksud “di atas” dan “phrein” bermaksud “membawa” (Hawkers.T, 1972). Metafora juga merupakan kiasan langsung iaitu sesuatu perbuatan, kejadian atau sesuatu sifat dikiaskan kepada sesuatu benda atau sifat benda tertentu daripada sifat sebenar benda yang diperkatakan (Asmah Haji Omar, 2008). Contoh penggunaan metafora adalah seperti berikut :

1. *Hatinya keras macam batu*
2. *Lautan manusia*
3. *puncak kejayaan*

2.6.2 Bentuk Metafora

Kajian ini menggunakan tiga bentuk metafora yang menggabungkan bentuk metafora daripada Kovecses (2010) dan Rozaimah Rashidin (2018), serta Forceville (1996). Bentuk metafora tersebut ialah metafora konvensional, metafora linguistik dan metafora visual.

a) Metafora Konvensional

Metafora konvensional merupakan metafora yang berbentuk perbandingan, peribahasa, simpulan bahasa, hiperbola, metonimi dan bahasa kiasan. Ia juga disebut sebagai metafora mati atau *dead metaphor* kerana mempunyai bentuk dan fungsi tetap yang telah diterima. Metafora ini juga digunakan secara meluas oleh pengguna bahasa tersebut. Contoh metafora konvensional adalah seperti berikut :

1. *Akhir zaman*
2. *Nyawa-nyawa ikan*

3. Mandi peluh


b) Metafora Linguistik

Metafora linguistik ialah metafora yang hadir dalam ayat, ujaran, kata atau frasa dan bersifat metaforikal. Menurut Kovecses (2010), proses pemetaan dua domain merupakan salah satu aspek dalam metafora linguistik dalam sistem konseptual manusia. Ini kerana proses pemetaan domain konkrit ke domain abstrak akan menghasilkan metafora konseptual. Contoh penggunaan metafora linguistik adalah seperti berikut :

1. *Hanyut dalam lautan kesedihan*
2. *Hidup ini bagaikan roda*
3. *Langit tak selamanya biru*

c) Metafora Visual

Metafora visual atau *pictorial metaphor* merupakan salah satu konsep dalam semantik kognitif yang diperkenalkan oleh Forceville (1996). Menurut Forceville, sesuatu gambar boleh mengandung metafora yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu makna lebih daripada makna secara literal, seperti penggunaan metafora dalam bahasa verbal. Metafora visual hadir apabila sesuatu elemen visual (sasaran) dibandingkan dengan elemen visual (sumber) yang tergolong daripada kategori atau kerangka makna yang berlainan. Contoh penggunaan metafora visual adalah seperti berikut :



Rajah 2.16 Contoh Data Metafora Visual
(Sumber : Wang, 2021)

2.6.3 Metafora Konseptual

Metafora konseptual merupakan satu bentuk proses kognitif yang digunakan oleh setiap manusia bagi memahami sesuatu yang bersifat abstrak dengan mewakili

kepada elemen konkrit (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2024). Menurut Kovecses (2010), metafora konseptual didefinisikan seperti berikut :

“... is defined as understanding one conceptual domain in terms of another conceptual domain. A convenient shorthand way of capturing this view metaphor is the following : CONCEPTUAL DOMAIN A IS A CONCEPTUAL DOMAIN B, which is called conceptual metaphor”.

(Kovecses, 2010)

Contoh metafora konseptual adalah seperti berikut :

(1) *Kehidupan Ialah Perjalanan*

Metafora konseptual *Kehidupan Ialah Perjalanan* terhasil daripada pemetaan dua domain iaitu *perjalanan* sebagai domain sumber dan *kehidupan* sebagai domain sasaran. Metafora konseptual ini memberi gambaran bahawa kehidupan adalah satu proses yang melibatkan langkah, usaha dan pilihan seseorang untuk mencapai tujuan tertentu. Menurut Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Imran-Ho Abdullah (2017), aspek yang dilihat sebagai metafora konseptual *Kehidupan Adalah Perjalanan* ini adalah aspek-aspek perjalanan seperti pengembara (individu yang menjalani kehidupan), destinasi, laluan serta halangan dan rintangan. Misalnya, bagi data metafora “*merancang kehidupan*” dan “*peristiwa yang tidak diingini*”. Penggunaan metafora konseptual ini digunakan sebagai alat untuk memahami sesuatu mesej yang juga merupakan cerminan kepada budaya dan kepercayaan masyarakat dalam menjalani dan menilai perjalanan kehidupan mereka.

(2) *Kematian Ialah Tujuan*

Metafora konseptual *Kematian Ialah Tujuan* dihasilkan apabila pemetaan domain dibuat dengan *Tujuan* sebagai domain sumber dan *Kematian* ialah domain sasaran. Metafora konseptual tentang kematian ini menggambarkan tentang konsep kematian daripada aspek keagamaan iaitu setiap makhluk yang hidup akan mati apabila tiba masanya (Al-Quran 3:185). Data metafora tentang kematian ini dikenal pasti dengan penggunaan frasa seperti “*proses terakhir*” dan “*hidupnya di dunia ini berakhir*” yang memberi gambaran bahawa kematian adalah tahap terakhir dalam kehidupan seseorang (Dharma Putra et al., 2025).

(3) *Kemarahan Ialah Api*

Metafora konseptual *Kemarahan Ialah Api* terhasil daripada proses pemetaan dua domain di mana domain sumber ialah *Api* dan domain sasaran ialah *Kemarahan*. Melalui metafora konseptual ini, emosi digambarkan sebagai sesuatu yang nyata dan dikaitkan dengan sifat sesuatu objek seperti api. Ia memberi gambaean bahawa emosi marah merupakan satu emosi yang dizahirkan dalam bentuk fizikal yang nyata (Rozaimah Rashidin, 2016). Misalnya, dari frasa “*terlalu amarah seperti api bernyalanya*”.

2.6.4 Jenis Metafora Konseptual

Terdapat tiga jenis metafora konseptual iaitu metafora orientasi, metafora ontologi, dan metafora struktural (Lakoff dan Johnson, 1980).

a) Metafora Orientasi

Metafora orientasi ialah peluasan makna atau konsep orientasi seperti konsep ‘Dalam-Luar’, ‘Atas-Bawah’. atau ‘Depan-Belakang’ bagi domain bukan ruang.

Contoh metafora orientasi adalah seperti berikut :

- i. *dalam minda kau, kau boleh terbang ke mana sahaja*
- ii. *dia terjatuh dalam kemurungan*
- iii. *rendah hati*

Metafora orientasi ini menggunakan konsep ruang untuk menggambarkan pengalaman berbentuk abstrak supaya ia lebih mudah difahami. Contohnya, menggambarkan minda sebagai satu ruang yang besar untuk seseorang bebas bergerak, emosi murung atau kemurungan sebagai gambaran seseorang berada dalam titik yang rendah dan emosi negatif. Daripada perspektif budaya pula, rendah hati disifatkan sebagai satu sifat kesopanan dan kesederhanaan walaupun secara literalnya, ia menggambarkan kedudukan fizikal yang lebih rendah.

b) Metafora Ontologi

Metafora ontologi ialah mengkonseptualkan sesuatu elemen yang abstrak seperti emosi, idea dan pemikiran kepada sesuatu benda yang bersifat konkrit seperti entiti atau tempat.

Contoh metafora ontologi adalah seperti berikut :

- i. *waktu berlalu dengan pantas*
- ii. *kita masukkan cadangan dalam otak kau*
- iii. *Tergantung sepi*

Metafora ontologi merupakan metafora yang menggambarkan sesuatu konsep abstrak sebagai satu objek atau bekas yang boleh diisi atau digerakkan. Bagi contoh data di atas, waktu atau masa digambarkan sebagai satu objek yang mengalir kerana penggunaan perkataan berlalu dengan pantas manakala otak digambarkan sebagai satu bekas yang mempunyai ruang untuk diisi dengan perkara lain seperti cadangan. Bagi metafora *tergantung sepi*, emosi kesepian atau sepi digambarkan sebagai satu objek yang boleh dilihat, dan tergantung di udara. Maka, metafora ontologi merujuk kepada konsep mengekstrak pengalaman abstrak kepada sesuatu yang boleh diklasifikasikan, diukur, dikumpul dan sebagainya (Vu, 2015).

c) Metafora Struktural

Metafora struktural ialah metafora yang menggunakan item berstruktur yang terdapat dalam pengalaman hidup untuk dijadikan sumber domain dalam memahami sesuatu konsep lain.

Contoh metafora struktural adalah seperti berikut :


- i. *Rumah tangga*
- ii. *Kalah dalam perdebatan*
- iii. *Seperti langit dengan bumi*

Menurut Lakoff dan Johnson (1980), metafora struktural merupakan metafora yang paling banyak digunakan kerana kebanyakannya terdiri daripada metafora konvensional seperti perumpaan dan peribahasa yang jelas. Misalnya, *rumah tangga* dan perumpamaan *seperti langit dengan bumi*. Konsep *rumah tangga* digunakan untuk perkahwinan atau perhubungan yang digambarkan sebagai sebuah binaan yang memerlukan asas sokongan dan kestabilan untuk menjamin keharmonian. Perumpamaan *seperti langit dengan bumi* pula menggunakan perbandingan yang bertentangan antara dua perkara yang konkrit. *Kalah dalam perdebatan* pula selari dengan metafora konseptual *ARGUMENT IS A WAR* yang dibincangkan oleh Lakoff dan Johnson (1980). Ini kerana dalam perbahasan atau perdebatan, para peserta

menggunakan unsur-unsur serangan atau balas yang selari dengan istilah dalam peperangan untuk memenangi sesuatu hujah (Nordquist, 2025).

2.6.5 Tahap Metafora Konseptual

Metafora konseptual merupakan sebuah mekanisme kognitif yang membolehkan manusia memahami sesuatu konsep abstrak melalui pemetaan kepada pengalaman konkrit. Kövecses, (2008, 2010) menyatakan bahawa metafora konseptual terbahagi kepada dua tahap utama iaitu metafora tahap generik (umum) dan metafora tahap spesifik (khusus). Hierarki tahap metafora konseptual ditunjukkan dalam rajah di bawah :



Rajah 2.17 Tahap Metafora Konseptual

(I) Metafora tahap generik

Metafora tahap generik merupakan metafora konseptual yang terletak pada aras umum dan abstrak. Metafora tahap generik ini dikenali sebagai metafora utama (master metaphor) (Kövecses, 2008). Dalam tahap ini, domain sasaran mewakili kategori konseptual yang luas. Fungsi metafora tahap generik ini adalah untuk membentuk kerangka pemikiran. Contoh metafora tahap generik adalah seperti berikut :

- i) Kehidupan Ialah Perjalanan
- ii) Emosi Ialah Objek
- iii) Emosi Ialah Bekas

(II) Metafora tahap spesifik

Metafora tahap spesifik ialah metafora yang terbentuk daripada tahap generik, iaitu tahap yang lebih terperinci apabila domain sasaran dikhususkan kepada elemen tertentu. Contoh metafora tahap spesifik ialah:

- i) Kasih Ialah Sebuah Bekas
- ii) Cinta Ialah Sebuah Bekas
- iii) Amarah Ialah Sebuah Bekas

2.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini menerangkan tentang dua kosa ilmu yang digunakan sebagai rujukan utama dalam penghasilan kajian ini. Terdapat empat buah buku yang digunakan sebagai rujukan utama ialah daripada Tendahl (2009) dan Stover (2010) untuk menjelaskan tentang teori yang diaplikasikan dalam kajian iaitu Teori Hibrid. Kajian ini juga menggunakan kosa ilmu daripada Forceville (1996) untuk menjelaskan tentang salah satu bentuk metafora iaitu metafora visual, dan kerangka konsep metafora linguistik dan metafora konvensional daripada Kovecses (2010) dan Rozaimah Rashidin (2018). Seterusnya, bab ini juga mengandungi ulasan kajian-kajian lepas yang merangkumi kajian bentuk metafora, kajian makna metafora, kajian perbandingan metafora dan kajian metafora dalam filem. Kajian bentuk metafora merangkumi kajian-kajian lepas tentang metafora konseptual, kajian metafora visual manakala kajian lepas tentang makna metafora merangkumi kajian yang mengaplikasikan Teori Hibrid. Akhir sekali, kelompok kajian lepas yang melibatkan perbandingan metafora serta kajian metafora dalam filem. Bab ini juga mengandungi ulasan kritis yang dibuat dengan membandingkan kajian-kajian lepas dengan melihat kepada aspek seperti objektif kajian, metodologi kajian, teori kajian dan data kajian untuk menghasilkan jurang kajian yang bersesuaian. Kerangka Teori Hibrid dan kerangka konsep yang digunakan dalam penghasilan kajian ini juga diterangkan dalam bab ini. Kerangka konsep tersebut merangkumi aspek metafora, bentuk metafora iaitu metafora konvensional, metafora linguistik dan metafora visual, serta jenis metafora konseptual, iaitu metafora ontologi, metafora struktural dan metafora orientasi. Kerangka konsep tahap metafora yang merangkumi metafora tahap generik dan metafora tahap spesifik juga disertakan dalam bahagian ini.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ketiga iaitu bab metodologi kajian mengandungi bahagian yang menghuraikan tentang kaedah dan metodologi kajian. Ia merangkumi pendekatan kajian, kaedah kajian, data kajian, tatacara pengumpulan data, pelabelan data, tatacara penganalisisan data dan kerangka analisis. Bahagian metodologi kajian adalah penting untuk digunakan sebagai panduan dalam penghasilan kajian.

3.2 Pendekatan Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif deskriptif kerana kajian ini menghuraikan data secara deskriptif, dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian kualitatif ialah kajian yang melibatkan proses untuk memahami masalah sosial dengan membina gambaran yang kompleks dan dibentuk dengan perkataan (Creswell, W. dan Creswell, J., 2018). Menurut Fuad Mohamed Berawi (2017), kajian kualitatif adalah kajian yang tidak bergantung kepada penggunaan penomboran semata-mata untuk membuat rumusan. Sebaliknya, kajian kualitatif ini dipersembahkan dalam bentuk penceritaan dan andaian tanpa sokongan data kuantitatif seperti formula matematik atau statistik kerana penggunaannya dalam kajian kualitatif adalah pada tahap minimum.

Kajian ini juga merupakan satu kajian berbentuk komparatif kerana melibatkan kajian perbandingan metafora dalam dua buah filem yang berlainan genre. Menurut Iranifard dan Roudsari (2022), kajian komparatif atau perbandingan ini adalah kajian yang melihat persamaan dan perbezaan antara dua elemen. Kajian berbentuk komparatif ini kebiasaannya membandingkan isu tertentu dalam konteks berbeza melalui pendekatan kualitatif atau kuantitatif. Perbandingan yang dibuat adalah berbeza berdasarkan skop kajian yang telah ditentukan. Chali et al. (2022) menyatakan bahawa penggabungan rangka kerja kajian yang berbeza dalam satu kajian adalah wajar supaya dapat menyesuaikan kaedah kajian, selari dengan keperluan penyelidikan dan

sifat sesuatu data. Penggabungan kaedah kajian membentuk pemahaman yang mendalam dan menyeluruh bagi sesuatu penyelidikan (Lund, 2012).

Ujaran dan gambar yang mengandungi unsur metafora akan dikenal pasti dan dianalisis menggunakan pendekatan Teori Hibrid. Metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* akan dikenal pasti dengan menggunakan Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) atau *Metaphor Identification Procedure* (MIP).

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian ialah proses atau cara yang digunakan untuk mengumpul data bagi tujuan analisis. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis teks untuk memenuhi objektif kajian. Kajian ini mengambil pendekatan kualitatif yang menggunakan data sekunder filem sebagai data kajian. Filem merupakan satu bentuk data sekunder kerana ia merupakan data yang dikumpulkan dengan tujuan produksi dan tontonan umum, yang kemudiannya tersedia untuk digunakan semula oleh penyelidik. Maka, pengkaji akan mentranskripsi keseluruhan ujaran dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* untuk digunakan sebagai data kajian. Proses transkripsi dibuat dengan menonton keseluruhan filem *Imaginur* yang diakses daripada aplikasi PrimeVideo manakala filem *Terbaik Dari Langit* diakses menerusi aplikasi Youtube. Kemudian, pengkaji akan menganalisis kandungan daripada hasil transkripsi tersebut untuk mengenal pasti data metafora yang terdapat dalam kedua-dua filem tersebut. Babak tertentu dalam filem yang dikenal pasti sebagai data metafora visual pula akan dikeluarkan dalam bentuk tangkap layar. Analisis kandungan membolehkan pengkaji mengenal pasti, menafsirkan makna metafora yang terdapat dalam data filem secara sistematik, sementara analisis teks menumpukan kepada pembacaan mendalam terhadap ujaran bagi memahami fungsi semantik dan pragmatik metafora dalam konteks naratif filem. Pendekatan ini dipilih kerana ia dapat menghasilkan huraian yang kaya dan terperinci tentang fenomena metafora dalam bahan audio-visual, sekaligus menjawab persoalan kajian secara tepat serta menyokong objektif kajian secara komprehensif.

3.4 Data Kajian

Kajian ini akan menggunakan data daripada dua buah filem arahan Nik Amir Mustapha iaitu filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Dialog dan ujaran dari filem tersebut akan ditranskripsi dan ujaran dan gambar yang mengandungi unsur metafora akan dikeluarkan dalam bentuk tangkap layar untuk dianalisis berdasarkan Teori Hibrid.

Filem pertama yang dipilih sebagai data kajian ialah filem *Imaginur*. *Imaginur* merupakan sebuah filem tempatan yang merupakan hasil arahan Nik Amir Mustapha. Filem ini diterbitkan pada tahun 2022 dengan arahan dan penulisan skrip daripada Nik Amir Mustapha. Minat beliau terhadap minda manusia yang kompleks berjaya melahirkan sebuah filem bertemakan cinta dan keluarga dengan gambaran elemen hipnosis. Filem ini mengisahkan tentang kisah cinta seorang lelaki, Zuhail yang sering bermimpi tentang seorang wanita iaitu Nur. Zuhail yang menghidap penyakit Alzheimer kemudiannya mengalami rawatan hipnoterapi dan bertemu dengan Nur di alam realiti. Filem ini juga dikatakan sebagai sebuah filem yang boleh memberi inspirasi dan dijadikan rujukan kepada penuntut di sekolah seni dan bakal pengarah filem sebagai penanda aras penghasilan filem yang baik (Azuwan Ahmad, 2023). Bukan itu sahaja, penonton turut menyifatkan penceritaan dalam filem ini sebagai naskhah penuh ‘pertanyaan’ dan sesuatu yang ‘luar kotak’ (Syafil Syazwan Jefri, 2023). Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa filem ini sesuai untuk digunakan sebagai data dalam penghasilan kajian ini.


Filem kedua yang turut digunakan sebagai data kajian ialah filem *Terbaik Dari Langit*. Filem *Terbaik Dari Langit* diterbitkan pada tahun 2014 oleh Nik Amir Mustapha sebagai pengarah filem dan juga penulis skrip. Filem berdurasi satu jam dan 50 minit ini dibintangi oleh barisan pelakon utama iaitu Bront Palarae, Iedil Putra, Nadiya Nisaa dan Amerul Afendi. *Terbaik Dari Langit* ini menceritakan tentang Berg, seorang pengarah filem yang ingin menghasilkan sebuah filem pendek dengan melibatkan sebuah UFO. Berg mengajak rakan-rakan sekolahnya yang telah terpisah selama 15 tahun untuk membintangi filem tersebut kerana dia yakin UFO tersebut akan muncul, sama seperti yang berlaku semasa Berg dan rakan-rakannya masih di bangku sekolah. Melalui temu bual dengan Astro Awani, pengarah filem ini, Nik Amir Mustapha menyatakan bahawa filem ini ‘mencabar’ stigma masyarakat tentang dunia perfileman kerana menceritakan tentang susah payah yang dihadapi anak seni di sebalik

penghasilan sesuatu filem (Astro Awani, 2014). Filem bergenre fiksiyen sains ini turut diterapkan dalam filem ini, disamping memaparkan elemen-elemen kehidupan seperti nilai persahabatan, kehidupan dan percintaan.

Kedua-dua filem ini dipilih sebagai data kajian kerana kedua-duanya merupakan hasil karya Nik Amir Mustapha sebagai pengarah dan penulis skrip. *Terbaik Dari Langit* telah berjaya memenangi Anugerah Filem Terbaik di Festival Filem Antarabangsa Asean 2015 (AIFFA 2015) manakala *Imaginur* telah mewakili Malaysia ke New York kerana ia menjadi salah satu filem yang tercalon dalam kelompok lapan filem Asia untuk merebut anugerah Filem Cereka Terbaik dalam Festival Filem Asia New York (NYAFF) pada tahun 2022. Pencalonan ini merupakan pencapaian positif filem tersebut kerana pada ketika itu, *Imaginur* masih belum ditayangkan dalam pawagam tempatan. Oleh itu, pengkaji ingin menganalisis cara pengarah menerapkan unsur metafora dalam penghasilan dua filem dalam genre berbeza, iaitu genre romantik dan fiksiyen sains.

3.5 Tatacara Pengumpulan Data

Tatacara pengumpulan data adalah proses mengumpul data untuk digunakan dalam sesuatu kajian. Data-data yang dikenal pasti akan digunakan untuk memenuhi objektif kajian. Dalam kajian ini, tatacara pengumpulan data dijalankan adalah seperti berikut :-



Rajah 3.1 Tatacara Pengumpulan Data

Rajah di atas menunjukkan tatacara pengumpulan data yang digunakan dalam penghasilan kajian ini. Pada peringkat pertama, tatacara pengumpulan data dimulakan dengan pemilihan data kajian. Dalam peringkat ini, data yang dipilih ialah filem *Imaginur* dan filem *Terbaik Dari Langit*. Kedua-dua filem ini dipilih sebagai data kajian kerana ia merupakan hasil arahan dan penulisan skrip oleh Nik Amir Mustapha. Keduadua filem ini juga merupakan dua genre filem yang berlainan genre. *Imaginur* merupakan filem genre romantik manakala *Terbaik Dari Langit* merupakan filem fiksiyen sains. Pada peringkat kedua pula, pengkaji akan menonton filem yang telah dipilih sebagai data kajian. Filem *Imaginur* berdurasi selama satu jam 30 minit manakala filem *Terbaik Dari Langit* berdurasi selama satu jam 50 minit. Peringkat ini dijalankan untuk mengenal pasti data berbentuk visual yang terkandung dalam filem tersebut.

Selepas kedua-dua filem ditonton, pengkaji akan meneruskan tatacara pengumpulan data dengan proses transkripsi data. Dalam proses ini, ujaran-ujaran dalam kedua-dua filem ini ditranskripsi secara keseluruhannya. Proses transkripsi ini dibuat secara manual dengan menyesuaikan kepada kaedah transkripsi oleh Davidson (2009). Ia melibatkan kerja-kerja mendengar dan menonton rakaman secara berulang kali untuk memahami konteks, menghasilkan draf awal transkripsi serta melakukan semakan dan validasi transkripsi dengan rakaman asal.

Seterusnya, proses pendokumentasian data dilakukan dengan merekod dan menyusun data yang dikenal pasti. Dalam peringkat ini, proses mengenal pasti data metafora ini dibuat dengan meneliti data transkripsi metafora, dan juga membuat tangkap layar bagi babak yang dikenal pasti sebagai metafora visual. Proses ini dibuat dengan berpanduan kepada Prosedur Pengenalpastian Metafora oleh Kumpulan Praggeljaz (2007) dan Forceville (1996). Bagi data metafora visual pula, Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) disesuaikan dengan kaedah pengenalpastian metafora yang dicadangkan oleh Forceville (1996) yang melibatkan pengenalpastian elemen visual utama, menentukan makna literal, melihat konteks dan fungsi visual dalam sesuatu babak, serta mengenal pasti unsur peralihan makna. Jika sesuatu objek digunakan melebihi fungsi literalnya, ia ditafsir sebagai metafora visual.

Seterusnya, ujaran dan tangkap layar yang telah dikenal pasti sebagai data metafora akan disenaraikan, sebelum data-data tersebut dikelaskan mengikut bentuk metafora dalam peringkat keenam. Dalam peringkat pengelompokan data metafora, data metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* dikelaskan mengikut

penggabungan kerangka konsep kajian daripada Kovecses (2010), Rozaimah Rashidin (2018) dan Forceville (1996) iaitu metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual.

3.6 Pelabelan Data

Seterusnya, bahagian ini akan menjelaskan tentang cara pengkaji membuat pelabelan data dalam penulisan kajian ini. Dalam kajian ini, pelabelan data dibuat bagi melabel bentuk metafora dan jenis metafora. Pelabelan data ini digunakan dalam jadual senarai metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, serta digunakan dalam bahagian dapatan dan perbincangan kajian. Jadual pelabelan data ditunjukkan seperti yang berikut:

Jadual 3.1

Pelabelan Data Bentuk Metafora

Bil.	Pelabelan Data	Maksud Label
1.	MK	Metafora Konvensional
2.	ML	Metafora Linguistik
3.	MV	Metafora Visual

Jadual 3.1 menunjukkan jadual pelabelan data bagi kerangka konsep bentuk metafora yang digunakan dalam kajian. Kajian ini menggunakan tiga bentuk metafora iaitu metafora konvensional, metafora linguistik dan metafora visual. Data metafora yang dikenal pasti akan dilabelkan dengan label MK, manakala data metafora linguistik dilabelkan sebagai ML dan data metafora visual dilabelkan sebagai MV. Pelabelan data ini digunakan dalam bahagian objektif pertama dan kedua iaitu mengenal pasti bentuk metafora dan menginterpretasi makna metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*.

Jadual 3.2


Pelabelan Data Jenis Metafora Konseptual

Bil.	Pelabelan Data	Maksud Label
1.	MOr	Metafora Orientasi
2.	MOnt	Metafora Ontologi

Seterusnya, bagi kerangka konsep jenis metafora, terdapat tiga jenis metafora konseptual yang digunakan dalam kajian ini iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Metafora orientasi akan dilabelkan dengan MOr, manakala metafora ontologi dilabelkan dengan MOnt. Metafora struktural pula dilabelkan dengan MS. Jenis metafora konseptual ini akan digunakan dalam bahagian objektif ketiga iaitu perbandingan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*.

3.7 Tatacara Penganalisisan Data

Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan contoh dan tatacara menganalisis dan penghuraian data metafora dengan mengaplikasikan Teori Hibrid sebagai kerangka teori kajian ini. Tatacara penganalisisan data digunakan untuk memenuhi ketiga-tiga objektif utama kajian seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 3.2 Kerangka Konseptual dan Kerangka Teori Kajian

Rajah 3.2 menunjukkan tatacara penganalisisan data yang melibatkan kerangka konseptual dan kerangka teori kajian untuk memenuhi objektif kajian iaitu mengenal pasti bentuk metafora dan menginterpretasi makna metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, serta perbandingan metafora konseptual dalam kedua-dua filem. Proses menganalisis data ini dimulai dengan mengenal pasti bentuk metafora dengan menggabungkan beberapa kerangka konseptual iaitu konsep bentuk metafora oleh Kovecses (2010), Rozaimah Rashidin (2024) dan Forceville (1996). Berdasarkan gabungan kerangka konsep ini membentuk satu kerangka konsep bentuk metafora iaitu metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual.

Seterusnya, kerangka Teori Hibrid oleh Tendahl (2008) dan Stover (2010) digunakan untuk menganalisis makna metafora secara menyeluruh. Hasil analisis teori Hibrid ini akan membentuk metafora konseptual. Metafora konseptual ini digunakan untuk membuat perbandingan bagi melihat persamaan dan perbezaan metafora konseptual yang digunakan dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Langkahlangkah ini akan menghasilkan dapatan kajian untuk memenuhi objektif kajian yang dikemukakan.

3.8 Kerangka Analisis

Seterusnya, berikut merupakan kerangka analisis yang menunjukkan cara analisis dibuat dalam kajian ini dengan mengaplikasikan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010).

Objektif 1 : Mengenal pasti Bentuk Metafora dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*.

Kajian ini akan memfokuskan kepada metafora yang digunakan dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Bentuk metafora akan dikenal pasti berdasarkan gabungan kerangka konsep bentuk metafora daripada Kovecses (2010), Rozaimah Rashidin (2018) dan Forceville (1996) iaitu metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual. Keseluruhan dialog dalam kedua-dua filem akan dikenal pasti dan dipersembahkan seperti berikut :

Jadual 3.3

Bentuk Metafora dalam Filem *Imaginur*

Bil.	Bentuk metafora	Data <i>Imaginur</i>	Data <i>Terbaik Dari Langit</i>	Kekerapan	Peratus (%)
1.	ML	33	39	72	73
2.	MK	4	12	16	16
3.	MV	7	4	11	11
Jumlah		44	55	99	100

Berdasarkan data metafora yang dikenal pasti, jenis metafora yang paling banyak digunakan dalam filem *Imaginur* ialah metafora linguistik. Jumlah ini diambil berdasarkan kiraan peratusan.

Objektif 2 : Interpretasi Makna Metafora dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*

Bagi memenuhi objektif kedua, data yang mengandungi unsur metafora yang telah dikenal pasti daripada hasil transkripsi filem tersebut. Kemudian, data akan dianalisis menggunakan teori Hibrid dan model Proses Tiga Serangkai (Triple Processing). Berikut merupakan contoh huraian bagi data metafora konvensional (MK).

Jadual 3.4

Metafora Konvensional *hati perut* dalam Filem *Imaginur*

Watak	Ujaran
Zuhal	: Fiksyen ke <i>non-fiction</i> , bah?
Rosli	: Kau ni.. <i>fiction non fiction</i> pula. Tapi abah ingat, satu bab ni dia cerita, kita wujud sebab orang nampak kita. Jadi, kalau kita hidup sorang sorang, kita tak wujud?
Zuhal	: Apa jawab dia, bah?
Rosli	: Jawabnya, apa kita rasa? Sebab itu orang cakap <u><i>hati perut</i></u> . Perut kena isi, baru hati dapat merasa. Kalau baca buku tu, setiap kali kita ulang, rasa dia lain. Rasa, zuhal. Rasa itu penting. Pelik kan? Abah selalu ingat apa yang abah rasa terhadap mak kamu. Rasa rindu. Rasa sayang dekat adik kau, dekat kau. Tapi, nak pakai baju sendiri pun dah tak ingat.

Jadual 3.4 menunjukkan metafora konvensional yang dikenal pasti dalam dialog filem *Imaginur*. Frasa *hati perut* ini diujarkan oleh Rosli, iaitu bapa kepada Zuhal semasa mereka berbual di luar wad hospital. Frasa *hati perut* merupakan satu bentuk metafora konvensional kerana ia bersifat metafora mati (dead metaphor), iaitu metafora yang bentuk dan fungsinya di terima dan digunakan secara meluas oleh pengguna sesuatu bahasa (Knowles dan Moon, 2006). Simpulan bahasa adalah ungkapan yang terdiri daripada dua atau lebih patah perkataan yang membawa maksud berlainan dengan makna asal yang membentuknya. Dalam konteks ini, frasa *hati perut* merupakan satu bentuk simpulan bahasa (Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua, 2016).

Proses Simulasi

Proses pemetaan dua domain menghasilkan skema imej dan metafora konseptual dipanggil sebagai proses simulasi.

Pemetaan Domain


Pemetaan domain sumber dan domain sasaran dinyatakan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 3.3 Pemetaan Domain Sumber Kepada Domain Sasaran Bagi Data MK

Pemetaan domain di atas menunjukkan bahawa frasa hati perut ialah domain sumber manakala KASIH SAYANG merupakan domain sasaran. Frasa hati perut merupakan frasa bersifat konkrit kerana ia dapat dizahirkan dalam bentuk KASIH SAYANG yang bersifat abstrak. Frasa hati perut merupakan satu metafora emosi yang berbentuk deskriptif. Menurut Kovecses (2000), metafora emosi berbentuk deskriptif ini digunakan untuk menzahirkan emosi melalui ungkapan seperti perasaan cinta, sedih dan malu. ia boleh hadir secara literal atau figuratif terutama sekali dalam penggunaan metafora dan metonimi. Selari dengan konsep metafora emosi berbentuk deskriptif ini, frasa hati perut yang menghasilkan domain KASIH SAYANG menunjukkan cara metafora digunakan untuk menunjukkan emosi abstrak terhadap konsep yang nyata. Domain KASIH SAYANG terbentuk berdasarkan kepada penelitian terhadap konteks data tersebut diujarkan. Dalam babak tersebut, Rosli menyatakan kepada Zuhaila bahawa dia masih mengingati perasaannya terhadap anak-anak dan isterinya, tetapi tidak mampu untuk mengingati perkara-perkara tentang kehidupannya sendiri. Misalnya, buku-buku dan makanan kegemarannya, serta cara mengurus diri. Maka, domain KASIH SAYANG terhasil bagi data MK.


Skema Imej



Rajah 3.4 Skema Imej IKATAN

(sumber : CANVA)

Seterusnya ialah skema imej. Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengeluarkan beberapa skema imej yang bersesuaian dengan frasa hati perut. Berdasarkan penelitian terhadap konteks frasa hati perut digunakan, skema imej yang terhasil ialah berbentuk ikatan. Skema imej IKATAN atau penghubung ini terbentuk apabila mempunyai unsur menghubungkan sesuatu bentuk abstrak dan konkrit. Skema imej IKATAN ini terbentuk kerana konteks penggunaan frasa hati perut menunjukkan perkaitan antara organ manusia iaitu hati, dengan perut yang merupakan bahagian badan manusia. Oleh itu, metafora konseptual yang terhasil ialah KASIH IALAH IKATAN.



Rajah 3.5 Skema Imej ATURAN LINEAR

Skema imej yang kedua ialah aturan linear. Frasa hati perut membentuk skema imej aturan linear kerana ia mempunyai unsur pengaliran dan dikaitkan dengan masa dan perbuatan. Fasa yang terlibat dalam pengaliran frasa hati perut ialah bermula dengan “berkenalan”, “perasaan sayang” dan seterusnya “ingatan”. Pengaliran ini menunjukkan bahawa perasaan kasih sayang boleh dipupuk dalam perkenalan dengan seseorang, dan kemudian ia membawa kepada ingatan tentang seseorang yang dikasihi. Dengan ini, jelaslah bahawa frasa hati perut membentuk kepada metafora konseptual KASIH IALAH ATURAN LINEAR.

Konsep Ad Hoc

Terdapat dua jenis konsep ad hoc iaitu ad hoc peluasan dan ad hoc penyempitan. Metafora konvensional akan dianalisis menggunakan ad hoc peluasan manakala metafora linguistik dan metafora visual pula akan dianalisis menggunakan ad hoc penyempitan (Cartson, 2002). Oleh itu, data metafora konvensional dalam Jadual 3.4 iaitu frasa hati perut akan dianalisis menggunakan ad hoc peluasan. Ad hoc peluasan dilakukan dengan mengeluarkan beberapa andaian, tetapi hanya satu andaian yang paling relevans akan digunakan untuk menganalisis metafora. Andaian tersebut akan dipilih berdasarkan konteks yang disampaikan melalui situasi dalam filem tersebut.

Proses mengeluarkan andaian-andaian bagi metafora konvensional ini disebut sebagai proses pentaabiran dan metarepresentasi.

Proses Pentaabiran dan Metarepresentasi

Dalam proses pentaabiran dan metarepresentasi, andaian yang terhasil adalah berdasarkan kepada pengalaman individu, maklumat tertentu, catatan ensiklopedia serta pengalaman badaniah yang dialami oleh seseorang.

Terdapat beberapa andaian yang boleh diwujudkan daripada frasa **hati perut** :

- 1) Organ hati dan bahagian badan
- 2) Rasa kasih dan sayang
- 3) Sifat bertimbang rasa
- 4) Simpati
- 5) Kecerdasan emosi dan fizikal

Berdasarkan andaian-andaian yang dikeluarkan untuk mencari maksud yang sesuai dengan konteks penggunaannya, andaian tersebut dibuat kerana frasa **hati perut** mempunyai perkaitan dengan hati dan perasaan. Penelitian terhadap keseluruhan konteks mendapati bahawa frasa **hati perut** membawa maksud perasaan kasih dan sayang. Pemilihan andaian ini merujuk kepada konteks keseluruhan ujaran iaitu tentang Rosli yang berkata kepada Zuhail tentang perasaan kasih dan rindunya terhadap isteri dan anak-anak.

Rantau Konseptual

Rantau konseptual merupakan maklumat yang wujud pada tahap kognitif seseorang semasa memikirkan sesuatu berdasarkan kepada pengalaman sedia ada. Rajah 3.5 menunjukkan rantau konseptual yang merangkumi tiga elemen iaitu konsep leksikal, konsep ad hoc dan slot kosong.

slot kosong. Slot kosong ini merupakan satu ruang yang perlu diisi dengan skema imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual.

Seterusnya, contoh huraian bagi analisis metafora visual yang dikenal pasti adalah seperti berikut:


Jadual 3.5

Data Metafora Visual (MV)

Watak	Data Metafora
Rosli	: Kawan ye? Siapa nama?
Yasmin	: Haa, Yasmin.
	
Haikal	: Haikal, <i>uncle</i> .
Zuhal	: Abah.
Haikal	: Eh, jomlah kita. Banyak kerja lagi ni.
Zuhal	: Min, tunggu nak cakap kejap.
Yasmin	: <i>What?</i>
Zuhal	: Siapa tadi tu?
Yasmin	: <i>Not this again? Come on, Zuhal. I told you, kan?</i>
Zuhal	: <i>Told me what, hah?</i>
Yasmin	: Tu kan tunang <i>I</i> .
Zuhal	: Tunang? Apa ni, <i>you</i> curang?
Yasmin	: Zuhal, dahlah.

Antara bentuk metafora dalam penghasilan filem ini ialah metafora visual. Metafora visual yang digunakan ialah pemakaian cincin oleh watak Yasmin. Yasmin menyampaikan mesej tentang statusnya dengan cara mengelus rambut sebelum cincin tersebut ditutup semula dengan tangan yang lain. Cincin ini kenal pasti sebagai metafora visual kerana dalam adat Melayu, cincin digunakan sebagai tanda hubungan pertunangan antara lelaki dan perempuan. Ia disebut sebagai ‘cincin tanda’ yang dihantar daripada pihak lelaki kepada pihak perempuan semasa upacara bertunang atau merisik (Kogila Sunder Raj, 2018).

Pemetaan Domain




Rajah 3.7 Pemetaan Domain Bagi Data MV1

Domain sumber bagi data MV1 ialah IKATAN. CINTA diandaikan sebagai perasaan kasih dan sayang terhadap seseorang dan juga perhubungan antara individu. Dalam konteks MV1 ini, mesej yang disampaikan melalui domain CINTA ini ialah status Yasmin yang sudah mempunyai ikatan pertunangan dengan Haris. CINTA ditunjukkan melalui perbuatan Yasmin yang menunjukkan cincin yang dijarinya semasa pertemuan mereka di pasar raya. Mesej ini juga disampaikan daripada Yasmin kepada Zuhaila untuk memberi penjelasan bahawa hubungan mereka yang telah berakhir. Oleh itu, jelaslah bahawa domain sasaran bagi data MV1 ialah CINTA.

Skema Imej

Skema imej ialah penyusunan pengalaman dalam bentuk imej. Lakoff (1987) menyatakan terdapat lima skema imej yang bersifat neutral iaitu skema bekas, skema imej penghubung, skema imej keseluruhan-sebahagian, skema imej sumberlaluan-matlamat, dan skema imej pusat-pinggiran. Skema imej yang bersesuaian dengan data MV1 ialah skema imej PENGHUBUNG dan skema imej OBJEK. Skema imej ini akan menjelaskan makna metafora CINTA yang disampaikan dalam babak ini.



Rajah 3.8 Skema imej PENGHUBUNG
(Sumber : CANVA)

Skema imej yang terbentuk ialah penghubung. Hal ini dikatakan demikian kerana perkenalan antara Haris dan Yasmin menimbulkan perasaan cinta dan kasih sayang sehingga mereka menjalinkan ikatan pertunangan. Selain itu, konsep penghubung juga dapat dilihat pada hubungan antara Zuhaila dan Yasmin. Zuhaila dan Yasmin pernah mempunyai hubungan kekasih sebelum mereka berpisah. Selepas mereka berpisah, Yasmin menjalinkan ikatan pertunangan dengan kekasihnya, Haris. Oleh itu, jelaslah bahawa metafora konseptual CINTA IALAH IKATAN dapat menjelaskan makna bagi data MV.




Rajah 3.9 Skema imej OBJEK
(Sumber : CANVA)

Metafora konseptual lain yang terbentuk bagi domain CINTA ini ialah OBJEK. Dalam konteks filem ini, hubungan CINTA tersebut dizahirkan melalui pemakaian sebarang cincin sebagai tanda hubungan yang terjalin telah membawa kepada ikatan pertunangan. Yasmin memakai sebarang cincin yang merupakan cincin pertunangannya dengan Haris. Pemakaian cincin tersebut juga merupakan metonimi konseptual yang menjadi perlambangan kepada domain CINTA. Oleh itu, data MB1 menghasilkan dua metafora konseptual iaitu CINTA IALAH IKATAN dan CINTA IALAH OBJEK serta metonimi konseptual CINCIN MELAMBANGKAN IKATAN PERTUNANGAN.

Konsep Ad Hoc

Gambaran ini memberikan beberapa andaian yang boleh dianalisis menggunakan konsep ad hoc. Konsep ad hoc yang sesuai digunakan untuk menganalisis metafora visual ini ialah ad hoc penyempitan. Ad hoc penyempitan digunakan pada leksikal yang bersifat kabur dan mempunyai andaian-andaian lain. Andaian-andaian bagi metafora visual cincin ini diletakkan dalam gambar rajah vens seperti berikut :




Rajah 3.10 Pemetaan Ad Hoc Penyempitan bagi MV1

Rajah di atas menunjukkan pemetaan andaian *ad hoc* penyempitan bagi data MV. Andaian-andaian ini dibuat berdasarkan kepada konteks babak tersebut iaitu Zuhail yang terkejut melihat cincin yang dipakai oleh Yasmin. Yasmin menunjukkan cincin tersebut secara tidak langsung semasa bercakap dengan Rosli . Perbuatan Yasmin itu mendorong kepada perbualan antara Yasmin dan Zuhail tentang status hubungan mereka. Oleh itu, domain sasaran yang sesuai bagi data MV ialah CINTA.

Rantau Konseptual CINTA

Penerapan teori Hibrid untuk penginterpretasian makna frasa metafora visual ini menghasilkan rantau konseptual CINTA. rantau konseptual CINTA yang terhasil bagi metafora visual ini adalah seperti berikut :



Rajah 3.11 Rantau Konseptual CINTA Bagi MV

Rajah 3.11 menunjukkan rantau konseptual bagi data metafora visual. Makna bagi metafora visual cincin dianalisis menggunakan *ad hoc* penyempitan yang menghasilkan andaian implikatur perlambangan kepada sesuatu hubungan*. Dalam konteks data ini, penggunaan cincin dikaitkan dengan perasaan sayang yang mendalam dan sebagai tanda dua pihak mempunyai hubungan. Babak filem ini dikatakan mempunyai metafora visual kerana Yasmin ingin memberitahu kepada Zuhail tentang

statusnya sebagai tunang kepada Haris, dan secara tidak langsung mengingatkan Zuhail tentang hubungannya dengan Yasmin yang telah berakhir. Seterusnya, skema imej yang terhasil daripada metafora visual ini ialah skema imej OBJEK dan PENGHUBUNG. Proses simulasi menunjukkan bahawa metafora konseptual yang dihasilkan ialah CINTA IALAH IKATAN dan CINTA IALAH PENGHUBUNG. Metafora konseptual ini terbentuk dengan pemetaan domain CINTA yang hadir dengan wujudnya perasaan kasih sayang antara dua individu yang membawa kepada jalinan hubungan. Metafora konseptual yang terbentuk juga merujuk kepada hubungan cinta antara Zuhail dan Yasmin yang telah berakhir, dan ikatan pertunangan antara Haris dan Yasmin. Metonimi konseptual yang turut terhasil dalam data ini ialah CINCIN MELAMBANGKAN IKATAN PERTUNANGAN.

Objektif 3 : Perbandingan Metafora Konseptual dalam *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*

Dalam bahagian ini, proses menganalisis data bagi perbandingan metafora konseptual dalam *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* melalui beberapa peringkat utama. Pertama, dialog dan elemen visual dalam kedua-dua filem diteliti secara menyeluruh untuk mengenal pasti kewujudan metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual. Setiap data yang mengandungi unsur metafora kemudiannya ditranskripsikan dan dikodkan mengikut konteks naratif babak.

Kedua, data metafora yang dikenal pasti diklasifikasikan kepada tiga jenis metafora konseptual, iaitu metafora ontologi, metafora orientasi dan metafora struktural. Pengelasan ini dibuat berdasarkan ciri pemetaan domain sumber dan domain sasaran serta cara pengalaman abstrak dikonsepsikan melalui pengalaman konkrit. Pada peringkat ini, domain-domain metafora seperti KEHIDUPAN, FIKIRAN, EMOSI, KESEDARAN dan SIFAT dikenal pasti bagi kedua-dua filem.

Ketiga, analisis kuantitatif sokongan dijalankan dengan mengira bilangan dan peratusan jenis metafora konseptual mengikut domain bagi setiap filem. Dapatan ini dipersembahkan dalam bentuk jadual untuk menunjukkan taburan metafora konseptual serta kecenderungan domain yang dominan dalam *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*.

Keempat, analisis perbandingan dilakukan berdasarkan tahap metafora, iaitu metafora tahap generik dan metafora tahap spesifik seperti yang dicadangkan oleh Kövecses (2008, 2010). Metafora tahap generik dikenal pasti sebagai metafora konseptual yang bersifat umum dan universal, manakala metafora tahap spesifik

dianalisis sebagai realisasi metafora generik yang disesuaikan dengan konteks naratif, tema dan pengalaman watak dalam setiap filem. Perbandingan ini divisualkan melalui gambar rajah Venn bagi menunjukkan persamaan dan perbezaan metafora konseptual antara kedua-dua filem.

Akhir sekali, contoh-contoh terpilih daripada dialog dan visual filem digunakan sebagai bukti analisis untuk menghuraikan bagaimana metafora konseptual membentuk makna, konflik dalaman, serta orientasi naratif dalam *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Pendekatan ini membolehkan kajian bukan sahaja mengenal pasti jenis metafora yang digunakan, tetapi juga menjelaskan peranan metafora sebagai mekanisme kognitif dalam pembinaan makna dan pengalaman manusia dalam teks filem.

3.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam bab ini memperlihatkan aliran metodologi kajian yang digunakan dalam penghasilan kajian ini yang merangkumi pendekatan kajian, kaedah kajian, data kajian, tatacara pengumpulan data, tatacara penganalisan data dan kerangka analisis. Pendekatan kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif kerana kajian kualitatif ini melibatkan analisis kandungan yang ditranskripsi daripada filem sebagai data kajian secara deskriptif. Kaedah yang digunakan dalam penghasilan kajian ini adalah kaedah analisis kandungan dan analisis teks untuk memenuhi objektif kajian. Kajian ini juga menggunakan data primer daripada hasil transkripsi bahan berbentuk digital dan audiovisual iaitu mentranskripsi keseluruhan ucapan dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* untuk digunakan sebagai data kajian. Seterusnya, kajian ini menggunakan dua filem yang merupakan hasil arahan dan penulisan skrip daripada Nik Amir Mustapha. Kedua-dua filem ini adalah filem yang berlainan genre iaitu *Imaginur* merupakan filem genre romantik manakala *Terbaik Dari Langit* merupakan filem fiksyen sains. Seterusnya, bagi tatacara pengumpulan data, proses pengumpulan data dalam kajian ini mempunyai tujuh peringkat iaitu pemilihan data, menonton filem, mentranskripsi data, pendokumentasian data, menyenaraikan data, pengkelasan data dan membuat pelabelan data. Selanjutnya, bahagian pelabelan data mengandungi contoh penggunaan pelabelan data bagi label jenis dan bentuk metafora untuk digunakan dalam kajian ini. Bab ini turut mengandungi tatacara penganalisan data. Akhir sekali, bab ini juga merangkumi kerangka analisis

iaitu huraian tentang cara pengkaji mempersembahkan data kajian bagi objektif pertama, kedua dan ketiga.

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Dalam bahagian ini mengandungi huraian secara terperinci tentang hasil dapatan kajian yang merangkumi objektif pertama hingga objektif ketiga. Bagi objektif pertama, jumlah data metafora yang dikenal pasti akan dikelompokkan dalam jadual bentuk metafora. Kemudian, interpretasi makna metafora akan dibuat bagi memenuhi objektif kedua. Penginterpretasian makna metafora ini dibuat dengan mengaplikasikan Teori Hibrid. Akhir sekali, dalam objektif ketiga pula mengandungi analisis perbandingan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, untuk melihat persamaan dan perbezaan metafora konseptual dalam kedua-dua filem tersebut.

4.2 Bentuk Metafora dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*

Objektif pertama dalam kajian ini ialah mengenal pasti bentuk metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Filem pertama yang digunakan sebagai data kajian ialah filem *Imaginur*, manakala filem yang kedua ialah *Terbaik Dari Langit*. Dalam kajian ini, bentuk metafora dikenal pasti berdasarkan gabungan kerangka konsep bentuk metafora daripada Kovecses (2010), Rozaimaah Rashidin (2018) serta Forceville (1996). Terdapat tiga bentuk metafora konseptual iaitu metafora linguistik dan metafora konvensional dan metafora visual. Menurut Kovecses (2010), metafora linguistik adalah metafora dalam bentuk ayat, ujaran atau frasa yang bersifat metaforikal iaitu mempunyai elemen abstrak dan konkrit manakala metafora konvensional adalah metafora dalam bentuk perbandingan, peribahasa, simpulan bahasa, bahasa kiasan dan sebagainya (Rozaimah Rashidin, 2018). Metafora visual pula merupakan penggunaan metafora dalam bentuk gambar yang mengandungi makna lebih daripada makna literal (Forceville, 1996).

Menurut Kovecses (2010), metafora linguistik ialah penggunaan ujaran, ayat atau frasa yang bersifat metaforikal kerana ia mengandungi elemen yang bersifat

abstrak dan konkrit. Data berbentuk ML ialah data metafora yang paling banyak digunakan dalam filem *Imaginur*. Antara contoh data ML yang dikenal pasti dalam *Imaginur* adalah seperti dalam jadual :

Jadual 4.1

Contoh Metafora Linguistik dalam Filem *Imaginur*

Bil.	Ujaran
1.	<u><i>Bayangkan badan kau tengah cair. dalam minda kau, kau boleh terbang ke manamana saja.</i></u> (ML10 0:22:16)
2.	<u><i>Dia macam melekat kan kat dalam tengkuk ni, lepastu masuk dalam kulit you.</i></u> (ML19 0:39:11-0:39:23)
3.	<u><i>Hidup ni kita bawa pergi mana yang penting saja.</i></u> (ML28 0:56:14-0:56:16)

Jadual 4.1 menunjukkan contoh data metafora linguistik dalam filem *Imaginur*. Contoh pertama ialah data ML10 0:22:16 iaitu ujaran *bayangkan badan kau tengah cair, dalam minda kau, kau boleh terbang ke mana-mana saja.* Ujaran tersebut merupakan ujaran Ramli semasa menjalankan rawatan hipnoterapi terhadap Zuhail. Frasa *badan kau tengah cair* membawa maksud keadaan yang tenang atau peringkat relaksasi semasa rawatan tersebut dijalankan manakala frasa *kau boleh terbang ke mana-mana saja* adalah keadaan mental dan fikiran Zuhail yang tidak terikat dengan bentuk fizikal semasa menjalani hipnoterapi. Data ML10 0:22:16 ini membawa maksud keadaan minda dan fikiran yang bebas daripada kekangan fizikal semasa seseorang menjalani rawatan hipnoterapi. Dalam proses hipnoterapi seperti yang dijalankan oleh Zuhail, fasa separuh sedar ini disebut sebagai keadaan berkhayal atau *trance state* yang merupakan sebahagian daripada proses utama semasa rawatan dijalankan (Barbosa et al.. 2024).

Contoh kedua ialah data ML19 0:39:11-0:39:23 iaitu *melekat kan kat dalam tengkuk ni, lepastu masuk dalam kulit you* yang diucapkan oleh Nur sebagai respon kepada Zuhail yang menceritakan tentang bekas tunangnya, Yasmin. Frasa *melekatkan kat dalam tengkuk* dan *masuk dalam kulit* membawa maksud trauma atau bebanan yang memberi kesan kepada Zuhail. Dalam konteks data ML19 0:39:11-0:39:23, Yasmin merupakan bekas tunang kepada Zuhail. Hubungan pertunangan mereka yang putus meninggalkan trauma dan gangguan emosi yang mendalam terhadap Zuhail, lebihlebi lagi kepada keadaan kesihatannya sebagai penghidap Alzheimer.

Penggunaan leksikal *tengkuk* dan *kulit* yang digunakan dalam ujaran ini menunjukkan bahawa tekanan emosi tersebut sudah sebatu dalam diri Zuhal sehingga ia sukar untuk dibuang.

Seterusnya, contoh metafora linguistik ketiga dalam filem *Imaginur* ialah data ML28 0:56:14-0:56:16 iaitu ungkapan **hidup ni kita bawa pergi mana yang penting saja.** Ungkapan ini merupakan ujaran oleh Rosli, iaitu ayah Zuhal dengan Zuhal di luar wad. Babak ini merupakan mimpi Zuhal kerana dalam realiti, Zuhal sedang menunggu bapanya yang dalam keadaan tidak sedarkan diri di wad. Ungkapan tersebut memetaforakan kehidupan sebagai satu perjalanan yang ditandai dengan leksikal 'bawa' dan 'pergi'. Leksikal 'penting' pula merujuk kepada perkara yang bernilai dalam kehidupan. dalam konteks ML28 0:56:14-0:56:16 ini, Rosli menasihati Zuhal supaya fokus kepada perkara-perkara yang penting apabila Zuhal meluahkan ketakutannya tentang keadaan kesihatan mereka.

Seterusnya, data bentuk metafora linguistik turut dikenal pasti dalam data filem kedua. Antara contoh data ML yang terdapat dalam *Terbaik Dari Langit* pula adalah seperti dalam Jadual 4.2:

Jadual 4.2

Contoh Data Metafora Linguistik dalam Filem *Terbaik Dari Langit*

Bil.	Ujaran
1.	Eh busuklah. Macam ada <u>binatang masuk dalam badan kau, beranak mati</u> kau tahu tak. (ML44 0:25:25-0:25:58)
2.	Marah? Bagus, guna. Aku nak kau <u>bersanggama dengan perkataan</u> yang keluar dari mulut kau. (ML46 0:27:30-0:27:44)
3.	<i>Physics.</i> <u>Bila tekanan tinggi, kita cari ruang.</u> (ML52 0:45:01-0:45:32)

Jadual 4.2 menunjukkan contoh data metafora linguistik yang dikenal pasti dalam data filem kedua iaitu *Terbaik Dari Langit*. Data metafora linguistik yang pertama dikenal pasti dalam dialog yang diujarkan oleh Ijam iaitu ML44 0:22:250:25:58. Ujaran **macam ada binatang masuk dalam badan kau, beranak mati** membawa maksud sesuatu yang negatif seperti emosi meluat atau jijik terhadap sesuatu. Dalam konteks babak tersebut, watak Berg, Ali, Toyu dan Sofia telah menikmati buah durian yang ditemui semasa berhenti rehat di kawasan hutan. Ijam yang tidak menggemari durian kerana baunya yang kurang menyenangkan bertindak

memarahi Berg. Penggunaan metafora bau *busuk macam bangkai binatang* digunakan oleh Ijam untuk memberi gambaran terhadap rasa tidak senang atau jijik yang terlampau terhadap bau durian yang kurang menyenangkan baginya. Ujaran ini menunjukkan perbandingan melampau atau hiperbola terhadap unsur yang tidak disenangi atau menjijikkan.

Selain itu, contoh data metafora linguistik kedua ialah data ML46 0:27:300:27:44 iaitu frasa *bersanggama dengan perkataan*. Ungkapan tersebut digunakan oleh Berg untuk meminta Ijam mengekspresikan amarahnya sepenuh hati dalam penggambaran yang sedang dijalankan. Penggunaan leksikal *sanggama* secara literalnya membawa maksud bersetubuh (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Dalam konteks data ML46 0:27:30-0:27:44, frasa bersanggama dengan perkataan merujuk kepada keintiman iaitu menyatukan emosi dan perbuatan fizikal dalam babak yang dilakukan supaya wataknya lebih hidup dan meyakinkan. Frasa ini selari dengan pandangan dalam teori metafora konseptual iaitu bahasa diekspresikan daripada pengalaman badaniah dan emosi (Lakoff dan Johnson, 1980).

Seterusnya, data metafora linguistik yang ketiga ialah data ML52 0:45:010:45:32 iaitu ujaran *bila tekanan tinggi, kita cari ruang*. Ungkapan ini disebutkan oleh watak Sarah kepada Ijam selepas mereka membincangkan tentang persiapan perkahwinan Zelda dan Ijam. Ujaran ini menjelaskan bahawa seseorang yang mengalami tekanan sama ada bebanan hidup, tekanan fizikal atau emosi, perlu mencari penyelesaian atau ruang untuk mengurangkan tekanan. Dalam konteks ini, ruang dimetaforakan ketenangan. Ungkapan ini juga dianggap sebagai satu bentuk metafora linguistik kerana ia tidak merujuk secara literal tentang konsep fizik, seperti penggunaan leksikal *physics* dalam ujaran ML54 0:45:01-0:45:32.

Data metafora seterusnya ialah data berbentuk metafora visual (MV). Metafora visual ialah gambar yang mengandungi metafora yang digunakan untuk penyampaian makna melebihi makna secara literal (Forceville, 1996). Data metafora visual dikenal pasti dengan menganalisis elemen visual dan naratif yang dibawa untuk mengetahui sama ada sesuatu elemen visual itu digunakan untuk melambangkan idea, emosi, konsep atau idea yang tersirat dan mendalam daripada makna literal (Haoze Wu, 2024). Metafora visual dilihat dengan meneliti konsep abstrak yang disampaikan dalam gambaran imej konkrit yang membawa kepada pentafsiran makna sesuatu elemen visual (Silvana Dunat, 2022). Dalam filem *Imaginur*, terdapat tujuh (7) data yang

dikenal pasti sebagai data berbentuk metafora visual. Antara contoh data metafora visual yang dikenal pasti dalam filem *Imaginur* adalah seperti berikut :

Jadual 4.3

Contoh Data Metafora Visual dalam Filem *Imaginur*

Bil.	Visual	Huraian
1.		MV5 0:59:57 Dalam babak ini, Zuhail meragui status Nur yang merupakan isterinya. Penggunaan cincin dalam babak tersebut merupakan bentuk metafora yang menggambarkan ikatan perkahwinan antara Zuhail dan Nur.
2.		MV6 1:07:32 Babak ini merupakan babak antara Zuhail dan Nur dalam keadaan kepala Zuhail berbalut. Balutan di kepala Zuhail yang dibuka oleh Nur memberi gambaran kepada Nur yang memainkan peranan besar dalam proses penyembuhan Zuhail daripada penyakit Alzheimer serta trauma psikologi yang dialami oleh Zuhail.
3.		MV4 0:22:20 Dalam babak ini merupakan babak rawatan hipnoterapi yang dijalani Zuhail. Paparan bentuk putaran atau spiral berwarna hitam putih merujuk kepada proses hipnosis iaitu keadaan Zuhail masuk semula ke alam bawah sedar dan dikawal oleh memori demi pemulihan diri.

Seterusnya, bagi filem *Terbaik Dari Langit*, data metafora visual yang dikenal pasti adalah sebanyak empat (4) data. Contoh data bentuk metafora visual dalam filem *Terbaik Dari Langit* pula adalah seperti berikut :

Jadual 4.4

Contoh Data Metafora Visual dalam *Terbaik Dari Langit*

Bil.	Ujaran	Huraian
1.		MV9 0:43:05 Babak ini menunjukkan keadaan Berg yang terbaring dan keadaan yang tidak sedarkan diri kesan daripada suntikan dadah yang diambil. Keadaan Berg yang separuh sedar ini membawa kepada bayangannya berjumpa dengan datuknya yang telah meninggal dunia.
2.		MV10 1:23:30 Babak ini merujuk kepada gambaran Berg berjumpa semula dengan datuknya. Penggunaan

		pintu merupakan elemen visual yang menggambarkan perubahan ke dimensi lain.
3.		MV11 1:36:28-1:37:27 Dalam babak ini, gambaran jasad Berg yang terapung melambangkan kematiannya secara fizikal. Kematian Berg membawa kesan spiritual dan moral kepada rakan-rakannya.

Bentuk metafora yang ketiga ialah metafora konvensional (MK). Metafora konvensional ialah metafora yang hadir dalam bentuk perumpamaan, kiasan, peribahasa atau simpulan bahasa (Rozaimah Rashidin, 2016). Metafora konvensional juga disebut sebagai metafora mati atau *dead metaphor* kerana fungsi dan bentuknya digunakan secara meluas dalam penggunaan sesuatu bahasa. Berikut merupakan beberapa contoh penggunaan metafora konvensional dalam filem *Imaginur* iaitu :

Jadual 4.5

Contoh Metafora Konvensional Dalam Filem *Imaginur*

Bil.	Data metafora konvensional
1.	<u><i>Hati perut</i></u> (MK2 0:55:26)
2.	<u><i>Rumah tangga</i></u> (MK3 0:59:35-0:59:49)
3.	<u><i>Akhir zaman</i></u> (MK1 0:11:42-0:12:00)

Dalam filem *Imaginur*, metafora konvensional yang telah dikenal pasti adalah dalam bentuk simpulan bahasa. Simpulan bahasa merupakan sebuah ungkapan daripada dua atau lebih patah perkataan dengan makna berlainan daripada rangkaian makna yang membentuknya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Frasa *hati perut*, *rumah tangga* dan *akhir zaman* dikenal pasti sebagai metafora konvensional dalam bentuk simpulan bahasa (Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua, 2016).

Bagi frasa yang pertama ialah data MK2 0:55:26 iaitu frasa *hati perut*. Frasa ini diungkapkan oleh watak Rosli, bapa Zuhail semasa perbualannya dengan Zuhail di luar wad hospital. Perbualan tersebut merupakan mimpi Zuhail kerana bapanya sedang dalam keadaan koma. Dalam babak tersebut, Rosli mengatakan bahawa keadaan kesihatan beliau yang semakin merosot banyak membuatnya lupa terhadap pelbagai perkara tetapi beliau tetap tidak melupakan perasaan kasih dan sayangnya terhadap isteri dan anak-anak. Dalam konteks MK2 0:55:26 ini, frasa *hati perut* bukan dilihat

sebagai makna literal, sebaliknya ia merujuk kepada perasaan atau sifat seseorang (Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua, 2016).

Selain itu, contoh yang kedua ialah frasa **rumah tangga** dalam MK3 0:59:350:59:49. Leksikal ruamh dan tangga dilihat sebagai satu struktur kehidupan yang melambangkan perjalanan dan perubahan dalam kehidupan. Dalam Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua (2016), frasa **rumah tangga** membawa maksud sudah beristeri. Dalam konteks data MK3 0:59:35-0:59:49, frasa **rumah tangga** membawa maksud hubungan suami dan isteri selepas berkahwin antara Zuhail dan Nur. Dalam babak tersebut, Zuhail mempersoalkan kehadiran Nur di rumah keluarga mereka semasa majlis tahlil dan bertanya kepada adiknya Isma tentang pengenalan mereka.

Contoh metafora konvensional yang ketiga ialah frasa **akhir zaman** iaitu data MK1 0:11:42-0:12:00. Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua (2016) mendefinisikan ungkapan ini sebagai hujung zaman dan zaman ini. Dalam konteks MK1 0:11:420:12:00, kiasan *akhir zaman* digunakan sebagai sindiran kerana babak ini melibatkan seorang individu yang menjumpai Rosli yang sedang bersendirian kerana ditinggal oleh Zuhail secara tidak sengaja. Individu tersebut menyatakan bahawa tindakan Zuhail tersebut adalah sebahagian daripada tanda-tanda pengakhiran kehidupan di dunia.

Seterusnya, dalam data kedua iaitu filem *Terbaik Dari Langit* pula, contoh data metafora konvensional dalam filem ini merupakan penggunaan kiasan, peribahasa atau simpulan bahasa. Antara contoh metafora konvensional dalam filem ini ialah seperti dalam Jadual 4.6

Jadual 4.6

Contoh Data Metafora Konvensional dalam *Terbaik Dari Langit*

Bil.	Data Metafora Konvensional
1.	<u>Pecah rekod</u> (MK5 0:05:24-0:05:44)
2.	<u>Buang masa</u> (MK8 0:47:55-0:48:17)
3.	<u>Air yang tenang jangan disangka tiada buaya</u> (MK15 0:16:17-0:16:27)

Dalam filem *Terbaik Dari Langit*, data metafora konvensional dikenal pasti dalam bentuk simpulan bahasa dan peribahasa. Antaranya ialah frasa **pecah rekod** (MK5 0:05:24-0:05:44), **buang masa** (MK8 0:47:55-0:48:17) dan peribahasa **air yang**

tenang jangan disangka tiada buaya (MK15 0:16:17-0:16:27). Frasa pecah rekod dan buang masa dikelompokkan sebagai simpulan bahasa (Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua (2016) dan ungkapan *air yang tenang jangan sangka tiada buaya* merupakan satu bentuk peribahasa (Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua, 2024)

Frasa metafora konvensional dalam filem ini ialah frasa *pecah rekod* yang dilabelkan sebagai MK5 0:05:24-0:05:44. *Pecah rekod* dalam Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua (2016) didefinisikan sebagai memperbaiki rekod yang telah tercapai. Dalam konteks data MK5 0:05:24-0:05:44, wartawan menemuramah Ijam Ashburn tentang filem islamik yang dilakonnya yang mendapat sambutan yang menggalakkan. Wartawan bertanya soalan sama ada filem tersebut berpotensi lebih lagi untuk meraih pencapaian lebih tinggi. Maka, dalam konteks ini, ungkapan *pecah rekod* membawa maksud membuat sesuatu perkara melebihi pencapaian asal atau pencapaian sedia ada.

Selain itu, data yang kedua ialah frasa *buang masa* dalam data MK8 0:47:550:48:17. Dalam Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua (2017), buang masa atau buang tempoh didefinisikan sebagai melakukan sesuatu pekerjaan dengan sia-sia. Definisi ini adalah selari dengan konteks penggunaan frasa buang masa dalam MK8 0:47:550:48:17 iaitu dialog antara Sofia dan Toyu. Dalam perbualan tersebut, Sofia memuji hasil lukisan Toyu yang tergantung di dinding rumah. Namun, apabila ditanya semula sama ada dia masih melukis, Toyu menyifatkan bahawa hobi tersebut merupakan sesuatu yang sia-sia kerana merasa rendah diri tentang hasil karyanya. Penggunaan frasa buang masa dalam babak ini menunjukkan bahawa aktiviti seni seperti melukis ini dianggap tidak produktif.

Contoh metafora konvensional terakhir dalam filem *Terbaik Dari Langit* ialah data MK15 0:16:17-0:16:27 iaitu frasa air yang tenang jangan disangka tiada buaya. Frasa ini merupakan satu bentuk peribahasa (Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua, 2024). Menurut Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua (2024), ungkapan ini membawa maksud orang yang diam jangan disangka pengecut. Ungkapan ini memberi gambaran kepada sifat sebenar seseorang yang berbeza dengan imej luarannya. Dalam konteks data MK15 0:16:17-0:16:27 ini, watak Sofia Jane baru berkenalan dengan Ali dan rakan-rakan lain sebelum menjalani sesi penggambaran. Sofia yang berdiam diri dan pasif semasa awal perkenalan menimbulkan prasangka dan penilaian oleh Ijam tentang keperibadian Sofia yang sebenar.

Berdasarkan keseluruhan ujaran dan visual dalam kedua-dua filem tersebut, data metafora yang telah dikenal pasti hadir dalam tiga bentuk iaitu metafora linguistik (ML), metafora konvensional (MK) dan metafora visual (MV). Jadual 4.7 menunjukkan data metafora yang telah dikenal pasti dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*.

Jadual 4.7

Bentuk Metafora dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*.

Bentuk Metafora	Data <i>Imaginur</i>	Data <i>Terbaik Dari Langit</i>	Kekerapan	Peratus (%)
ML	33	39	72	73
MK	4	12	16	16
MV	7	4	11	11
Jumlah	44	55	99	100

Berdasarkan penelitian terhadap unsur metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, kedua-dua filem ini mempunyai bilangan bentuk metafora yang berlainan. Bagi filem *Imaginur*, bentuk metafora paling tinggi ialah metafora linguistik, iaitu sebanyak 35 data, diikuti dengan data metafora visual iaitu sebanyak tujuh (7) data. Bentuk metafora paling sedikit ialah data metafora konvensional iaitu sebanyak empat (4) data. Bagi filem *Terbaik Dari Langit* pula, bentuk metafora paling banyak digunakan ialah metafora linguistik, iaitu sebanyak 47 data. Bentuk metafora kedua tertinggi pula ialah metafora konvensional sebanyak 15 data. Bentuk metafora paling rendah ialah metafora visual iaitu sebanyak empat data.

4.3 Makna Metafora dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*

Bahagian ini dikelompokkan kepada dua bahagian untuk menerangkan makna data metafora yang telah dikenal pasti dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Penginterpretasian makna metafora ini dibuat dengan mengaplikasikan Teori Hibrid. Walau bagaimanapun, hanya tiga data metafora yang tertinggi dipaparkan analisisnya secara mendalam dalam bahagian ini. Data metafora linguistik, metafora visual dan metafora konvensional yang dikenal pasti dalam filem *Imaginur* dan tiga data metafora dalam filem *Terbaik Dari Langit* disertakan dalam bahagian Apendik 1 dan Apendik 2.

4.3.1 Interpretasi Makna Metafora dalam Filem *Imaginur*

Bahagian ini menghuraikan analisis penginterpretasian makna metafora dalam data pertama iaitu filem *Imaginur*. Berdasarkan keseluruhan filem, terdapat 46 data metafora yang telah dikenal pasti dalam filem *Imaginur*, tetapi hanya tiga contoh data metafora akan dianalisis dalam bahagian ini. Data-data metafora lain akan disertakan dalam bahagian lampiran A. Tiga data yang diambil dipilih berdasarkan bentuk metafora iaitu satu data metafora konvensional, satu data metafora linguistik dan satu data metafora visual yang telah dikenal pasti dalam filem tersebut.

Bentuk metafora pertama yang dikenal pasti ialah metafora konvensional. Metafora konvensional merupakan metafora yang berbentuk perbandingan, peribahasa, simpulan bahasa, analogi, bahasa kiasan, sindiran, pepatah, bidalan, metonimi dan personifikasi (Hassan Ahmad, 2017). Dalam filem *Imaginur*, data metafora konvensional yang dikenal pasti adalah sebanyak empat (4) data. Satu contoh data metafora konvensional akan dianalisis dalam bahagian ini. Jadual dibawah menunjukkan salah satu contoh data metafora konvensional dalam filem *Imaginur*.

Jadual 4.8

Data Metafora Konvensional dalam Filem *Imaginur*

Data	Watak	Dialog
MK3 0:59:35-0:59:49	Zuhal	: Nur?
	Isma	: Kau ni dah kenapa bang?
	Zuhal	: Macam mana kau kenal perempuan ni?
	Isma	: Bang, apa kata kau tolong..
	Zuhal	: Tak Isma, penting ni. Macam mana kau kenal dia?
	Isma	: Dahlah. Tolonglah, masalah <u>rumah tangga</u> korang <i>settle</i> sendiri, <i>please</i> .
	Zuhal	: Rumah tangga?

Data MK3 0:59:35-0:59:49 dikenal pasti sebagai data metafora konvensional kerana mengandungi ungkapan kiasan iaitu frasa rumah tangga. Frasa rumah tangga ialah satu bentuk kiasan dalam kategori simpulan bahasa (Kamus Simpulan Bahasa Edisi Kedua, 2016). Simpulan bahasa merupakan satu ungkapan yang terdiri daripada dua atau lebih patah perkataan yang mempunyai makna berlainan daripada rangkaian

makna yang membentuknya. Simpulan bahasa *rumah tangga* dikategorikan sebagai metafora konvensional kerana metafora konvensional terbahagi kepada beberapa jenis iaitu perbandingan, analogi, simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, ibarat, metonimi dan personifikasi (Hassan Ahmad, 2003).

Dalam pengaplikasian konsep *ad hoc*, makna sesuatu leksikal diproses bukanlah pada makna leksikal semata-mata, kerana ia melibatkan pemprosesan makna pada peringkat kognitif untuk membantu manusia menginterpretasi makna dengan lebih baik (Sperber & Wilson, 1995). Menurut Rozaimah Rashidin (2016), pada peringkat kognitif, penginterpretasian makna melibatkan maklumat yang relevan dengan seseorang, yang diperoleh berdasarkan kepada pengalaman badaniah, ensiklopedia, hasil pembacaan, budaya, agama dan sebagainya. Maka, bagi frasa *rumah tangga* ini boleh mewujudkan pelbagai inferens atau andaian yang boleh mengelirukan pendengar atau pembaca untuk memahami maksud sebenar, jika ia tidak disertakan dengan konteks.

Penerapan Konsep Ad Hoc

Frasa *rumah tangga* ini merupakan satu bentuk metafora konvensional, maka ia melibatkan semasa proses pentaabiran, ungkapan ini mengaplikaskan konsep ad hoc peluasan untuk mengeluarkan andaian-andaian bersesuaian. Konsep ad hoc peluasan digunakan bagi data metafora konvensional kerana peluasan makna dalam konsep ad hoc membawa maksud peluasan pentaafsiran, terutama sekali dalam ungkapan berbentuk metafora (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2023). Melalui penerapan konsep ad hoc peluasan ini, penghasilan makna yang lebih luas boleh dibuat lebih daripada makna yang dikodkan dengan mengeluarkan beberapa andaian yang berkaitan dengan data metafora tersebut. Beberapa andaian dikeluarkan berdasarkan kepada data metafora tersebut, tetapi hanya satu andaian yang diambil kerana andaian tersebut paling relevans dengan konteks yang disampaikan dalam sesuatu data metafora. Andaian tersebut dihasilkan berdasarkan makna secara literal dan makna-makna lain yang bersesuaian dengan konteks.

Dalam konteks babak ini, frasa *rumah tangga* mengeluarkan beberapa andaian untuk mengenal pasti kesimpulan atau andaian yang paling relevans dengan konteks

yang disampaikan. Antara andaian yang wujud berdasarkan frasa **rumah tangga** adalah seperti berikut :

- 1) Kehidupan berkeluarga
- 2) Tempat tinggal
- 3) Bahagian dalam sesebuah rumah
- 4) Pasangan suami isteri*
- 5) Sebuah institusi kekeluargaan

Melalui penerapan konsep ad hoc peluasan ini, pemilihan inferens yang paling relevan dibuat oleh pembaca atau pendengar untuk menggugurkan makna yang tidak sesuai dengan konteks penggunaan. Berdasarkan andaian-andaian yang dikeluarkan untuk mengenal pasti maksud yang bersesuaian dengan konteks penggunaan frasa **rumah tangga**, andaian tersebut dibuat berdasarkan maksud secara literal dan konteks ujaran digunakan. Berdasarkan pengalaman kognitif sedia ada, **rumah tangga** merupakan tempat bagi dua individu yang bergelar pasangan suami isteri membangunkan sebuah keluarga. Secara literalnya, Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan leksikal *rumah* dengan beberapa makna iaitu 1; binaan untuk tempat tinggal, 2; bangunan atau gedung, 3; pasukan atau kumpulan olahraga, 4; bahagian dalam susunan angka, ruang, kolum. Leksikal *tangga* pula didefinisikan sebagai 1; tempat tumpuan kaki yang bertingkat-tingkat untuk naik turun rumah, 2; alat untuk tumpuan memanjat, 3; bahagian daripada sesuatu yang bertingkat-tingkat.

Dalam aspek budaya Melayu, frasa **rumah tangga** bukanlah hanya bersandarkan kepada makna literal semata-mata, bahkan ia juga merupakan satu bentuk simpulan bahasa. Leksikal *rumah* disebut sebagai satu bentuk harta, tempat perlindungan, tempat beribadah, ruang sosial dan juga tempat beribadah dan tempat memanifestasikan identiti budaya melalui seni binanya (Mohamad Faiz Fatihah Azlam, Noor Aisyah Mokhtar dan Nur Athirah Khalit, 2024). Manakala leksikal *tangga*, menurut Muhamad Fadzllah Zaini dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019), masyarakat Melayu menggunakan leksikal *tangga* dalam peribahasanya sebagai lambang atau gambaran untuk hierarki sosial, usaha dan tanda kemajuan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana tangga digunakan sebagai proses peningkatan darjat daripada kedudukan rendah kepada yang lebih tinggi, kejayaan dan kekuatan dalam hidup. Maka, tangga bukan sahaja sekadar seni bina tetapi ia merupakan kiasan yang

menggambarkan pandangan masyarakat tentang perjalanan hidup dan hubungan sosial yang harmoni.

Frasa **rumah tangga** juga merupakan satu bentuk simpulan bahasa dalam bahasa Melayu. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) juga meletakkan frasa **rumah tangga** sebagai satu frasa yang membawa maksud perihal rumah dan kehidupan dalam rumah. Gabungan frasa ini merupakan satu bentuk simpulan bahasa. Simpulan bahasa merupakan satu rangkaian perkataan yang disusun dalam susunan khas, dan ia dipakai dengan membawa maksud lain daripada makna asalnya (Za'ba, 2002). Menurut Hassan Ahmad (200), simpulan bahasa termasuk dalam kategori metafora seperti perumpamaan, simpulan bahasa, peribahasa bahasa kiasan, bidalan, tamsil ibarat, personifikasi dan sindiran.

Daripada perspektif agama Islam pula, **rumah tangga** dianggap sebagai satu tempat berlindung, bertemu dan sebuah kediaman untuk membina generasi (Nurul Syafini Abd Rahman et al., 2020). Ia juga disebut sebagai tempat untuk menjalin hubungan selepas ikatan pernikahan untuk membangunkan institusi kekeluargaan. Pandangan ini selari dengan firman Allah SWT dalam surah Ar Rum ayat 21 dan surah An-Nahl ayat 72 yang bermaksud :

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya antara kamu (suami dan isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya, yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

(Surah Ar-Rum :21)

“Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasanganpasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda yang baik lagi halal; maka patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur (mengingkari) pula akan nikmat Allah?”


(Surah An-Nahl: 72)

Berdasarkan firman Allah di atas, **rumah tangga** digambarkan sebagai sesuatu tempat atau institusi yang diisi dengan pasangan suami dan isteri sebagai satu tempat perlindungan dan kediaman untuk mereka saling berkasih sayang, menjaga, melindungi serta memelihara kesucian diri. Dalam institusi rumah tangga ini juga lahirnya anakanak yang boleh mengeratkan ikatan kasih sayang antara suami isteri dan seluruh ahli keluarga. Istilah rumah tangga ini juga ikatan murni antara suami isteri melalui satu akad.

Melihat kepada konteks babak ujaran ini dituturkan, frasa **rumah tangga** merujuk kepada pasangan suami dan isteri* iaitu hubungan antara Zuhail dan Nur. Andaian ini dipilih kerana berdasarkan perbualan tersebut, Zuhail yang menghidap penyakit alzheimer berasa keliru dengan kewujudan Nur semasa tahlil arwah bapanya dijalankan. Perasaan keliru dengan kehadiran Nur yang sedang berbual dengan Isma itu disebabkan Zuhail menyangka Nur hanya wujud dalam khayalannya. Maka, Zuhail bertanya kepada Isma tentang cara perkenalan Isma dengan Nur. Isma memotong percakapan Zuhail dengan mengatakan masalah perhubungan Zuhail dan Nur perlu diselesaikan secara peribadi. Zuhail yang kemudiannya terkejut dengan respon Isma yang mengatakan tentang rumah tangga mereka, ini kerana Zuhail tidak menyimpan memori tentang perkahwinannya dengan Nur. Maka, frasa **rumah tangga** yang digunakan dalam data MK3 0:59:35-0:59:49 memfokuskan kepada makna pasangan suami dan isteri iaitu merujuk kepada ikatan perkahwinan antara Zuhail dan Nur.

Pemetaan domain

Dalam proses simulasi, frasa **rumah tangga** akan menghasilkan skema imej dan metafora konseptual. Elemen ini terhasil kerana dalam proses simulasi ini melibatkan pendekatan linguistik kognitif dan proses pemetaan dua domain. Proses pemetaan dua domain bagi frasa rumah tangga adalah seperti berikut :




Rajah 4.1 Pemetaan Dua Domain Bagi Frasa **rumah tangga**

Domain sumber **rumah tangga** dipetakan kepada domain sasaran CINTA. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan leksikal CINTA kepada 1;

perasaan atau berperasaan sangat sayang kepada (negara, orang tua, kebebasan, dll), 2; perasaan atau berperasaan sangat berahi antara lelaki dan perempuan dan 3; perasaan dukacita seperti risau, bimbang, sedih dan sebagainya. Dalam konteks data MK3 0:59:35-0:59:49, domain CINTA terhasil untuk menunjukkan hubungan antara Zuhail dan Nur yang diperkatakan dalam babak tersebut. Dalam babak tersebut, Zuhail mempersoalkan kehadiran Nur di rumah mereka selepas kematian bapanya. Zuhail bertanya kepada Isma tentang perkenalannya dengan Nur tetapi Isma meminta Zuhail untuk menyelesaikan masalah peribadi mereka sendiri. Berdasarkan frasa **rumah tangga**, skema imej yang terbentuk ialah skema imej PENGHUBUNG dan skema imej ATURAN LINEAR.

Hasil pemetaan dua domain ini membawa domain sumber **rumah tangga** kepada domain sasaran CINTA, manakala skema imej yang terhasil ialah skema imej PENGHUBUNG dan ATURAN LINEAR. Menurut Lakoff dan Johnson (1980) dalam Rozaimah Rashidin (2016), skema imej PENGHUBUNG ialah skema imej PENGHUBUNG merupakan skema imej yang digunakan untuk menghubungkan bentuk abstrak atau konkrit dengan melibatkan dua atau lebih entiti yang berhubungan antara satu sama lain. Ini termasuklah hubungan fizikal, mental, sosial dan emosional. Dalam konteks data MK3 0:59:35-0:59:49, rumah tangga merujuk kepada ikatan perkahwinan antara Zuhail dan Nur. Maka, skema imej PENGHUBUNG bagi frasa *rumah tangga* digambarkan seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 4.2 Skema Imej PENGHUBUNG
(sumber : CANVA)

Skema imej PENGHUBUNG bagi **rumah tangga** digambarkan dengan menggunakan gambar tali yang diikat atau ikatan, untuk merujuk kepada ikatan perkahwinan antara Zuhail dan Nur. Berdasarkan pengalaman kognitif sedia ada, perkahwinan didefinisikan sebagai 1; ikatan yang sah antara lelaki dan perempuan menjadi suami isteri, nikah, 2; berkahwin mempunyai isteri (suami), 3; bersetubuh, berjimak (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2002). Definisi ini adalah selari dengan konsep perkahwinan dan pernikahan dalam islam iaitu menurut Wan Abdul Fattah Wan

Ismail et al. (2022), pernikahan disebut sebagai *al-nikah* (Bahasa Arab) untuk merujuk kepada sejenis akad yang membolehkan atau menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan untuk mendapat manfaat daripada satu sama lain, dengan cara bermesra sesama mereka.

Pernikahan juga merupakan satu bentuk sunnah Nabi Muhammad SAW dan satu bentuk fitrah manusia yang sangat dituntut dalam agama Islam. Pandangan ini adalah berdasarkan dengan hadis nabi iaitu Rasulullah SAW bersabda, yang bermaksud:

“Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin), dan sesiapa yang tidak sanggup, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat membendung syahwat.”

Hadis Riwayat Muslim (3386)

Maka, frasa **rumah tangga** yang disebutkan dalam perbualan antara Isma dan Zuhal memberi penekanan kepada hubungan suami dan isteri antara Zuhal dan Nur. Zuhal dan Nur telah mendirikan **rumah tangga** selepas mereka berkenalan dan menjalin hubungan sebagai kekasih. Walau bagaimanapun, Zuhal sering mempersoalkan status hubungan mereka kerana keadaan kesihatannya. Zuhal yang merupakan penghidap alzheimer sering mengalami gangguan ingatan termasuklah ingatan realiti atau ilusi. Keadaan ini membuatkan Zuhal sering berasa keliru tentang banyak perkara, termasuklah perkahwinan Zuhal dan Nur. Maka, metafora konseptual yang terbentuk bagi data metafora ini ialah CINTA IALAH IKATAN.

Rantau konseptual

Rantau konseptual adalah satu kawasan abstrak dalam minda manusia yang mengumpulkan medan makna kata, merangkumi pelbagai elemen seperti domain, skema imej, metafora konseptual, dan metonimi konseptual. Melalui pengaplikasian Teori Hibrid, Pengaplikasian teori Hibrid bagi menganalisis makna metafora MK3 0:59:35-0:59:49 menghasilkan rantau konseptual CINTA. Frasa **rumah tangga** diinterpretasikan menggunakan *ad hoc* peluasan sebagai hubungan suami isteri dengan pemetaan domain dalam proses pentaabiran dan proses simulasi. Setelah Proses Tiga Serangkai yang mengaplikasikan konsep *ad hoc* dan pemetaan dua domain, rantau

kehadiran Nur di rumah mereka semasa majlis tahlil, dan Zuhail juga bertanya tentang perkenalan antara Nur dan Isma. Secara harfiahnya, frasa **rumah tangga** menunjukkan bahagian daripada bangunan iaitu rumah dan tangga. Walau bagaimanapun, dalam konteks data MK3 0:59:35-0:59:49, rumah tangga merupakan entiti abstrak yang membawa maksud hubungan suami isteri. Skema imej yang terbentuk daripada data metafora ini ialah skema imej PENGHUBUNG. Skema imej PENGHUBUNG terbentuk daripada ikatan perhubungan antara Zuhail dan Nur. Maka, metafora konseptual yang terhasil ialah CINTA IALAH IKATAN.

Bentuk data metafora kedua yang dikenal pasti ialah metafora linguistik. Metafora linguistik merupakan penggunaan ujaran, ayat atau frasa yang bersifat metaforikal. Dalam filem *Imaginur*, metafora linguistik merupakan bentuk metafora yang paling banyak digunakan dalam ujaran iaitu sebanyak 35 data. Jadual di bawah menunjukkan satu data yang dikenal pasti sebagai metafora linguistik dalam filem *Imaginur*.

Jadual 4.9

Data Metafora Linguistik dalam Filem *Imaginur*


Data	Watak	Dialog
ML9 0:21:52	Ramli	: Aku akan <i>hypnotized</i> kau dulu. Dan, kita akan <i>switch off</i> kau punya <i>prefrontal cortex</i> . Otak kita ni ada <i>gate</i> yang macam <i>filter</i> . Kita kena buka <i>gate</i> tu dulu.
	Zuhail	: Lepastu?
	Ramli	: Lepastu, kita masuk dan kita perbetulkan, macam betulkan rumah.
		Kita pergi balik dan kita pandang daripada perspektif baru. Test test. Demo video nombor 47 untuk Hypnotica, fasa pertama. Subjek akan melalui proses hipnosis
		Kemudian, <u>kita akan membawa dia memasuki alam memori</u> . Dan subjek adalah Zuhail, umur 34, dan mempunyai masalah <i>panic attack</i> .

Data ML9 0:21:52 merupakan data metafora linguistik yang dikenal pasti melalui ujaran **kita akan membawa dia memasuki alam memori**. Metafora linguistik merupakan data metafora yang hadir dalam bentuk ujaran, ayat, atau frasa yang bersifat

metaforikal. Metafora linguistik dikenal pasti berdasarkan Prosedur Pengenalpastian Metafora oleh Kumpulan Pragglejaz (2007).

Penerapan Konsep *Ad Hoc*

Ungkapan *kita akan membawa dia memasuki alam memori* merupakan data berbentuk metafora linguistik kerana ujaran ini merupakan ujaran berbentuk metaforikal. dan tidak tergolong dalam bentuk perbandingan, simpulan bahasa, bidalan, ibarat, analogi, dan bentuk lain metafora konvensional (Hassan Ahmad, 2003). Maka, konsep *ad hoc* yang digunakan untuk mengeluarkan andaian makna ialah *ad hoc* penyempitan. *Ad hoc* penyempitan digunakan untuk mencari makna yang tepat dan jelas bagi data metafora linguistik. Beberapa andaian dikeluarkan dalam bentuk gambar rajah Verns. Kemudian, daripada andaian-andaian tersebut akan terhasil satu kesimpulan implikatur yang paling sesuai bagi konteks data ML9 0:21:52. Gambar rajah Verns bagi pembentukan konsep *Ad Hoc* penyempitan bagi data ini adalah seperti berikut :



Rajah 4.4 Rajah Verns *Ad Hoc* Penyempitan

Berdasarkan rajah di atas, andaian-andaian tersebut dikeluarkan berdasarkan konteks situasi babak ML9 0:21:52 dijalankan. Babak tersebut merupakan perbualan antara Zuhail dan Ramli sebelum proses hipnoterapi dijalankan. Berdasarkan pengalaman kognitif sedia ada, memori ditafsirkan sebagai kenangan dan ingatan, atau bahagian komputer yang menyimpan maklumat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Memori atau ingatan merupakan satu proses mental yang merangkumi proses mengekod, menyimpan dan mengingat kembali tentang sesuatu maklumat dan pengetahuan yang tersimpan di dalam otak. Menurut Gaiseanu (2023), memori merupakan sistem mental yang menyimpan pengalaman hidup dan menganalisis input untuk membuat keputusan.


Dalam konteks ini, memori yang dilawati merujuk kepada rawatan hipnosis atau hipnoterapi yang dijalankan terhadap Zuhal. Zuhal menjalani rawatan hipnosis kerana mengalami serangan panik atau *panic attack*. Hipnosis adalah tingkat kesedaran yang dialami seseorang iaitu individu yang menjalani hipnoterapi ini mengalami peningkatan kepada fokus dan perhatian dalam fikirannya, dan kurang kesedaran terhadap persekitaran luar. Ia juga dianggap sebagai satu keadaan meditasi untuk tujuan terapeutik (Williamson, 2019). Hipnosis atau hipnoterapi merupakan satu kaedah rawatan atau terapi untuk mengurangkan gejala fizikal dan psikologi dalam keadaan tertentu seperti penjagaan kecemasan, kemurungan, kebimbangan atau serangan panik, kesukaran untuk tidur, sakit kronik, obesiti, (Wawrziczny et al., 2021).

Bagi individu yang mengalami serangan panik, rawatan hipnosis dijadikan sebagai satu rawatan terapi yang berkesan untuk menangani serangan panik dalam aspek psikologi dan fisiologi. Rawatan ini membantu mengurangkan tekanan, menguruskan fikiran negatif, desensitisasi atau penyahpekaan (Wawrziczny et al., 2021). Semasa pesakit berada dalam fasa relaksasi, mereka akan memasuki keadaan *trance hypnosis* yang membolehkan mereka lebih terbuka untuk sebarang perubahan dan persepsi. Dalam keadaan tersebut, doktor atau pengamal perubatan akan memberikan saranan terapeutik untuk menguatkan keyakinan diri, dan mengatasi masalah tertentu untuk membantu pesakit mencapai perubahan yang diinginkan. Pada akhir proses hipnosis tersebut, pengamal perubatan akan membantu pesakit keluar dari keadaan hipnosis dan kembali sedar secara perlahan-lahan. Secara keseluruhannya, hipnosis merupakan satu rawatan berstruktur yang digunakan untuk tujuan terapi mental.

Berdasarkan andaian-andaian yang dikeluarkan, andaian yang paling tepat dengan konteks keseluruhan data ML1 ialah perbuatan masuk ke sesuatu tempat iaitu memori, kerana semasa proses hipnosis tersebut dijalankan, Zuhal akan berada di dalam keadaan mengingat kembali peristiwa-peristiwa atau pengalaman hidupnya yang terkandung dalam memori dan ingatannya.

Pemetaan domain

Dalam proses simulasi, ujaran *masuk ke alam memori* akan menghasilkan skema imej dan metafora konseptual kerana proses ini melibatkan pemetaan dua domain dan pendekatan linguistik kognitif. Proses pemetaan dua domain bagi data ML9 0:21:52 adalah seperti berikut :




Rajah 4.5 Pemetaan Domain Bagi Ujaran *masuk ke alam memori*

Domain sumber *memasuki alam* dipetakan kepada domain sasaran MEMORI. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), memori didefinisikan sebagai 1; kenangan dan ingatan, 2; bahagian di dalam komputer yang menyimpan maklumat. Dalam konteks ujaran ML9 0:21:52 ini, domain MEMORI terhasil untuk menunjukkan keadaan minda atau kawasan yang dilawati oleh Zuhail semasa dia menjalani proses hipnoterapi. Dalam proses rawatan tersebut, Zuhail akan mengimbas kembali ingatan dan pengalaman lama yang pernah dilalui, sebagai satu cara untuk mengurangkan keresahan dan kegelisahan yang dialami, dan juga usaha untuk memulihkan keadaan kesihatan Zuhail yang mengalami Alzheimer. Berdasarkan data ini, skema imej yang terbentuk ialah skema imej BEKAS dan skema imej OBJEK.

Hasil proses pemetaan domain membawa ujaran masuk ke alam memori kepada domain sasaran MEMORI. Skema imej yang terbentuk pula ialah skema imej OBJEK dan skema imej BEKAS. Menurut Rozaimah Rashidin (2016), skema imej OBJEK merupakan entiti yang berkaitan dengan tubuh badan kita, serta entiti lain. Ia juga merupakan sesuatu benda yang boleh disentuh atau dilihat. Dalam konteks data ML9 0:21:52 ini, domain MEMORI terhasil untuk merujuk kepada kawasan atau tempat yang dituju oleh Zuhail semasa menjalankan rawatan hipnoterapi. Dalam babak tersebut, Zuhail menjalani rawatan hipnoterapi dengan Ramli untuk memulihkan serangan panik yang dialaminya selepas berjumpa dengan Yasmin di pasar raya. Serangan panik tersebut berlaku kesan daripada penyakit yang Alzheimer yang dialami oleh Zuhail yang menyebabkan dia tidak dapat membezakan memori lampau dengan keadaan semasa. Maka berdasarkan data ini, skema imej yang terbentuk ialah skema imej BEKAS.

Hasil pemetaan dua domain ini menghasilkan domain sumber memasuki alam kepada domain sasaran MEMORI manakala skema imej yang terbentuk ialah skema imej BEKAS. Skema imej BEKAS adalah skema imej yang menggambarkan pengalaman sebagai sebuah bekas yang mempunyai ruang dan boleh diisi dengan sesuatu. Dalam konteks data ML9 0:21:52 ini, alam memori digambarkan sebagai satu tempat atau destinasi yang dituju oleh Zuhal semasa menjalani rawatan hipnoterapi. Maka, skema imej BEKAS bagi ungkapan masuk ke alam memori digambarkan seperti di bawah.



Rajah 4.6 Skema Imej BEKAS

Skema imej BEKAS bagi alam memori digambarkan sebagai sebuah bekas yang mengandungi bola-bola kecil sebagai pengalaman, ingatan dan peristiwa lampau yang berlaku dalam hidup seseorang. Berdasarkan pengalaman kognitif sedia ada, memori merupakan satu tempat yang mengisi ingatan terhadap perkara-perkara yang berlaku sepanjang kehidupan seseorang. Menurut Zlotnik dan Vansintjan (2019), memori merupakan satu ruang atau kapasiti yang digunakan untuk menyimpan maklumat. Maklumat-maklumat yang disimpan dalam memori ini termasuklah DNA, proses saraf, maklumat tentang persekitaran dan sebagainya. Ini termasuk menyimpan, mendapatkan semula maklumat, dan mengkategorikan maklumat sebagai ingatan sama ada ingatan jangka pendek atau jangka panjang.

Thorup (2024) menjelaskan tentang bahagian otak yang terlibat dalam memproses memori, sehinggalah penyimpanan memori. Otak manusia mempunyai bahagian-bahagian tertentu yang terlibat dalam proses mengekod, menyimpan dan mendapatkan maklumat. Antaranya ialah *hippocampus* merupakan pusat kepada pembentukan ingatan, yang terlibat dalam proses menukarkan kenangan jangka pendek kepada kenangan jangka panjang. *Hippocampus* merupakan bahagian yang penting

dalam navigasi ingatan kerana jika berlaku kerosakan pada *hippocampus*, seseorang boleh mengalami amnesia *anterograde* dan tidak mampu membentuk ingatan baru.

Selain itu, bahagian amigdala berfungsi sebagai bahagian yang memproses emosi tentang ingatan. Amigdala berfungsi selari dengan *hippocampus* untuk menghasilkan emosi terhadap sesuatu kejadian, dan menjadikan sesebuah memori itu lebih diingati dan memberi kesan kepada seseorang. Misalnya, peristiwa yang menjadi trauma dalam hidup seseorang cenderung untuk diingat kerana ia ditandai dengan emosi. Dalam filem *Imaginur*, Zuhaila mempunyai ingatan yang kuat terhadap Yasmin walaupun mereka telah memutuskan hubungan. Ini kerana hubungan Zuhaila dengan Yasmin memberikan kesan yang signifikan dalam kehidupannya. Zuhaila berjumpa dengan Ramli untuk menjalani rawatan hipnoterapi kerana dia mengalami serangan panik selepas berjumpa dengan Yasmin di pasar raya.

Bahagian *prefrontal cortex* merupakan bahagian otak yang terlibat dalam proses yang berkaitan dengan memanipulasi ingatan. Bahagian ini membantu manusia menyusun, merancang dan menggunakan maklumat yang disimpan dalam ingatan bagi proses membuat keputusan. Bahagian ini sangat aktif untuk membantu manusia memberi fokus dan perhatian. Ia selari dengan proses hipnoterapi berdasarkan filem *Imaginur* di mana Ramli menerangkan kepada Zuhaila bahawa *prefrontal cortex*nya akan ditutup sebagai usaha untuk memulihkan ingatan Zuhaila.

Bahagian otak lain yang terlibat dengan memori adalah *cerebellum* dan *basal ganglia*, *thalamus* serta *entorhinal cortex*. Bahagian *cerebellum* dan *basal ganglia* terlibat dalam bahagian ingatan seperti kemahiran dan tabiat, manakala *thalamus* merupakan pusat yang menghantar maklumat deria. Korteks entorhinal pula berfungsi untuk memudahkan komunikasi antara *hippocampus* dan *neocortex* yang menyokong penyimpanan ingatan. Kawasan ini merupakan salah satu kawasan awal yang terjejas apabila seseorang menghidap penyakit Alzheimer (Thorup, 2024).

Memori bagi pesakit Alzheimer tidak berfungsi seperti manusia biasa. Ini kerana gangguan ingatan atau dementia ini merupakan antara petanda awal seseorang menghidap Alzheimer (Jahn, 2013). Menurut Jahn (2013), penyakit Alzheimer memberi kesan kepada fungsi ingatan dengan cara tertentu. Tanda awal seseorang itu menghidap Alzheimer adalah apabila ia mengalami ingatan *episodic* iaitu keupayaan untuk mengingat peristiwa, masa dan tempat tertentu. Perkara ini dialami oleh Zuhaila dalam filem *Imaginur*, yang sering mengalami ingatan tentang pertemuannya dengan Nur, memori tentang bapanya, dan beberapa memori lain. Dari sudut neuropatologi,


penyakit Alzheimer ini mengalami masalah untuk memproses ingatan, yang melibatkan kawasan *hippocampus* dan korteks entorhinal dalam otak. Kerosakan bahagian ini menyukarkan pesakit untuk mengekod dan menyimpan kenangan dan ingatan baharu yang turut menjejaskan ingatan jangka pendek dan jangka panjang.

Dalam konteks data ML9 0:21:52, Zuhail merupakan seorang penghidap Alzheimer yang mengalami serangan panik setelah berjumpa dengan bekas kekasihnya, Yasmin. Pertemuan tersebut menyebabkan Zuhail mengalami serangan panik. Kemudian, Zuhail berjumpa dengan Ramli, seorang pegawai perubatan untuk menjalani rawatan hipnoterapi. Semasa rawatan tersebut, Ramli menerangkan kepada Zuhail bahawa alam memori ini merupakan suatu kawasan yang boleh dimasuki. Maka, Zuhail perlu masuk semula ke alam memorinya dengan mengingat kembali peristiwa-peristiwa penting dalam hidupnya. Rawatan tersebut dijalankan untuk merawat emosi dan mengurangkan serangan panik yang dialami oleh Zuhail. Maka, jelaslah bahawa skema imej BEKAS digunakan untuk menggambarkan alam memori yang diisi dengan ingatan. Metafora konseptual yang terhasil bagi data ML9 0:21:52 ini ialah MEMORI IALAH BEKAS.

Selain itu, data ML9 0:21:52 turut menghasilkan satu metonimi konseptual ALAM MELAMBANGKAN MEMORI. Metonimi konseptual merupakan konsep rujukan iaitu menggantikan sesuatu entiti dengan entiti lain yang mempunyai sifat rujukan tersebut (Rozaimah Rashidin, 2016). Menurut Kovecses dan Szabo (1996), metonimi merupakan hubungan konseptual 'melambangkan' atau *stand for* antara dua entiti. Leksikal *alam* dalam data ML9 0:21:52 merupakan perlambangan bagi memori kerana sifatnya yang boleh dijelajahi atau dimasuki. Semasa Zuhail menjalani rawatan hipnoterapi, Ramli menyatakan bahawa dia akan memasuki alam memori, dan memilih ingatan yang akan membantu proses penyembuhan ingatannya.

Rantau konseptual

Selepas data ML9 0:21:52 dianalisis menggunakan Proses Tiga Serangkai yang melibatkan penerapan konsep *ad hoc* dan proses pemetaan domain, rantau konseptual bagi data ini terbentuk. Rantau konseptual ini merangkumi penerapan *ad hoc* penyempitan dan proses pemetaan domain semasa proses pentaabiran dan proses simulasi. Pembentukan rantau konseptual memudahkan pemahaman makna ujaran dengan lebih jelas dan mudah. Rantau konseptual ML9 0:21:52 adalah seperti dalam rajah di bawah :



Rajah 4.7 Rantau Konseptual MEMORI Bagi Data ML9 0:21:52

Data ML9 0:21:52 mengandungi frasa *memasuki alam memori* yang dikenal pasti sebagai data metafora linguistik. Berdasarkan rajah 4.7, pengaplikasian teori Hibrid dalam menginterpretasi makna metafora dalam data ML9 0:21:52 menghasilkan rantau konseptual MEMORI. Konsep leksikal MEMORI merujuk kepada bahagian otak manusia yang menyimpan maklumat dan pengalaman yang lalu. Frasa memasuki alam memori telah menginterpretasikan memori sebagai satu tempat yang dituju semasa proses hipnoterapi. Domain sumber tempat yang dituju dipetakan kepada domain sasaran MEMORI. Dalam konteks babak ini, Ramli menerangkan kepada Zuhal tentang perkara yang berlaku semasa Ramli menjalankan rawatan hipnoterapi

terhadap Zuhail. Frasa memasuki alam memori menggunakan konsep *ad hoc* penyempitan untuk mencari andaian implikatur yang paling tepat bagi makna frasa berdasarkan kepada konteks keseluruhan. Andaian makna yang dipilih bagi frasa masuk ke alam memori ialah proses untuk mengimbuai pengalaman silam melalui rawatan hipnoterapi. Berdasarkan makna frasa ini, skema imej yang terbentuk bagi data ML9 0:21:52 ialah skema imej BEKAS. Skema imej BEKAS terbentuk kerana memori digambarkan sebagai satu kawasan yang diisi dengan pengalaman dan peristiwa lampau yang dialami oleh seseorang sepanjang kehidupannya. Maka, metafora konseptual yang terhasil dalam data ML9 0:21:52 ialah MEMORI IALAH BEKAS. data ML9 0:21:52 turut menghasilkan satu metonimi konseptual iaitu ALAM MELAMBANGKAN MEMORI.

Bentuk metafora terakhir yang dikenal pasti dalam filem *Imaginur* ialah metafora visual. Metafora visual merupakan bentuk metafora yang hadir dalam bentuk gambar untuk menyampaikan sesuatu makna lebih daripada makna secara literal. Ia dikenalpasti melalui elemen visual sasaran dibandingkan dengan elemen visual sumber daripada kerangka makna yang berlainan. Bagi filem *Imaginur*, data metafora visual merupakan bentuk metafora kedua tertinggi, iaitu sebanyak tujuh (7) data. Contoh metafora visual yang dikenal pasti dalam filem *Imaginur* adalah seperti berikut

Jadual 4.10

Data Metafora Visual dalam Filem *Imaginur*


Data	Data Metafora Visual	Huraian
MV4 0:22:20		Dalam babak ini, terdapat penggunaan mesin <i>NeuroPerceptual Synchronizer</i> (NPS) dan juga paparan skrin semasa proses hipnoterapi yang dijalankan oleh Ramli.

Data MV4 0:22:20 dikenal pasti sebagai data metafora visual kerana mengandungi elemen yang menyampaikan sesuatu makna lebih daripada makna secara literal, seperti penggunaan metafora dalam bahasa verbal. Dalam data ini, elemen yang dikenal pasti sebagai metafora visual ialah penggunaan paparan skrin objek berpusing pada sebuah mesin di dalam sebuah bilik rawatan. Babak ini merupakan babak yang melibatkan Zuhal dan Ramli dalam sebuah bilik rawatan. Ramli sedang menjalankan rawatan hipnoterapi pada Zuhal untuk mengurangkan gejala serangan panik yang dialaminya. Semasa rawatan hipnoterapi dimulakan, terdapat satu paparan skrin pada mesin *Neuro-Perceptual Synchronizer* (NPS) menunjukkan gambar objek berpusing atau lingkaran yang berwarna hitam dan putih. Objek ini ditandai sebagai metafora visual. Objek berpusing ini dikenal pasti sebagai data bentuk metafora visual kerana ia mempunyai elemen yang kabur dan tidak jelas. Maka, elemen visual ini dilabelkan sebagai data MV4 0:22:20.

Penerapan Konsep Ad Hoc

Objek berpusing dalam data MV4 0:22:20 merupakan data metafora berbentuk visual, maka konsep *ad hoc* yang diaplikasikan dalam proses pentaabiran ialah *ad hoc*

penyempitan kerana menurut Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2023), konsep *ad hoc* penyempitan digunakan untuk menyelesaikan makna yang kabur. Melalui penerapan konsep *ad hoc* penyempitan, andaian-andaian makna dikeluarkan dalam bentuk gambar rajah Verns untuk menghasilkan satu kesimpulan yang tepat bagi data MV4 0:22:20. Gambar rajah Verns bagi penerapan konsep *ad hoc* dalam data ini terhasil seperti yang berikut :



Rajah 4.8 Rajah Verns *Ad Hoc* Penyempitan

Rajah di atas menunjukkan pemetaan andaian-andaian bagi *ad hoc* penyempitan untuk data MV4 0:22:20. Andaian-andaian tersebut dikeluarkan berdasarkan konteks babak tersebut iaitu penggunaan elemen objek berpusing yang muncul dalam skrin semasa proses hipnoterapi dijalankan. Berdasarkan pengalaman kognitif yang tersedia, penggunaan objek berpusing atau pusaran ini adalah satu bentuk teknik meningkatkan relaksasi kerana ia mendatangkan kesan seperti pukauan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pusaran merupakan sesuatu yang berpusing dan berputar. Sifat ini boleh menarik perhatian dan tumpuan semasa proses hipnosis dijalankan kerana penggunaan ilusi visual ini boleh dijadikan alat untuk rawatan terapeutik (Caddy, 2016). Ia bersesuaian dengan proses hipnosis kerana keadaan proses hipnosis adalah seperti berikut :

Hypnosis is a technique that involves an altered state of consciousness, in which patients are guided by a therapist who helps them focus their attention on a personal experience, a pleasant memory or with suggestion for

relaxation, leading the individual to a state of greater receptivity to suggestions.

(Cheseaux et al., 2014)

Menurut Barbosa et al. (2024), rawatan hipnosis mempunyai beberapa elemen utama seperti induksi (induction), keadaan berkhalay (trance state), cadangan terapeutik (therapeutic suggestions), dan proses keluar daripada hipnosis (exit from hypnosis). Dalam peringkat induksi, pengamal perubatan akan membimbing pesakit untuk masuk ke keadaan hipnosis. Pada peringkat ini juga pakar hipnotis akan menunjukkan alatan yang digunakan sebagai titik fokus visual. Pesakit perlu menumpukan sepenuh perhatian kepada lingkaran bulat tersebut untuk membantu mereka mengalihkan perhatian dan dijauhkan daripada gangguan luaran. Proses ini membantu dalam pengalihan kepada keadaan hipnosis (Barbosa et al., 2024). Penggunaan lingkaran ini juga membantu terhadap rangsangan tindak balas terhadap keadaan kegelisahan seseorang kerana ia boleh mendorong keadaan seperti dalam keadaan khayal (Gui et al., 2024).

Gui et al., (2024) dalam kajiannya menyatakan bahawa bentuk lingkaran merupakan satu ilusi persepsi yang diciptakan oleh imej statik untuk mendorong sensasi gerakan. Pada asasnya, lingkaran ini merupakan visual kompleks yang mentafsir gerakan otak menggunakan isyarat geometri statik. Ia boleh hadir dalam bentuk ular yang berputar atau lingkaran *ad lib*. Corak lingkaran ini berfungsi sebahagian rangsangan visual untuk mempengaruhi keadaan saraf dan emosi termasuklah keseimbangan.

Caddy (2016) pula berpandangan bahawa elemen lingkaran merupakan satu simbol yang membawa pelbagai tafsiran berdasarkan budaya dan konteks berbeza. Secara umumnya, penggunaan lingkaran boleh membawa lambang kuasa kosmik, kitaran peristiwa, kelahiran, tumbesaran, kematian, satu perjalanan dan spiritual. Ahli mistik menggunakan simbol lingkaran sebagai satu simbol, portal atau pintu untuk memasuki realiti atau dimensi lain yang melangkaui kebolehan fizikal dan juga merentasi keadaan yang berbeza tingkat kesedaran. Dalam konteks kesenian dan artifak, lingkaran merupakan laluan ke alam roh yang digunakan sebagai penanda untuk berkomunikasi dengan alam lain. Maka, Caddy (2016) menekankan bahawa secara keseluruhannya, bentuk lingkaran ini merupakan motif yang membawa maksud penghubung antara dua elemen yang berbeza tingkat kesedaran dan pergerakan tenaga


dalam badan. Contohnya, seseorang akan merenung ke arah satu lingkaran yang ditetapkan sebagai fokus meditasi untuk mengakses tahap kesedaran yang berbeza.

Penggunaan lingkaran ini boleh mempengaruhi kesedaran seseorang kerana kebiasaannya, dalam terapi kebimbangan atau *anxiety*, lingkaran fokus yang digunakan mempunyai visual dengan kontras yang tinggi untuk meningkatkan tindak balas kebimbangan dan aktiviti saraf. Pesakit yang memberikan tumpuan penuh pada objek berputar ini akan mengalami ketidakselesaan, pening, dan perubahan emosi untuk mengubah kesedaran mereka (Gui et al., 2024).

Dalam filem *Imaginur*, elemen lingkaran tersebut digunakan semasa rawatan hipnoterapi. Lingkaran tersebut merupakan alat untuk mengalihkan kesedaran Zuhail semasa rawatan dijalankan. Ini ditandai dengan penggunaan ujaran Ramli iaitu so Zuhail, ***kau fokus pada titik tengah ni. Bayangkan badan kau tengah cair. Dalam minda kau, kau boleh terbang ke mana-mana saja.*** Berdasarkan andaian-andaian yang dikeluarkan berdasarkan konteks babak MV4 0:22:20, andaian yang paling sesuai dengan konteks data tersebut iaitu kegunaan gegelung yang berpusing atau spiral dalam proses hipnoterapi tersebut adalah sebagai laluan masuk ke alam memori atau ingatan. Dalam rawatan hipnosis, ia digunakan untuk mengatur tahap kesedaran pesakit untuk mencapai tahap fokus mental yang dikehendaki. Langkah ini perlu untuk memperbaiki fokus dan penerokaan ingatan yang lebih mendalam supaya keadaan kesihatannya dapat dikawal. Dalam konteks MV4 0:22:20, Zuhail menjalani proses hipnoterapi untuk membantunya mengingat kembali peristiwa-peristiwa tertentu dalam kehidupannya. Perkara tersebut dapat membantu mengurangkan simptom serangan panik yang dialami oleh Zuhail. Maka, makna yang paling sesuai bagi data MV4 0:22:20 ini adalah objek berpusing ini digunakan untuk mengalihkan fokus Zuhail daripada dunia realiti.

Pemetaan domain


Melalui proses simulasi, objek berpusing atau lingkaran dalam data MV4 0:22:20 akan menghasilkan skema imej dan metafora konseptual kerana adanya penerapan pemetaan domain dan pendekatan linguistik kognitif. Proses pemetaan domain bagi data MV4 0:22:20 adalah seperti berikut :



Rajah 4.9 Pemetaan Domain

Domain sumber bagi data MV4 0:22:20 ialah objek yang berpusing dipetakan kepada domain sasaran KEHIDUPAN. Dalam konteks data ini, penggunaan objek yang berpusing ini merujuk kepada KEHIDUPAN kerana ia berlaku semasa proses hipnoterapi Zuhail yang dijalankan oleh Ramli. Semasa proses tersebut bermula, skrin mesin tersebut menunjukkan pusingan berwarna hitam dan putih sebagai tanda Zuhail akan melawat semula memori-memori dan pengalaman lampainya dalam proses tersebut. Berdasarkan data ini, skema imej yang terbentuk ialah skema imej OBJEK, skema imej KITARAN, dan skema imej WARNA.

Hasil proses pemetaan domain sumber bagi *objek yang berpusing* dipetakan kepada domain sasaran KEHIDUPAN. Skema imej yang terhasil pula ialah skema imej OBJEK, skema imej KITARAN dan skema imej WARNA. Menurut Rozaimah Rashidin (2016), skema imej OBJEK merupakan entiti yang berkaitan dengan tubuh badan kita, serta entiti lain. Ia juga merupakan sesuatu benda yang boleh disentuh atau dilihat. Gambaran skema imej OBJEK bagi MV4 0:22:20 adalah seperti berikut :



Rajah 4.10 Skema Imej OBJEK

(Sumber : CANVA)


Skema imej OBJEK terbentuk kerana kehidupan mempunyai unsur kebendaan yang boleh diisi berdasarkan kepada pengalaman seseorang. Dalam babak MV4 0:22:20 digunakan, OBJEK yang mewakili maksud sebenar MV4 0:22:20 ialah penggunaan gegelung berputar pada mesin hipnoterapi. Gegelung yang berputar tersebut mewakili elemen kehidupan kerana semasa proses hipnoterapi, pesakit akan

mengalami peralihan fokus kepada perkara yang menenangkan, atau mengalami perubahan kehidupan daripada keadaan semasa. Penggunaan objek berpusing ini kebiasaannya melambangkan kuasa kosmik, kitaran peristiwa, kelahiran, tumbesaran, kematian serta aktiviti spiritual. Ia digunakan untuk mengakses tahap kesedaran yang berbeza (Caddy, 2016).

Dalam konteks data MV4 0:22:20 ini, penggunaan lingkaran yang berwarna hitam putih digunakan oleh Ramli untuk mengalihkan fokus Zuhail dari alam realiti ke tahap bawah kesedaran semasa proses hipnosis. Proses ini dijalankan sebagai satu rawatan untuk mengurangkan kebimbangan atau *anxiety*. Menurut Gui et al. (2024), *spiral motion illusion* berfungsi untuk mengalihkan fokus dengan mengalihkan perhatian daripada pemikiran yang membimbangkan. Objek yang berpusing juga merupakan rangsangan visual yang boleh mempengaruhi aktiviti saraf untuk memperbaiki persepsi dan emosi. Zuhail perlu mengalihkan fokusnya daripada kehidupan nyata supaya dapat memperbaiki emosi dan memperbetulkan memori yang mencetuskan serangan panik supaya dia dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik. Maka, metafora konseptual yang terhasil ialah KEHIDUPAN IALAH OBJEK.

Data MV4 0:22:20 juga menghasilkan metonimi konseptual iaitu OBJEK BERPUSING MELAMBANGKAN KEHIDUPAN. Objek berpusing atau spiral tersebut melambangkan kehidupan kerana menurut Caddy (2016), corak ukiran spiral sering membawa maksud satu proses kitaran yang berulang dari semasa ke semasa. Dalam konteks data MV4 0:22:20 ini, penggunaan lingkaran digunakan dalam rawatan hipnoterapi untuk memulihkan ingatan Zuhail. Ia merupakan sebahagian daripada kitaran hidupnya sebagai pesakit Alzheimer. Maka, metonimi konseptual turut terbentuk dalam data ini.

Selain itu, skema imej kedua yang terhasil ialah skema imej KITARAN. Skema imej KITARAN adalah skema imej yang melibatkan hal yang berulang bermula daripada titik permulaan, perkembangan dan kembali ke tempat asal. Gambaran skema imej KITARAN bagi MV4 0:22:20 adalah seperti berikut :




Rajah 4.11 Skema Imej KITARAN
(sumber : CANVA)

Skema imej KITARAN yang terbentuk dalam data ini merujuk kepada proses hipnoterapi yang berulang daripada keadaan semasa, perubahan keadaan lampau dan kembali semula ke keadaan asal. Penggunaan kitaran hidup rama-rama digunakan sebagai skema imej KITARAN bagi data MV4 0:22:20 untuk memberi gambaran kepada peringkat kehidupan yang sentiasa berulang, termasuklah semasa rawatan hipnoterapi.

Dalam proses hipnoterapi, Zuhail akan menjalani peringkat yang mengubah kesedarannya, kemudian masuk ke alam ingatan, dan seterusnya kembali kepada keadaan asal iaitu kesedaran semula. Penggunaan corak ukiran spiral seperti yang digunakan dalam data ini sering membawa maksud satu proses kitaran yang berulang dari semasa ke semasa. Lingkaran ini mencerminkan kitaran yang berterusan sebagai tanda fasa kehidupan yang berterusan dan mengalami pembaharuan (Caddy, 2016). Maka, metafora konseptual yang terhasil ialah KEHIDUPAN IALAH KITARAN.

Skema imej terakhir yang terbentuk bagi data MV4 0:22:20 ialah skema imej WARNA. Menurut Rozaimah Rashidin (2016), skema imej warna merupakan sebahagian daripada skema imej OBJEK yang mengandungi unsur warna. Penggunaan skema imej WARNA bagi MV4 0:22:20 adalah seperti berikut :



Rajah 4.12 Skema Imej WARNA
(sumber : CANVA)


Data metafora ini turut menghasilkan skema imej WARNA dengan penggunaan warna hitam dan putih pada objek berpusing dalam skrin. Penggunaan warna hitam dan putih ini melambangkan kehidupan, seperti dalam konsep Yin-Yang. Menurut Slote (2019), konsep yin-yang adalah satu kepercayaan dalam Tiongkok yang menggambarkan keseimbangan. Warna hitam (yin) dan putih (yang) menggambarkan sifat-sifat yang berlawanan. Penggunaan konsep ini dalam kehidupan menekankan kepada keseimbangan dalam kehidupan, kestabilan emosi dan fikiran, serta kemahiran beradaptasi dan fleksibiliti. Ia bukan sekadar aspek yang berlawanan, bahkan sisi yang saling melengkapi untuk membentuk kehidupan yang seimbang dan harmoni.

Berdasarkan konteks MV4 0:22:20, penggunaan warna putih dan warna hitam merangkumi pengalaman yang berbeza dalam kehidupan Zuhal, warna putih merujuk kepada peristiwa yang menggembirakan, manakala warna hitam melambangkan peristiwa buruk yang dialami oleh Zuhal. Peristiwa buruk tersebut meninggalkan trauma yang mengganggu kesihatannya. Kedua-dua peristiwa buruk dan baik ini mempengaruhi keadaan kesihatan Zuhal sebagai seorang penghidap Alzheimer. Maka, metafora konseptual yang terhasil ialah KEHIDUPAN IALAH WARNA. Data MV4 0:22:20 turut menghasilkan metonimi konseptual iaitu WARNA HITAM PUTIH MELAMBANGKAN KEHIDUPAN.

Rantau Konseptual

Penerapan teori Hibrid dalam menganalisis makna metafora bagi data MV4 0:22:20 ini telah mengaplikasikan elemen-elemen penting dalam teori Hibrid seperti proses pemetaan dua domain, penghasilan skema imej, penggunaan konsep *ad hoc* dalam proses Tiga Serangkai. Pengaplikasian proses Tiga Serangkai ini menghasilkan satu rantau konseptual KEHIDUPAN. Rantau konseptual merupakan satu ruang mental yang mengumpulkan medan makna kata merangkumi domain, skema imej, metafora

konseptual dan metonimi konseptual. Data MV4 0:22:20 telah dianalisis menggunakan *ad hoc* penyempitan, yang menghasilkan skema imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual. Rantau konseptual yang terhasil bagi data MV4 0:22:20 adalah seperti berikut :



Rajah 4.13 Rantau Konseptual KEHIDUPAN Bagi Data MV4 0:22:20

Data MV4 0:22:20 mengandungi elemen metafora visual iaitu penggunaan objek berpusing pada skrin. Berdasarkan rajah 4.11, penerapan teori Hibrid untuk menginterpretasi makna metafora visual dalam data MV4 0:22:20 menghasilkan rantau konseptual KEHIDUPAN. Dalam proses pemetaan domain, objek berpusing dikenal

pasti sebagai domain sumber yang dipetakan kepada domain sasaran KEHIDUPAN. Konsep leksikal KEHIDUPAN merujuk kepada proses hidup yang dijalani oleh seseorang manusia. Dalam konteks babak ini, Zuhaili menjalani rawatan hipnoterapi sebagai salah satu rawatan untuk mengurangkan simptom serangan panik yang dialaminya. Objek berpusing dalam MV4 0:22:20 telah menerapkan *ad hoc* penyempitan untuk mengeluarkan andaian yang sesuai, dan andaian yang dipilih ialah objek berpusing sebagai laluan ke alam memori. Berdasarkan makna yang dipilih, skema imej yang terhasil bagi data MV4 0:22:20 ialah skema imej OBJEK, skema imej WARNA dan skema imej KITARAN. Skema imej OBJEK terbentuk untuk melambangkan konsep KEHIDUPAN dengan menggunakan visual gegelung pada skrin. skema imej WARNA pula merujuk kepada dua warna yang berbeza iaitu warna hitam dan putih dalam elemen visual tersebut, manakala skema imej KITARAN merujuk kepada proses hipnoterapi yang dijalani oleh Zuhaili. Maka, metafora konseptual yang terhasil ialah KEHIDUPAN IALAH OBJEK, KEHIDUPAN IALAH WARNA, dan KEHIDUPAN IALAH KITARAN. Data MV4 0:22:20 juga menghasilkan metonimi konseptual iaitu OBJEK BERPUSING MELAMBANGKAN KEHIDUPAN dan WARNA HITAM DAN PUTIH MELAMBANGKAN KEHIDUPAN.

4.3.2 Interpretasi Makna Metafora dalam Filem *Terbaik Dari Langit*

Seterusnya, bahagian ini merangkumi penginterpretasian makna bagi data metafora yang dikenal pasti dalam filem *Terbaik Dari Langit*. Berdasarkan penelitian terhadap keseluruhan filem, terdapat 66 data metafora yang dikenal pasti yang merangkumi metafora konvensional, metafora visual dan metafora linguistik. Walau bagaimanapun, analisis interpretasi makna metafora dalam data kedua ini hanya menerangkan tentang tiga contoh analisis iaitu satu metafora konvensional, satu metafora visual dan satu metafora linguistik. Data metafora yang lain disertakan dalam bahagian lampiran B.

Jadual 4.11

Data Metafora Konvensional dalam Filem *Terbaik Dari Langit*

Data	Watak	Dialog
MK11 1:33:20-1:33:30	Orang Kampung 2	: Ha betul. Tapi kat Malaysia ni biasalah. Tengok pelakon kat Kuala Lumpur tu <u>muka jambu</u> berlakon tak boleh, tak boleh nangis pakai <i>eye-mo</i> , fuh 20 ribu dapat dalam poket.
	Orang Kampung 1	: Padahal bakat kurang.
	Orang Kampung 2	: Baru kau tahu.

Data MK11 1:33:20-1:33:30 dikenal pasti sebagai data metafora konvensional kerana dalam dialog watak Orang Kampung 2 menggunakan frasa muka jambu. Frasa *muka jambu* dikelompokkan sebagai metafora konvensional kerana rangkai kata ini merupakan satu bentuk kiasan yang mempunyai bentuk dan fungsi tetap, atau disebut sebagai metafora mati (Rozaimah Rashidin, 2016). Frasa muka jambu merupakan bahasa slanga yang digunakan oleh kelompok sosial tertentu. Norfaiszah Arbain dan Sa'adiah Ma'alip (2017), penggunaan bahasa slanga ini sering berubah dan berbeza mengikut konteks penggunaan dan penuturnya. Bahasa slanga juga merupakan laras bahasa yang tidak formal yang digunakan oleh kelompok sosial tertentu untuk berkomunikasi sesama mereka.

Penerapan Konsep Ad Hoc

Terdapat dua jenis konsep ad hoc yang diterapkan dalam teori Hibrid iaitu ad hoc penyempitan dan ad hoc peluasan. Bagi data metafora berbentuk metafora konvensional, konsep ad hoc yang diaplikasikan ialah ad hoc peluasan. Ad hoc peluasan merupakan pentafsiran makna yang meluas yang digunakan untuk menghasilkan medan makna yang dikodkan. Dalam pengaplikasian konsep ad hoc peluasan, beberapa andaian dikeluarkan berdasarkan konteks metafora tersebut secara keseluruhan, hanya satu andaian yang paling relevans dipilih. Andaian-andaian dikeluarkan berdasarkan kepada ciri-ciri dalam konteks leksikal. Kemudian, andaian yang tidak relevan digugurkan untuk menerima input relevan sebagai gambaran kepada pendapat penutur (Carston, 2002).

Antara andaian-andaian yang dibuat berdasarkan frasa *muka jambu* adalah seperti berikut :

- 1) Wajah yang lembut
- 2) Wajah keanak-anakan
- 3) Kulit licin dan kemerah-merahan***
- 4) Lelaki yang beraut wajah seperti perempuan
- 5) Berwajah muda, tampan dan menarik

Berdasarkan andaian-andaian yang dikeluarkan untuk menentukan makna yang bersesuaian dengan konteks MK11 1:33:20-1:33:30, andaian-andaian ini dibuat berdasarkan konteks ujaran dan juga makna literal. Secara fizikalnya, lelaki sinonim digambarkan dengan sifat maskulin. Lelaki maskulin ini digambarkan sebagai lelaki yang memiliki ciri-ciri fizikal yang dominan seperti otot yang jelas dan ketinggian yang lebih. Lelaki maskulin ini dilihat sebagai alat ukuran yang ideal kepada lelaki untuk menunjukkan kekuatan, keberanian dan ketahanan emosi (Soler et al., 2012). Ciri-ciri fizikal lelaki maskulin ini adalah berlawanan dengan dengan maksud yang dibawa oleh frasa *muka jambu*. Menurut Mohd Azhar Abdullah et al., (2024), seorang lelaki yang mempunyai rupa paras yang lembut seperti wanita disebut sebagai *amrad* atau *alamrad*. Secara harfiahnya, Al-*amrad* bermaksud seorang remaja yang tidak mempunyai bulu janggut. Terdapat dua kategori lelaki *amrad* ini iaitu yang pertama ialah kategori biasa yang tidak segak dan cantik manakala kategori kedua disebut sebagai *amrad aljamil* atau *amrad al-hasan* yang membawa maksud remaja yang tampan. Ciri-ciri *alamrad* ini boleh dilihat berdasarkan dalam kitab Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah alKuwaitiyyah, (2007) yang bermaksud :

“Sifat al-*amrad* merupakan seseorang yang tampan daripada tabiat dan kecenderungan orang yang memandangnya, walaupun ia berkulit hitam kerana kecantikan merupakan sesuatu yang subjektif berdasarkan kepada perbezaan tabiat”

(al-Mawsu'ah al-Faqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 2007).

Penggunaan frasa **muka jambu** dalam data MK11 1:33:20-1:33:30 ini memfokuskan tentang rupa paras seorang selebriti yang dimetaforakan sebagai **muka jambu**. Frasa **muka jambu** dalam konteks data MK11 1:33:20-1:33:30 ini mempunyai pemindahan makna yang memetaforakan ciri fizikal buah jambu air kepada rupa paras lelaki. Jambu air atau nama saintifiknya *syzygium aqueum* adalah sejenis buah beri kecil yang berbentuk loceng dan berair. Kulit buah jambu air ini mempunyai pelbagai variasi seperti dari warna putih sehingga merah muda atau merah muda pucat. Perubahan variasi warna buah jambu air ini dipengaruhi oleh tingkat kematangannya (Aung et al., 2020). Ciri fizikal jambu air yang mempunyai aroma khas dengan warna yang terang itu dapat menarik perhatian pelbagai haiwan termasuklah burung dan serangga untuk mencari sumber air dan rasa manis semulajadi. Berdasarkan pengalaman kognitif sedia ada, jambu air merupakan sejenis tumbuhan yang buahnya berwarna merah dan merah muda. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan jambu dengan dua perkara 1; tumbuhan merah, merah muda, 2; cantik, lawa. Maka, secara literalnya, **muka jambu** merujuk kepada rupa paras seseorang yang lembut dan cantik.


Frasa **muka jambu** ini juga merupakan bahasa slanga dalam bahasa Melayu kerana jambu dikaitkan dengan lelaki yang memiliki perwatakan atau rupa paras yang menarik, yang juga digilai oleh orang lain (Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet, 2019). Warna merah muda daripada jambu air itu mampu menarik perhatian manusia dan haiwan terhadap buah tersebut. Buah jambu digunakan sebagai simbol kepada elemen ketampanan dan menarik ini kerana menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2015), dalam budaya masyarakat Melayu, sifat-sifat dan tabiat unsur semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan digunakan sebagai objek pembayang kepada sesuatu kiasan. Tambahan lagi, buah jambu yang mempunyai warna merah muda atau *pink* ini sangat bersinonim dengan warna yang menjadi kegemaran kebanyakan wanita. Maka, leksikal jambu digunakan sebagai slanga yang membawa maksud rupa paras dan perwatakan yang menarik dan digilai.

Berdasarkan konteks keseluruhan ujaran MK11 1:33:20-1:33:30 digunakan, frasa **muka jambu** dalam konteks perbualan ini membawa maksud berwajah muda dan berperwatakan menarik*. Andaian ini dipilih sebagai kesimpulan makna kerana dalam babak tersebut, watak Orang Kampung 1 dan Orang Kampung 2 memperkatakan tentang industri hiburan di Malaysia yang memandang rupa paras sebagai ukuran untuk menjadi seorang pelakon, walaupun mereka tidak mempunyai bakat lakonan yang baik.

Frasa *muka jambu* juga diambil secara langsung daripada ciri fizikal buah jambu air yang berwarna merah dan berkulit licin dan berkilat. Penggunaan kiasan ini memetaforakan ketampanan dengan buah jambu sebagai simbol kecantikan. Penggunaan *muka jambu* sebagai metafora dalam data MK11 1:33:20-1:33:30 ini juga selari dengan pernyataan Datuk A Aida dalam Sudirman Mohd Tahir (2022) iaitu dalam industri hiburan, pemilihan pelakon untuk memegang watak utama dipilih berdasarkan rupa paras yang menarik dan muda.

Pemetaan Domain

Proses simulasi merupakan proses pentafsiran makna metafora secara harfiah dan juga pembentukan proposisi. Proses ini melibatkan proses pemetaan domain dan pembentukan skema imej. Bagi data MK11 1:33:20-1:33:30, frasa yang dikenal pasti sebagai data metafora ialah frasa *muka jambu*. Pemetaan domain sumber kepada domain sasaran bagi data MK11 1:33:20-1:33:30 adalah berikut:




Rajah 4.14 Pemetaan Domain

Domain sumber bagi data MK11 1:33:20-1:33:30 ialah *muka jambu* manakala domain sasarannya ialah KETAMPANAN. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), leksikal TAMPAN membawa maksud 1; elok (rupa, sikap, dll), cantik, kacak, segak, 2; tampan rupanya, gayanya, gelagatnya, nampaknya. Dalam konteks data MK11 1:33:20-1:33:30, frasa *muka jambu* dalam dialog Orang Kampung 1 dan Orang Kampung 2 merujuk kepada seorang pelakon, Ijam Ashburn yang dikatakan tidak berbakat dalam bidang lakonan tetapi tetap mendapat perhatian kerana paras rupanya yang berwajah kacak dan muda. Berdasarkan data ini, skema imej yang terbentuk bagi frasa *muka jambu* ialah skema imej OBJEK.

Hasil pemetaan dua domain membawa domain sumber *muka jambu* ke domain sasaran KETAMPANAN. Skema imej yang terhasil ialah skema imej OBJEK. Skema imej merupakan pengalaman yang wujud bersandarkan kepada pengalaman manusia secara keseluruhan. Skema imej OBJEK merupakan sesuatu yang bersifat kebendaan

yang boleh dilihat dan disentuh seperti barang atau benda. Skema imej OBJEK bagi data MK11 1:33:20-1:33:30 digambarkan seperti berikut :



Rajah 4.15 Skema Imej OBJEK
(Sumber : CANVA)


Berdasarkan konteks penggunaan data MK11 1:33:20-1:33:30, skema imej yang terbentuk bagi data MK11 1:33:20-1:33:30 ialah skema imej OBJEK. Ini kerana dalam babak tersebut, watak Orang Kampung 2 sedang memperkatakan raut wajah rata-rata pelakon di Kuala Lumpur yang disifatkan sebagai lembut dengan menggunakan leksikal *jambu* sebagai OBJEK. Menurut Tan Kim Hua, Shahidatul Maslina Mat So'od dan Bahiyah Abdul Hamid (2019), penggunaan leksikal *muka jambu* juga merupakan satu cara menggambarkan rupa paras seseorang, termasuklah penghinaan tentang fizikal seseorang. Ia memberi gambaran kepada satu stereotaip maskuliniti lelaki yang disamakan dengan ciri-ciri buah jambu air yang lembut dan berwarna kemerahmerahan. Pandangan ini adalah sama dengan konteks ujaran *muka jambu* digunakan dalam data MK11 1:33:20-1:33:30. Maka, metafora konseptual yang terbentuk bagi data MK11 1:33:20-1:33:30 ialah KETAMPANAN IALAH OBJEK.

Data ini juga menghasilkan metonimi konseptual iaitu JAMBU MELAMBANGKAN KETAMPANAN. Metonimi konseptual merupakan fenomena rujukan iaitu merujuk entiti atau objek kepada objek lain yang mempunyai sifat dan ciri yang sama (Lakoff dan Johnson, 1980). Metonimi berfungsi sebagai rujukan dengan melibatkan hubungan konseptual 'merujuk kepada' antara dua entiti (Kovecses dan Szabo, 1996). Sifat metonimi berbeza dengan metafora kerana metafora mempunyai dua domain yang berbeza kelompok, tetapi metonimi melibatkan domain yang sama (konkrit dan konkrit). Dalam data MK11 1:33:20-1:33:30, leksikal jambu

merujuk kepada rupa paras seseorang lelaki yang kacak dan tampan. Penggunaan objek jambu dalam memetaforakan ketampanan ini adalah satu simbol estetika semulajadi.

Rantau Konseptual

Penerapan Teori Hibrid dalam menginterpretasi makna metafora MK11 1:33:20-1:33:30 menghasilkan rantau konseptual KETAMPANAN dengan pemetaan domain sumber **muka jambu** kepada domain sasaran KETAMPANAN. Andaian bagi frasa **muka jambu** dikeluarkan dengan menggunakan *ad hoc* peluasan, yang membawa maksud berwajah muda dan berperwatakan menarik. Dalam konteks babak ini, watak Orang Kampung 1 dan Orang Kampung 2 membahaskan tentang norma dalam industri hiburan pada hari ini iaitu pemilihan pelakon cenderung diambil berdasarkan rupa paras berbanding dengan bakat mereka. Ujaran tersebut adalah satu bentuk sindiran kepada pelakon-pelakon seperti Ijam Ashburn yang mendapat populariti daripada rupa paras semata-mata, bukan kerana bakat lakonannya. Seterusnya, skema imej yang terhasil daripada data MK11 1:33:20-1:33:30 ialah skema imej OBJEK. Maka, metafora konseptual yang terhasil bagi data MK11 1:25:30-1:24:43 ini KETAMPANAN IALAH OBJEK. Data MK11 1:33:20-1:33:30 ini juga menghasilkan metonimi konseptual iaitu JAMBU MELAMBANGKAN KETAMPANAN. Maka, rantau konseptual yang terhasil bagi data MK11 1:33:20-1:33:30 adalah seperti berikut :



Rajah 4.16 Rantau Konseptual KETAMPANAN

Data MK11 1:33:20-1:33:30 merupakan data metafora konvensional yang ditandai dengan frasa muka jambu. Berdasarkan rajah 4.13, rantau konseptual KETAMPANAN terhasil bagi frasa muka jambu. Konsep leksikal KETAMPANAN atau TAMPAN membawa maksud lelaki yang memiliki raut wajah yang menarik. Proses pemetaan bagi frasa muka jambu telah menghasilkan pemetaan domain sumber muka jambu kepada domain sasaran KETAMPANAN. Konsep *ad hoc* yang digunakan untuk mengeluarkan andaian-andaian makna dan memilih makna yang sesuai ialah konsep *ad hoc* peluasan kerana frasa muka jambu merupakan satu kiasan dan sindiran. Dalam konteks keseluruhan data MK11 1:33:20-1:33:30, frasa muka jambu digunakan dalam dialog antara watak Orang Kampung 1 dan Orang Kampung 2 yang sedang

berbual tentang populariti anak seni atau selebriti pada hari ini diukur menggunakan rupa paras, bukan dilihat daripada bakatnya. Maka, frasa muka jambu membawa maksud seseorang yang memiliki rupa paras yang menarik dan kacak. Skema imej yang terbentuk bagi data MK3 0:59:35-0:59:49 ialah skema imej OBJEK kerana sifat tampan digambarkan menggunakan unsur kebendaan iaitu buah jambu air. Maka, metafora konseptual yang terhasil bagi data ini ialah KETAMPANAN IALAH OBJEK. Frasa muka jambu turut menghasilkan satu metonimi konseptual iaitu JAMBU MELAMBANGKAN KETAMPANAN.

Bentuk metafora linguistik turut dikenal pasti dalam filem *Terbaik Dari Langit*. Dalam filem ini, terdapat 47 data metafora yang dikenal pasti sebagai metafora linguistik. Metafora linguistik ialah bentuk metafora yang hadir dalam ujaran, ayat, atau frasa yang bersifat metaforikal. Contoh data metafora linguistik dalam filem *Terbaik Dari Langit* dipersembahkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.12

Data Metafora Linguistik dalam Filem *Terbaik Dari Langit*


Data	Watak	Dialog
ML52 0:45:01-0:45:32	Ijam	: Sara, <i>you</i> ingat tak kawan <i>I</i> yang <i>film director</i> tu?
	Sara	(angguk)
	Ijam	: Dia ajak <i>I</i> buat filem dia. <i>Something experimental</i> pasal nak kejar UFO. <i>You</i> tahulah <i>these art movies</i> ni bukannya <i>I</i> tahu apa sangat <i>but</i> itulah dia <i>plan</i> nak buat <i>road trip</i> . Sambil <i>travel</i> sambil bikin filem. <i>You think I should go?</i>
	Sara	: <i>You like physics?</i>
	Ijam	: <i>Physics?</i>
	Sara	: <i>Physics. <u>Bila tekanan tinggi, kita cari ruang.</u></i>

Data ML52 0:45:01-0:45:32 adalah data metafora linguistik yang dikenal pasti iaitu dalam ujaran oleh Sara, iaitu **bila tekanan tinggi, kita cari ruang**. Ujaran ini dikenal pasti sebagai metafora linguistik kerana ia merupakan ungkapan dalam bentuk ayat yang bersifat metaforikal.

Penerapan Konsep Ad Hoc

Ungkapan **bila tekanan tinggi, kita cari ruang** dikenal pasti sebagai data berbentuk metafora linguistik. Ujaran ini dikatakan metafora linguistik kerana ia hadir dalam bentuk ujaran yang mempunyai makna tersirat dan bersifat metaforikal. Ungkapan ini juga merupakan ungkapan yang mempunyai maksud tersirat daripada apa yang disampaikan oleh penutur. Oleh itu, konsep *ad hoc* yang diterapkan untuk mencari makna yang jelas dan tepat ialah konsep *ad hoc* penyempitan. Bagi *ad hoc* penyempitan, andaian-andaian implikatur ditunjukkan dalam gambar rajah Verns. Andaian ini digunakan untuk menghasilkan satu kesimpulan implikatur yang

bersesuaian dengan konteks penggunaannya dalam ML52 0:45:01-0:45:32. Rajah di bawah menunjukkan pembentukan konsep *ad hoc* penyempitan bagi ungkapan **bila tekanan tinggi, kita cari ruang.**



Rajah 4.17 Pembentukan Gambar Rajah Verns

Berdasarkan *ad hoc* penyempitan yang dibuat bagi data ini, andaian-andaian tersebut dikeluarkan dengan mengambil kira konteks yang melatari keseluruhan babak itu. Dalam babak tersebut, pada awalnya melibatkan watak Zelda, Sara dan Ijam yang sedang berbincang tentang persiapan perkahwinan Ijam dan Zelda. Situasi mulai tegang apabila Zelda memarahi Sara yang dianggap gagal memenuhi permintaannya. Maka, Zelda pergi meninggalkan Sara berdua bersama Ijam. Dalam perbualan seterusnya, meluahkan kebimbangannya kepada Sara tentang keputusan untuk menyertai penggambaran bersama rakan lamanya, Berg kerana tindakannya itu akan mencetuskan kemarahan Zelda. Namun, Sara hanya membalas dengan satu ungkapan bersifat metaforikal iaitu **bila tekanan tinggi, kita cari ruang.** Oleh itu, berdasarkan konsep *ad hoc* penyempitan, andaian-andaian dikeluarkan untuk menyelesaikan masalah leksikal yang kabur.

Ujaran **bila tekanan tinggi, kita cari ruang** bukanlah membawa maksud yang memfokuskan kepada bidang fizik, seperti yang disebut oleh Sara. Kekaburan Sebaliknya, ia merujuk kepada tekanan yang dialami oleh Ijam. Kekaburan makna ini ditandai dengan penggunaan leksikal *physics* atau fizik yang ditanyakan oleh Zelda

semasa Ijam meminta pendapatnya. Maka, andaian makna terhasil untuk menginterpretasikan ujaran **bila tekanan tinggi, kita cari ruang** yang membawa maksud ketenangan. Berdasarkan pengalaman kognitif sedia ada, ujaran metafora ML52 0:45:01-0:45:32 boleh diinterpretasi dalam pelbagai aspek termasuklah secara literal, aspek saintifik, psikologi dan spiritual. Secara harfiahnya, leksikal fizik merupakan satu cabang ilmu sains yang mengkaji sifat-sifat jirim dan tenaga serta perkaitan antara unsur-unsur ini (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Dalam ilmu saintifik mengenai tekanan ini boleh dilihat secara fizikal dalam prinsip tekanan air, gas dan udara. Ungkapan ini jika diterjemah secara literal, ia selari dengan hukum fizik iaitu Hukum Boyle atau Boyle's Law (1662). Prinsip Boyle (1662) menerangkan bahawa hubungan antara tekanan dan isipadu gas adalah songsang, dengan syarat suhu tidak berubah (West, 1999).

Ungkapan metafora linguistik ini dapat dikaitkan dengan satu situasi fizikal dalam bidang sains iaitu tekanan gas. Brian Benner (2024) menjalankan kajian yang memfokuskan kepada bagaimana Hukum Boyle mempengaruhi sistem pengangkutan dalam konteks tekanan udara dan gas dalam kapal terbang. Menurut Brian Benner (2024), apabila kapal terbang naik pada ketinggian tertentu, tekanan udara luar berkurang. Dalam situasi ini, tekanan dalam kabin juga dikurangkan kira-kira 80% daripada tekanan udara pada aras laut. Perkara ini berlaku supaya isipadu udara dalam badan atau ruang yang tertutup meningkat. Ini boleh mengurangkan ketidakselesaan penumpang yang disebabkan oleh pengembangan gas dalam sistem pencernaan. Jelasnya, apabila tekanan udara rendah, gas dalam perut akan mengembang dan menyebabkan ketidakselesaan.


Melihat kepada aspek psikologi pula, ungkapan ini dapat diinterpretasikan dengan melihat peranan metafora dalam menyampaikan emosi. Wu et al. (2021) berpandangan bahawa ruang mempengaruhi emosi dan moral seseorang. Menurut Wu et al. (2021), persekitaran yang luas cenderung untuk meningkatkan emosi positif seperti kebebasan, keselesaan dan kebahagiaan yang membawa kepada pemikiran rasional seperti sifat tolak ansur. Emosi yang negatif atau ruang yang sempit pula menghasilkan perasaan negatif seperti ketakutan. Ini bermaksud apabila seseorang mempunyai ruang atau persekitaran yang bebas, mereka akan menghasilkan emosi yang positif yang boleh mempengaruhi kelakuannya terhadap sekeliling. Emosi yang positif dibentuk dengan keadaan psikologi yang kondusif manakala ruang yang kecil

atau sempit cenderung untuk meningkatkan pertimbangan buruk termasuklah sikap kurang bertolak ansur.

Dalam konteks ML52 0:45:01-0:45:32, **tekanan tinggi** merujuk kepada tekanan emosi atau konflik yang dialami oleh Ijam. Ia merangkumi aspek fizikal, emosi dan bebanan. Tekanan merupakan satu keadaan kebimbangan yang berpunca daripada masalah individu, dan juga reaksi seseorang terhadap keadaan dan situasi semasa. Dalam konteks ini, Ijam berasa teruja apabila berjumpa semula dengan rakan lamanya, Berg dan ditawarkan untuk menjalankan penggambaran filem bersama-sama. Namun, beliau merasa tertekan dengan sikap pasangannya, Zelda yang sedang sibuk menguruskan persiapan perkahwinan mereka. Frasa **kita cari ruang** pula menggambarkan kepada refleksi diri iaitu kebebasan atau kelegaan emosi. Dalam konteks ini, Ijam perlu mengambil masa dan mengeluarkan diri daripada situasi yang membuatnya tertekan. Maka, frasa **bila tekanan tinggi, kita cari ruang** merupakan ungkapan bersifat metaforikal yang sangat selari dengan hukum Boyle. Ini membuktikan bahawa hukum fizik bukan sekadar teori saintifik semata-mata, bahkan ia memberi gambaran tentang memahami tekanan emosi dan keperluan manusia dalam mencari keseimbangan. Ungkapan **bila tekanan tinggi, kita cari ruang** digunakan untuk menggambarkan keperluan manusia melepaskan tekanan emosi atau mental dengan mencari ruang peribadi, ketenangan, atau rehat. Dalam konteks ini, 'ruang' boleh merujuk kepada waktu bersendirian, sokongan sosial, atau perubahan persekitaran.

Pemetaan domain


Melalui proses simulasi, ujaran ***bila tekanan tinggi, kita cari ruang*** menghasilkan skema imej dan metafora konseptual. Ini kerana proses simulasi melibatkan pemetaan dua domain iaitu domain sumber dan domain sasaran, serta pendekatan linguistik kognitif. Proses pemetaan domain bagi data ML52 0:45:01-0:45:32 adalah seperti berikut :



Rajah 4.18 Pemetaan Domain

Berdasarkan rajah di atas, ungkapan bila tekanan tinggi, kita cari ruang dipetakan sebagai domain sumber kepada domain sasaran KETENANGAN. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), leksikal tenang didefinisikan sebagai 1; tidak berkocak, tidak berombak, 2; tidak gelisah (hati dan fikiran), aman dan tenteram (keadaan) manakala ketenangan ditakrifkan sebagai perihal ketenangan dan keamanan. Maka, domain KETENANGAN terhasil dalam ungkapan bila tekanan tinggi, kita cari ruang kerana ia merujuk kepada situasi seseorang yang mencari kebebasan apabila menghadapi bebanan atau cabaran dalam kehidupan. Dalam konteks ML52 0:45:010:45:32, domain KETENANGAN merujuk kepada keadaan Ijam yang tertekan disebabkan oleh kerjaya dan urusan perkahwinannya, maka Sara menyarannya untuk mencari ruang sebelum menyelesaikan masalahnya. Berdasarkan data ini, skema imej yang terhasil ialah skema imej TATATINGKAT, skema imej BEKAS dan skema imej DAYA.


Hasil pemetaan domain menghasilkan telah memetakan ujaran **bila tekanan tinggi, kita cari ruang** kepada domain sasaran KETENANGAN. Skema imej yang terbentuk pula ialah skema imej TATATINGKAT dan BEKAS. Skema imej TATATINGKAT adalah skema imej yang mempunyai unsur hubungan turun dan naik (Rozaimah Rashidin, 2016). Dalam konteks data ML52 0:45:01-0:45:32 ini, domain TATATINGKAT terhasil untuk merujuk kepada ujaran tekanan tinggi yang bermaksud bebanan yang banyak. Gambaran bagi skema imej TATATINGKAT adalah seperti berikut :



Rajah 4.19 Skema Imej TATATINGKAT

Domain KETENANGAN digambarkan sebagai satu tatatingkat kerana menurut Hong, Zhang dan Sun (2019), tekanan atau bebanan digambarkan sebuah ukuran atau kedudukan yang menunjukkan tekanan dalam keadaan menegak seperti metafora *ANGER IS HEATED* dan *FLUID IN A CONTAINER* yang menggambarkan tingkat tekanan (Tendahl dan Gibbs, 2008). Frasa tekanan tinggi dalam data ML52 0:45:010:45:32 memberi gambaran kepada tekanan atau bebanan hidup yang dihadapi oleh Ijam tentang pelbagai aspek termasuklah aspek pekerjaan dan hal peribadinya lebihlebi lagi apabila Zelda bersifat terlalu memaksa dan beremosi semasa persiapan perkahwinan mereka. Tekanan yang dialami oleh Ijam menyebabkan dirinya sukar berasa tenang kerana tekanan yang tinggi atau berlebihan menyebabkan seseorang mengalami kegelisahan dan tidak berupaya untuk berehat (World Health Organisation, 2022). Maka, skema imej yang terhasil ialah KETENANGAN IALAH TATATINGKAT.


Skema imej kedua ialah skema imej BEKAS. Skema imej BEKAS merupakan skema imej yang menggambarkan sesuatu pengalaman dalam bentuk bekas. Gambaran skema imej BEKAS adalah seperti berikut :



Rajah 4.20 Skema Imej BEKAS (Sumber : CANVA)

Skema imej BEKAS terbentuk bagi domain TEKANAN kerana tekanan dianggap sebagai sesuatu yang mempunyai ruang yang boleh diisi atau dikosongkan mengikut keadaan. Dalam konteks data ML52 0:45:01-0:45:32, frasa *bila tekanan tinggi* merujuk kepada bebanan hidup yang ditanggung, dan kita cari ruang menggambarkan bahawa tekanan sebagai satu bekas yang boleh dimasuki, keluar atau terperangkap didalamnya. Tekanan ini disebut sebagai ruang emosi atau mental. Dalam babak ini, tekanan hadir apabila Zelda memaksa dan melepaskan kemarahan kepada Ijam tentang masalah kecil semasa persiapan perkahwinan mereka. Maka, metafora konseptual yang terbentuk ialah KETENANGAN IALAH BEKAS.

Skema imej terakhir bagi data ML52 0:45:01-0:45:32 ialah skema imej DAYA. Skema imej DAYA ialah skema imej yang melibatkan interaksi antara elemen abstrak atau konkrit seperti sumber dan sasaran daya, arah dan kuasa daya serta pergerakan. Gambaran skema imej DAYA ditunjukkan dalam rajah di bawah.




Rajah 4.21 Skema Imej DAYA

Skema imej DAYA terbentuk kerana tekanan merupakan perasaan terhimpit daripada aspek emosi, mental dan sebagainya. Ia berpunca daripada masalah-masalah

yang dihadapi oleh seseorang. Skema imej DAYA ini ditandai dengan leksikal **tekanan tinggi** yang menggambarkan tekanan psikologi dan emosi yang memberi kesan atau kuasa terhadap seseorang. Ia selari dengan konsep EMOSI IALAH DAYA yang dibincangkan oleh Kovecses (2000) yang menyatakan bahawa emosi dikonsepskan kepada daya, yang bersandarkan kepada dinamik daya oleh Talmy (1988). Dalam konteks data ML52 0:45:01-0:45:32, Ijam berasa tertekan kerana tunangnya, Zelda terlalu cerewet dan teliti tentang persiapan majlis perkahwinan mereka, termasuklah perkara-perkara kecil seperti nama makanan bagi majlis tersebut. Dalam masa yang sama, Ijam sedang mempertimbangkan untuk keluar menjalani penggambaran bersama Berg dan rakan-rakan yang lain. Tindakannya yang pergi menjalankan penggambaran hanya akan mengundang kemarahan Zelda, dan menambah bebanannya. Bebanan tersebut dianggap sebagai daya yang menekan emosi Ijam. Maka, metafora konseptual yang terbentuk ialah KETENANGAN IALAH DAYA.

Rantau Konseptual

Rantau konseptual merupakan kawasan abstrak dalam ruang kognitif manusia yang merangkumi medan makna seperti domain, *ad hoc* skema imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual. Penerapan Teori Hibrid dalam menginterpretasi makna metafora ini menghasilkan rantau konseptual KETENANGAN. Ujaran **bila tekanan tinggi, kita cari ruang** ini diinterpretasi dengan menerapkan konsep *ad hoc* penyempitan untuk menghasilkan makna tekanan hidup, yang dipilih berdasarkan andaian makna dalam gambar rajah Verns. Setelah Proses Tiga Serangkai diterapkan dengan melibatkan konsep *ad hoc* dan pemetaan dua domain, rantau konseptual yang terhasil merangkumi slot kosong yang diisi dengan domain, skema imej, konsep *ad hoc* dan metafora konseptual seperti dalam rajah di bawah :



Rajah 4.22 Rantau Konseptual KETENANGAN

Data ML52 0:45:01-0:45:32 merupakan data metafora linguistik yang dikenal pasti dalam ujaran ***bila tekanan tinggi, kita cari ruang***. Dalam Rajah 4.22, penerapan teori Hibrid dalam mencari makna metafora telah menghasilkan rantau konseptual KETENANGAN. Konsep leksikal KETENANGAN merupakan satu keadaan yang bebas daripada masalah atau bebanan. Domain sumber yang dikenal pasti ialah ***bila tekanan tinggi, kita cari ruang*** yang dipetakan kepada domain sasaran KETENANGAN. Andaian makna bagi ujaran ***bila tekanan tinggi, kita cari ruang*** dikeluarkan dengan menerapkan konsep *ad hoc* penyempitan, maka andaian yang

paling sesuai ialah mencari ruang peribadi untuk meredakan bebanan. Skema imej yang bersesuaian dengan data ini ialah skema imej BEKAS, TATATINGKAT dan DAYA. Skema imej BEKAS terbentuk kerana TEKANAN diandaikan sebagai satu ruang yang boleh diisi dengan bebanan atau dikosongkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Skema imej TATATINGKAT pula terhasil kerana tekanan merupakan sesuatu yang boleh diukur manakala skema imej DAYA bagi data ML52 0:45:01-0:45:32 merujuk kepada bebanan yang ditanggung oleh seseorang menyebabkannya hilang rasa ketenangan. Maka, metafora konseptual yang terhasil bagi data ini ialah KETENANGAN IALAH BEKAS, KETENANGAN IALAH TATATINGKAT dan TEKANAN IALAH DAYA.

Bentuk metafora terakhir ialah metafora visual. Dalam filem *Terbaik Dari Langit*, data metafora visual merupakan data metafora paling sedikit, iaitu sebanyak empat (4) data. Jadual di bawah menunjukkan salah satu contoh penggunaan metafora visual dalam filem ini.

Jadual 4.13


Data Metafora Visual dalam Filem *Terbaik Dari Langit*

Data	Data Metafora Visual	Huraian
MV10 1:29:50-1:31:05		Dalam babak MV10 1:29:50:31:05, Berg atau Sufian berjumpa semula dengan datuknya yang telah meninggal dunia melalui satu pintu yang muncul di kawasan lapang di dalam kawasan sekolah.

Data MV10 1:29:50-1:31:05 dikenal pasti sebagai data metafora visual kerana penggunaan elemen pintu yang diletakkan ditengah-tengah kawasan lapang. Babak ini merupakan babak di mana Berg berjumpa dengan datuknya yang telah meninggal dunia, melalui satu pintu ganjil. Pintu tersebut dianggap sebagai elemen yang kabur dan tidak jelas kerana dalam babak sebelumnya, Berg memasuki sebuah sekolah dan masuk ke dalam sebuah bilik yang berlabel 'bilik sakit'. Kemudian, pintu tersebut muncul sebagai pintu di sebuah kawasan lapang yang tidak berpenghuni. Maka, data metafora visual ini dilabelkan sebagai data MV10 1:29:50-1:31:05.

Penerapan Konsep Ad Hoc

Konsep *ad hoc* merupakan proses menginterpretasi makna sesuatu metafora yang melibatkan pemrosesan makna dalam peringkat kognitif. Ia dilakukan supaya makna dapat diinterpretasikan dengan baik (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2023). Penggunaan elemen pintu dalam data ini melibatkan *ad hoc* penyempitan kerana ia merupakan bentuk metafora visual. *Ad hoc* penyempitan digunakan untuk menganalisis makna sesuatu elemen yang bersifat kabur, ia dibuat dengan mengeluarkan andaian-andaian makna dalam bentuk gambar rajah Verns. Gambar rajah Verns ini dibuat untuk mendapatkan interpretasi makna dengan lebih cepat dan kemudiannya menghasilkan satu kesimpulan implikatur yang paling sesuai dengan makna dan konteks keseluruhan sesuatu data metafora. Gambar rajah Verns bagi penerapan konsep *ad hoc* penyempitan adalah seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 4.23 Rajah Verns Ad Hoc Penyempitan

Berdasarkan gambar rajah di atas, andaian-andaian tersebut dikeluarkan berdasarkan konteks keseluruhan yang menyokong kepada babak MV10 1:29:501:31:05. Berdasarkan filem *Terbaik Dari Langit*, Berg merupakan watak seorang lelaki yang menghidap penyakit mental yang disebabkan oleh beberapa peristiwa dalam hidupnya. Berg sangat obses dengan makhluk asing seperti alien dan UFO, sehinggakan beliau masih ingin menjalankan penggambaran tentang UFO

bersama rakan-rakannya walaupun mereka sudah lama terpisah sejak tamat sesi persekolahan.

Berdasarkan pengalaman kognitif sedia ada, data MV10 1:29:50-1:31:05 ini mengandungi elemen metafora visual yang simbolik dan ketara. Taravati (2008) menyatakan bahawa pintu merupakan simbolik kepada peralihan dua medium yang berbeza. Ini termasuklah dalam keadaan kegelapan kepada cahaya, atau penyembunyian kepada keterbukaan. Secara literalnya, pintu merupakan bukaan yang memberi akses kepada sesuatu bangunan. Namun, dalam konteks peralihan, pintu juga digunakan untuk menggambarkan topeng atau penghadang yang dipakai seseorang, penghubung antara kehidupan di dunia dan akhirat, laluan antara dua dunia yang berpisah serta jambatan yang menghubungkan dua ruangan. Pintu merupakan simbolik kepada pengantara kerana ia mempunyai penghalang yang memisahkan sesuatu perkara dengan yang lain, dan dalam masa yang sama ia boleh digunakan untuk mengakses sesuatu jalan (Gomulkiewicz, 2025).

Moore (1981) menyatakan bahawa elemen pintu dalam seni visual dapat ditafsirkan dalam aspek sosial, aspek kerohanian dan sosio-politik. Ia juga menjadi simbol seks. Daripada aspek keagamaan, pintu menjadi lambang kepada konsep keselamatan, kesucian, kematian dan ambang kerohanian. Jika dilihat daripada aspek sosial, pintu melambangkan hubungan sosial dan sempadan yang menjadi ambang keterbukaan dan peribadi seseorang. Pintu yang tertutup memberi gambaran kepada seseorang yang tidak menerima kunjungan sosial atau halangan emosi, manakala pintu yang terbuka melambangkan jemputan dan penerimaan. Ini bermaksud keadaan pintu digunakan sebagai simbolik perpaduan sosial. Daripada aspek sosio-politik pula, pintu digunakan sebagai kawalan ke atas akses dan penegasan kuasa untuk membezakan masyarakat dan politik. Menurut Moore (1981) lagi, perlambangan pintu turut digunakan dalam simbol seksual yang melambangkan keintiman seseorang. Maka, simbol pintu ini berfungsi sebagai metafora visual dalam pelbagai aspek.

Melihat kepada data MV10 1:29:50-1:31:05, penggunaan elemen visual pintu dalam babak ini melambangkan kepada sempadan realiti dan khayalan. Ini kerana melalui pintu tersebut, Berg berjumpa semula dengan datuknya yang meninggal dunia. Penggunaan pintu sebagai perantara bukanlah sekadar objek fizikal, ia merupakan imaginasi atau halusinasi yang dialami oleh Berg, kesan daripada penyakit mental yang dihadapinya. Walaupun babak ini tidak menerangkan secara terus tentang penyakit Berg, babak ini membawa mesej beliau mengalami halusinasi. Ini kerana roh manusia

yang telah mati dan manusia yang masih hidup tidak dapat bertemu semula (Zulkifli Mohamad Al Bakri, 2022). Perkara ini dibuktikan melalui pandangan Mufti Wilayah Persekutuan ke-7 yang menyatakan bahawa daripada hadis nabi yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas, yang bermaksud :

“Sesungguhnya, roh orang yang hidup dan roh orang yang mati bertemu dalam mimpi. Mereka saling mengenal sesuai yang Allah kehendaki. Ketika masing- masing hendak kembali ke jasadnya, Allah menahan ruh orang yang sudah mati di sisi-Nya, dan Allah melepaskan ruh orang yang masih hidup ke jasadnya.”

Hadis ini juga selari dengan firman Allah dalam surah Al-Isra yang menekankan bahawa akal manusia mempunyai batasan yang tidak mampu mengetahui lebih tentang alam roh. Firman Allah dalam surah Al-Isra’ yang bermaksud :


“Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".

(Surah Al-Isra’ :85).

Oleh itu, penggunaan visual pintu sebagai metafora bergambar bertujuan untuk menyampaikan bahawa ia adalah simbolik kepada dunia nyata dan khayalan, atau ingatan yang muncul disebabkan oleh pelbagai perkara. dalam konteks data ini, ia merupakan sebahagian daripada khayalan Berg yang terjadi kesan daripada penyakitnya.

Pemetaan Domain


Melalui proses simulasi, elemen metafora visual pintu menghasilkan skema imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual. Elemen-elemen ini terbentuk kerana proses simulasi merupakan gabungan pendekatan linguistik kognitif dan proses pemetaan dua domain. Proses pemetaan dua domain bagi data MV10 1:29:50-1:31:05 adalah seperti berikut :



Rajah 4.24 Pemetaan Domain Data MV10 1:29:50-1:31:05

Berdasarkan rajah di atas, domain sumber yang dikenal pasti dalam babak tersebut ialah elemen visual pintu, yang dipetakan kepada domain sasaran KEHIDUPAN. Dalam konteks data MV10 1:29:50-1:31:05, pintu digunakan sebagai perantara untuk peralihan masa atau dimensi di sesuatu tempat. Dalam babak tersebut, Berg berjumpa semula dengan datuknya yang telah kematian, setelah dia melalui pintu yang bertanda ‘BILIK SAKIT’. Pintu tersebut kemudiannya digambarkan sebagai pintu di tengah-tengah kawasan lapang. Maka, domain KEHIDUPAN terhasil bagi data MV10 1:29:50-1:31:05. Berdasarkan data ini, skema imej yang terhasil ialah skema imej LALUAN.

Hasil daripada proses pemetaan dua domain terhadap data metafora ini menghasilkan domain sasaran KEHIDUPAN daripada domain sumber pintu, manakala skema imej yang terbentuk ialah skema imej LALUAN. Menurut Lakoff dan Johnson (1980), skema imej LALUAN merupakan skema imej yang melibatkan elemen pergerakan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain, sama ada pergerakan tersebut abstrak atau konkrit yang merangkumi permulaan, tujuan dan titik terakhir. Skema imej LALUAN bagi data ini dipersembahkan seperti berikut :



Rajah 4.25 Skema Imej LALUAN

Melalui pembentukan skema imej LALUAN ini, dapat ditekankan bahawa kehidupan manusia adalah satu perjalanan yang merangkumi beberapa fasa dalam kehidupan. Menurut Syahminan Zaini (1980), setiap manusia mempunyai beberapa fasa kehidupan iaitu fasa alam roh, alam rahim, alam dunia, kematian, alam barzakh dan alam akhirat. Alam roh merupakan fasa manusia membuat perjanjian dan menerima amanat. Roh merupakan bahagian dalaman manusia yang berdaya fikir iaitu mempunyai kemahuan dan perasaan (Rohaida Abdul Rahim dan Asmadi Ya'kub (2007). Menurut pandangan Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah, alam roh wujud sebelum ia ditiupkan dalam rahim manusia. Dalam fasa ini, roh-roh telah melalui satu perjanjian dengan Allah tentang kehidupan. Selepas alam roh, barulah kewujudan manusia diteruskan dalam alam rahim.

Alam rahim ialah fasa perkembangan untuk menjadi manusia. Hamka dalam Suci Rahmawati dan Niki Purnama Sari (2023) menyatakan bahawa dalam fasa perkembangan untuk menjadi manusia, ia berawal dari air mani (*nutfah*) yang bersatu dengan ovum wanita untuk menghasilkan embrio. Proses ini merangkumi *nutfah* (air mani), *'alaqah* (segumpal darah), *mudghah* (segumpal daging) dan *'izam* (pembentukan tulang) dan seterusnya dibalut dengan daging serta ditiupkan roh. Proses-proses ini berlaku dalam rahim ibu yang merupakan tempat bagi penciptaan manusia.

Alam dunia adalah tempat untuk manusia melaksanakan janji dan amanat. Erikson (1963) menyatakan bahawa kehidupan manusia merangkumi dari fasa bayi sehingga ke kematian. Fasa ini bermula dengan kelahiran sebagai bayi (0-8 bulan), anak kecil atau *toddler* (18 bulan sehingga 3 tahun), kanak-kanak prasekolah atau *preschooler* (3-5 tahun), *grade-schooler* (5-13 tahun), remaja atau *teenager* (13-21 tahun), dewasa muda (21-39 tahun), pertengahan dewasa (40-65) sehinggalah peringkat tua (65 tahun ke atas) sebelum menuju kepada kematian.

Kematian merupakan satu bentuk kehilangan keupayaan atau kemampuan untuk hidup. Mati juga merupakan satu bentuk pengakhiran bagi kehidupan manusia ke dunia, yang dialami oleh setiap makhluk yang bernyawa. Kematian ini disebutkan berulang kali di dalam al-quran, termasuklah dalam surah Ali 'Imran. Petikan firman Allah tentang kematian adalah seperti berikut :

Firman Allah SWT :

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۖ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۖ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ وَمَا الْحَيَاةُ

الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

Yang bermaksud :

Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan pada hari kiamat sajalah akan disempurnakan balasan buatmu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya.

(Ali 'Imran: 185)

Dalam ayat tersebut, Allah menyampaikan bahawa kematian adalah satu bentuk pengakhiran, tetapi ia juga merupakan satu permulaan baharu bagi kehidupan selepas kematian, iaitu alam akhirat. Menurut Umar Latif (2016), kematian adalah peluang terakhir untuk manusia untuk membebaskan dan menyucikan diri daripada dosa. Kematian juga merupakan rantai hidup yang saling berhubung kerana mati merupakan pintu atau penghubung ke alam akhirat yang merupakan alam dimana manusia akan mendapat pembalasan dan dipertanggungjawabkan atas segala perbuatan mereka di dunia ini. Fasa-fasa ini selari dengan firman Allah dalam potongan surah AlHajj yang bermaksud :


“Wahai manusia! Jika kamu meragukan (hari) Kebangkitan, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitis mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna agar Kami jelaskan kepada kamu; dan Kami tetapkan dalam rahim menurut kehendak Kami sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampai kepada usia dewasa, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan (ada pula) di antara kamu yang dikembalikan sampai usia sangat tua (pikun)....”

(Surah Al-Hajj : 5)

Jika diamati berdasarkan konteks huraian ini, data MV10 1:29:50-1:31:05 menghasilkan skema imej LALUAN kerana imej tersebut mengaitkan pertemuan Berg dengan individu yang telah meninggal dunia iaitu datuknya melalui satu pintu. Pintu tersebut yang tidak bersambung dengan mana-mana bangunan menunjukkan ia sebagai simbolik sempadan antara dunia nyata, dan juga dunia roh atau ingatan. Maka, metafora konseptual yang terhasil ialah KEHIDUPAN IALAH PERJALANAN. Data ini juga menghasilkan satu metonimi konseptual iaitu PINTU MELAMBANGKAN LALUAN. Metonimi konseptual ini adalah selari dengan metafora KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN oleh Lakoff dan Johnson, iaitu pintu berfungsi sebagai simbolik kepada peralihan dua medium yang berbeza. Dalam konteks data ini, ia menghubungkan perjalanan dalam ruang realiti dan dalam minda yang dialami oleh Berg.

Rantai konseptual

Setelah mengaplikasikan Proses Tiga Serangkai dengan menerapkan konsep *ad hoc* dan pemetaan dua domain, rantai konseptual KEHIDUPAN bagi data MV10 1:29:50-1:31:05 terhasil. Rantai konseptual merupakan satu ruang mental yang mengumpulkan pemahaman makna daripada elemen-elemen yang mengisi slot kosong seperti domain, skema imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual. Berdasarkan data MV10 1:29:50-1:31:05, penggunaan elemen visual pintu membina rantai konseptual dengan menerapkan konsep *ad hoc* penyempitan dan pemetaan domain. Pembentukan rantai konseptual membolehkan penginterpretasian makna dibuat dengan lebih jelas dan mudah difahami. Rantai konseptual KEHIDUPAN bagi data MV10 1:29:50-1:31:05 terbentuk seperti yang berikut :



Rajah 4.26 Rantai Konseptual KEHIDUPAN

Elemen yang dikenal pasti sebagai metafora visual dalam data MV10 1:29:501:31:05 ialah penggunaan pintu yang diletakkan dalam kawasan lapang di sekolah. Berdasarkan rajah 4.22, pengaplikasian teori Hibrid dalam proses menginterpretasi makna metafora visual telah menghasilkan rantai konseptual KEHIDUPAN. Dalam proses pemetaan domain, pintu diambil sebagai domain sumber yang dipetakan kepada domain sasaran KEHIDUPAN. Dalam konteks data ini, konsep leksikal KEHIDUPAN merujuk kepada proses hidup yang dialami oleh manusia. Dalam konteks babak yang mengandungi elemen metafora visual ini, Berg datang ke sekolah lamanya selepas berjumpa dengan doktor di klinik. Semasa di sekolah, Berg telah diajak oleh seorang remaja untuk masuk ke bilik sakit. Apabila Berg membuka

pintu bilik sakit tersebut, dia ternampak datuknya yang telah lama meninggal dunia. Babak ini merupakan bayangan kesan daripada penyakitnya. Pintu yang dikenal pasti sebagai data MV10 1:29:50-1:31:05 telah menerapkan konsep *ad hoc* penyempitan untuk mengeluarkan dan memilih andaian yang sesuai dengan makna. Berdasarkan makna yang dipilih, skema imej yang terhasil ialah skema imej LALUAN kerana menghubungkan alam realiti dengan individu yang telah meninggal dunia. Maka, metafora konseptual yang terhasil ialah KEHIDUPAN IALAH LALUAN. Data MV10 1:29:50-1:31:05 turut menghasilkan satu metonimi konseptual iaitu PINTU MELAMBANGKAN LALUAN.

4.4 Perbandingan Metafora Konseptual dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*

Analisis bahagian ini bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam penggunaan metafora orientasi, metafora ontologi, dan metafora struktural. Selain itu, bahagian ini juga melihat perbandingan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* berdasarkan tahap generik dan spesifik. Analisis ini meneliti bagaimana metafora generik membentuk kerangka konseptual umum, manakala metafora spesifik mencerminkan ekspresi yang lebih terperinci dan kontekstual, serta mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam cara kedua-dua filem menggunakan bahasa visual dan linguistik untuk menyampaikan makna metafora.

4.4.1 Jenis-jenis Metafora Konseptual dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*

Dalam bahagian ini mengandungi perbincangan tentang perbandingan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Analisis perbandingan ini meneliti persamaan dan perbezaan metafora konseptual iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural yang dilihat dalam bentuk metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual. Selain itu, bab ini turut menghuraikan metafora tahap generik dan metafora tahap spesifik bagi menunjukkan bagaimana metafora konseptual yang bersifat umum direalisasikan secara khusus mengikut konteks naratif dalam kedua-dua filem. Contoh-contoh daripada data filem

digunakan sebagai bukti bagi menyokong analisis perbandingan yang dijalankan. Jadual di bawah menunjukkan bilangan dan peratusan jenis metafora konseptual mengikut domain yang telah dikenal pasti.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan dan peratusan jenis-jenis metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* mengikut domain.

Jadual 4.14

Bilangan dan peratusan jenis-jenis metafora konseptual mengikut domain

Domain	<i>Imaginur</i>			<i>Terbaik Dari Langit</i>			Bil	(%)
	MOnt	MOOr	MS	MOnt	MOOr	MS		
SIFAT		2	6	15	5	20	48	33.33
EMOSI	7		8	4	2	2	23	15.97
KEHIDUPAN	9	1	2	1	1	4	18	12.5
FIKIRAN	7		2	1			10	6.94
MEMORI	2	8					10	6.94
MINDA		5	2				7	4.86
KESEDARAN		2				1	14	2.78
KEJAYAAN					3		3	2.08
PENGORBANAN			2				2	1.39
KEUPAYAAN			2				2	1.39
KEMATIAN				1	1		2	1.39
KHAYALAN						2	2	1.39
HUBUNGAN			2				2	1.39
KETAGIHAN				2			2	1.39
PENIPUAN	2						2	1.39
KEWARASAN				1			1	0.69
SENDIRIAN				1			1	0.69
TEKANAN				1			1	0.69
PEMBAZIRAN				1			1	0.69
IMPIAN				1			1	0.69
KESAKITAN			1				1	0.69
KESERONOKAN						1	1	0.69

TRAUMA	1						1	0.69
JUMLAH	30	20	25	27	13	29	144	100

Jadual 4.14 menunjukkan bilangan jenis-jenis metafora konseptual mengikut domain metafora yang dikenal pasti dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Seterusnya, berikut diperjelaskan jenis-jenis metafora konseptual yang terdapat dalam data kajian berserta dengan contoh-contoh yang sesuai.

(a) Metafora Ontologi

Metafora ontologi merujuk kepada cara manusia memahami pengalaman yang bersifat abstrak seperti peristiwa, aktiviti, emosi, serta pelbagai entiti tidak ketara melalui pembentukan entiti yang lebih konkrit. Melalui penggunaan metafora ini, konsep-konsep yang tidak dapat difahami atau dikesan secara langsung melalui pengalaman deria dianggap sebagai entiti yang seolah-oleh wujud, boleh dirujuk, dikenal pasti dan dinilai. Ia membolehkan sesuatu elemen abstrak diberikan tujuan dan makna khususnya apabila melibatkan pengalaman dalaman yang sukar dihuraikan secara literal. Maka, konsep abstrak dapat dinyatakan dan difahami dengan pemetaan kepada konsep yang lebih konkrit (Lakoff & Johnson, 1980).

Contoh ujaran dalam filem *Imaginur* ialah “Katakanlah, **this is your life. Dua titik. Satu garisan lurus. Linear.**” Ujaran ini membentuk metafora konseptual KEHIDUPAN IALAH PERJALANAN. Ujaran ini merupakan ujaran jenis metafora ontologi kerana ia mengkonsepkan KEHIDUPAN, iaitu satu entiti abstrak yang tidak mempunyai bentuk fizikal, sebagai satu entiti konkrit iaitu garisan. Melalui pemetaan konsep ini, KEHIDUPAN disifatkan sebagai sesuatu yang wujud dengan jelas, berstruktur dan mempunyai arah pergerakan. Penggunaan leksikal dua titik dan garisan lurus. KEHIDUPAN dianggap sebagai satu objek yang boleh dilukis, dilihat dan dianalisis secara visual. Ciri-ciri konkrit ini membolehkan kehidupan dirujuk sebagai sesuatu yang mempunyai permulaan dan pengakhiran serta bergerak secara berterusan dan linear. Proses ini selari dengan ciri utama metafora ontologi, iaitu pemberian status kewujudan (entity status) kepada pengalaman abstrak.

Contoh lain dalam filem *Terbaik Dari Langit* pula ialah ujaran “Filem ni pasal pengembaraan hantar alien perempuan ni balik planet dia. tapi pengembaraan ni kira bersyaratlah. Jadi diorang semua kena **guna dadu untuk tentukan pilihan jalan diorang.**” Ujaran ini menghasilkan metafora konseptual KEHIDUPAN IALAH

PERJALANAN. Ia merupakan metafora ontologi kerana elemen KEHIDUPAN dianggap sebagai sesuatu pengembaraan yang berstruktur dan bersyarat seperti penggunaan leksikal guna dadu dan pilihan jalan yang menunjukkan sifat kebendaan kepada pengalaman penggambaran mereka.

Berdasarkan kedua-dua contoh metafora ontologi dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* ini menunjukkan bahawa pengalaman abstrak seperti KEHIDUPAN dikonsepskan sebagai entiti konkrit melalui metafora ontologi, membolehkan konsep yang tidak dapat disentuh secara fizikal difahami, divisualkan dan diberi struktur secara simbolik.

(b) Metafora Orientasi

Metafora orientasi atau metafora ruang ini merujuk kepada cara konsep disusun berdasarkan orientasi fizikal manusia. Lakoff dan Johnson (1980) menyatakan bahawa metafora orientasi menyusun sistem konsep dengan merujuk kepada hubungan antara konsep yang berbeza berdasarkan pengalaman fizikal manusia menentukan ruang dan arah dalam kehidupan seharian. Metafora orientasi sering dikaitkan dengan ruang yang jelas atau bentuk pasangan seperti ATAS-BAWAH, DEPAN-BELAKANG, LUAR DALAM dan HIDUP-MATI.

Misalnya, contoh metafora orientasi dalam filem *Imaginur* iaitu ujaran **“Bayangkan badan kau tengah cair. Dalam minda kau, kau boleh terbang ke mana mana saja.** Kau lupa kan Yasmin tu. Kau cari benda yang kau kena cari.” Ujaran ini menghasilkan beberapa metafora konseptual iaitu MINDA IALAH BEKAS, MINDA IALAH OBJEK, MINDA IALAH DAYA dan CAIR IALAH TATATINGKAT DI BAWAH. Ujaran ini merupakan ujaran metafora orientasi kerana pengalaman mental dan abstrak subjek dipetakan melalui orientasi ruang. Penggunaan leksikal minda dan terbang memberi gambaran kepada pergerakan minda yang bergerak bebas, membolehkan elemen abstrak seperti ingatan dan fokus ditunjukkan melalui arah dan kedudukan.

Dalam filem *Terbaik Dari Langit* pula, contoh metafora orientasi ialah ujaran “Aku nak kau **bersanggama dengan perkataan** yang keluar dari mulut kau.: yang menghasilkan metafora konseptual PENGHAYATAN IALAH BEKAS. Dalam ujaran ini, emosi yang kompleks dan abstrak seperti marah dan hiba dianggap sebagai entiti yang boleh diurus dan dimanipulasi melalui leksikal *keluar* yang memberi penekanan

arah dan pergerakan sebagai cara membentuk dan menstruktur pengalaman emosi seseorang.

Kedua-dua contoh ujaran data metafora orientasi ini menunjukkan bahawa metafora orientasi digunakan dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* untuk memetakan elemen mental dan emosi kepada arah, kedudukan dan pergerakan fizikal. Dalam filem *Imaginur*, pengalaman minda seperti ingatan dan fokus dikonsepsikan melalui leksikal minda dan terbang, membolehkan minda digambarkan bergerak bebas dan abstrak divisualkan melalui orientasi ruang. Dalam filem *Terbaik Dari Langit*, emosi kompleks seperti marah dan hiba dipetakan melalui tindakan keluar, menjadikannya entiti yang boleh diurus dan dimanipulasi. Kedua-dua contoh menekankan ciri utama metafora orientasi, iaitu pemetaan konsep abstrak kepada pengalaman fizikal manusia dalam bentuk arah, pergerakan atau pasangan bertentangan, sekali gus memberi struktur, arah dan visualisasi kepada elemen abstrak supaya lebih mudah difahami dan dihayati.

(c) Metafora Struktural

Metafora struktural merujuk kepada gabungan dua jenis metafora iaitu metafora orientasi dan metafora orientasi (Lakoff & Johnson, 1980). Pembentukan metafora struktural bergantung pada hubungan sistematik yang terbentuk daripada pengalaman seharian manusia. Metafora jenis ini dianggap lebih kompleks berbanding metafora lain kerana proses pemahamannya melibatkan pemindahan struktur daripada satu domain asas kepada domain sasaran. Melalui proses pemetaan ini, metafora struktural berfungsi untuk membantu mengkonsepsikan idea atau pengalaman ke dalam bentuk yang lebih teratur, jelas dan mudah difahami. Metafora struktural memanfaatkan unsur pengalaman hidup yang berstruktur sebagai domain sumber bagi memahami konsep lain yang bersifat abstrak. Justeru, metafora struktural dapat difahami sebagai suatu sistem metafora yang membolehkan konsep yang kompleks, khususnya yang abstrak, disampaikan melalui konsep yang lebih konkrit dan bersifat khusus.

Contoh data metafora struktural dalam filem *Imaginur* ialah ujaran “Aku rasa ada orang nak curi otak aku”. Ujaran ini menghasilkan metafora konseptual FIKIRAN IALAH DAYA dan FIKIRAN IALAH OBJEK. Leksikal yang bersifat konkrit ialah mencuri digunakan untuk memahami keadaan mental dan fikiran watak dalam filem *Imaginur*, iaitu Zuhail. Dalam konteks ini, otak merupakan domain sasaran yang dipetakan kepada perbuatan mencuri. Pemetaan struktur ini berlaku untuk


memberi gambaran bahawa fikiran merupakan sesuatu yang boleh dicuri dan ketidakupayaan seorang pesakit Alzheimer untuk berfikir. Metafora struktural ini membantu menjelaskan tekanan mental atau kekeliruan yang dialami seseorang.

Bagi filem *Terbaik Dari Langit* pula, contoh ujaran metafora struktural ialah “Ali, kat sini pun kau nak tunjuk gangster ye. Ni bukan sekolah lagi tau. Grow up lah sial.” yang menghasilkan metafora konseptual KEKUATAN IALAH UKURAN dan KEKUATAN IALAH TATATINGKAT DI ATAS. Frasa tunjuk gangster membawa maksud perlakuan agresif melalui penggunaan leksikal gangster sebagai domain sumber. Frasa “ni bukan sekolah lagi” membina pemetaan struktur kehidupan sekolah sebagai simbol ketidakmatangan dan kebuda-budakan, manakala kehidupan dewasa sebagai domain sasaran yang menuntut tanggungjawab dan kematangan. Pemetaan ini mencerminkan metafora konseptual yang dibentuk melalui struktur pengalaman sosial yang lazim difahami.

Secara keseluruhannya, kedua-dua data ini menunjukkan cara menggunakan pengalaman hidup yang berstruktur sebagai domain sumber untuk memahami konsep abstrak seperti tekanan mental dan tingkah laku sosial. Dalam ujaran dari filem *Imaginur* iaitu “aku rasa ada orang nak curi otak aku”, pengalaman kehilangan atau pencerobohan dipetakan untuk menggambarkan kekeliruan atau tekanan mental, manakala dalam filem *Terbaik Dari Langit*, frasa “tunjuk gangster” merujuk kepada pengalaman sosial tentang kelakuan agresif dipindahkan untuk menjelaskan ketidakmatangan atau sikap tidak bertanggungjawab. Pemindahan struktur domain secara sistematik ini membolehkan makna yang kompleks menjadi lebih konkrit, jelas, dan mudah difahami oleh penonton.

4.4.2 Perbandingan Metafora Tahap Spesifik dan Tahap Generik dalam Filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*

Perbandingan metafora konseptual dibuat berdasarkan tahap metafora iaitu metafora tahap spesifik dan metafora tahap generik. Kovecses (2008,2010) menyatakan bahawa metafora konseptual terbahagi kepada dua tahap iaitu tahap generik atau umum, dan tahap spesifik atau khusus. Metafora tahap generik berfungsi sebagai metafora utama atau metafora tahap asas. Dalam kajian ini, perbandingan metafora tahap spesifik dan tahap generik ditunjukkan seperti dalam rajah di bawah :



Rajah 4.27 Perbandingan metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*

Rajah 4.27 menunjukkan gambar rajah Venn perbandingan metafora tahap generik dan tahap spesifik berdasarkan metafora konseptual yang dikenal pasti dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Analisis perbandingan ini dibuat untuk mengenal pasti persamaan metafora konseptual pada tahap generik serta mengenal pasti perbezaan cara penggunaan metafora pada tahap spesifik untuk memfokuskan kepada naratif dan makna yang dibina berdasarkan pengalaman kognitif terhadap metafora dalam kedua-dua filem.

Pada tahap generik, kedua-dua filem mempunyai persamaan metafora konseptual yang bersifat abstrak dan universal iaitu dalam domain CINTA, KEKUATAN, KEHIDUPAN, FIKIRAN dan KESEDARAN. Domain-domain metafora ini tidak menunjukkan naratif yang khusus yang digunakan untuk penonton mentafsir watak sebagai pengalaman manusia secara umum. Persamaan metafora tahap generik ini menunjukkan bahawa kedua-dua filem beroperasi dalam kerangka makna yang sama pada konsepnya, walaupun jalan cerita dan fokus yang dibawa dalam sesuatu filem berbeza. Beberapa contoh metafora yang digunakan dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* adalah seperti berikut :-

Jadual 4.15

Perbandingan Metafora KEHIDUPAN

KEHIDUPAN	
<i>Imaginur</i>	<i>Terbaik Dari Langit</i>
<i>Akhir zaman kot, bapa pun boleh tertinggal</i>	<i>Apa ni korang, ha? Aduh, sampai bila nak macam ni, sampai kiamat ke apa?</i>
<i>Jangan takut, hal. Hidup ni kita bawa pergi mana yang penting saja.</i>	<i>Jadi diorang semua kena guna dadu untuk tentukan pilihan jalan diorang.</i>

Dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, domain KEHIDUPAN digambarkan melalui metafora tahap generik KEHIDUPAN IALAH PERJALANAN. Bagi filem *Imaginur*, ungkapan metafora tersebut merungkaikan KEHIDUPAN sebagai satu perjalanan yang memerlukan pemilihan dan keutamaan, manakala dalam *Terbaik Dari Langit*, leksikal kiamat digunakan merujuk kepada KEHIDUPAN sebagai laluan yang dipengaruhi ketidakpastian. Perbezaan ini menunjukkan metafora spesifik yang berlainan walaupun berpaksikan metafora generik yang sama.

Bagi domain FIKIRAN pula, contoh data metafora adalah seperti berikut :

Jadual 4.16

Perbandingan Metafora FIKIRAN

FIKIRAN	
<i>Imaginur</i>	<i>Terbaik Dari Langit</i>
<i>Fokus pada titik tengah. Bayangkan badan kau tengah cair. Cair sampai jatuh ke lantai. Kau kena bernafas. Kalau tak, kau meninggal. Sekarang, pejam mata kau. Dan kau pergi ke tempat yang kau rasa paling selamat.</i>	<i>Setengah benda kita takpayah faham. Dia masuk meresap, berdengung dalam badan kau.</i>

Domain FIKIRAN dalam *Imaginur* diperoleh melalui metafora spesifik yang bersifat kognitif-fizikal, iaitu FIKIRAN yang boleh difokuskan, dikawal dan dialihkan ke “tempat selamat”. Hal ini mencerminkan metafora generik FIKIRAN IALAH BEKAS. Dalam filem *Terbaik Dari Langit* pula, metafora generik FIKIRAN IALAH BEKAS digambarkan sebagai sesuatu yang meresap dan bergetar dalam tubuh. Ia menunjukkan bahawa FIKIRAN sebagai pengalaman dalaman yang tidak sepenuhnya dapat dikawal. Perbezaan ini memperlihatkan peralihan daripada kawalan kognitif kepada pengalaman pemikiran yang lebih abstrak.

Jadual 4.17

Perbandingan Metafora KESEDARAN

KESEDARAN	
<i>Imaginur</i>	<i>Terbaik Dari Langit</i>
<i>I tahu tu bukan apa yang you rasa, kan? You kena bangun, Zuhail.</i>	<i>Move on apa? Aku junjung langit, pijak tanah. Move on ke mana, Ijam?</i>

Jadual di atas menunjukkan data domain KESEDARAN dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Bagi domain kesedaran, kedua-dua filem berkongsi metafora generik KESEDARAN IALAH KEADAAN YANG BOLEH BERUBAH. Dalam *Imaginur*, KESEDARAN digambarkan sebagai sesuatu yang perlu “dibangunkan” atau diberi kesedaran. Ia menekankan peralihan daripada ketidaksedaran kepada kesedaran penuh. Dalam *Terbaik Dari Langit* pula, KESEDARAN dikenal pasti melalui ungkapan “*move on*” yang bersifat reflektif dan eksistensial, menandakan KESEDARAN sebagai proses penerimaan realiti, bukan sekadar kebangkitan mental.

Seterusnya ialah domain EMOSI yang merupakan salah satu domain dalam kategori EMOSI seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 4.18

Perbandingan Metafora CINTA

CINTA	
<i>Imaginur</i>	<i>Terbaik Dari Langit</i>
	<i>sikitlah. Dalam hati kau ni sebenarnya ada taman juga, ya?</i>

Dalam kedua-dua data kajian, domain CINTA digambarkan melalui metafora generik CINTA IALAH OBJEK dan CINTA IALAH IKATAN. Bagi filem *Imaginur*, data metaforanya wujud dalam bentuk metafora visual dan penggunaan dialog yang memfokuskan kepada status hubungan antara watak. Dalam konteks babak tersebut, Zuhail mempersoalkan status hubungannya dengan Yasmin walaupun ikatan pertunangan mereka telah diputuskan, dan Yasmin merupakan pasangan kepada Haris. Cincin tersebut berfungsi sebagai simbol visual kepada ikatan cinta yang masih wujud

secara konseptual, namun telah berubah dari segi fungsi dan makna, sekali gus menzahirkan konflik emosi dan sosial dalam naratif. Bagi data filem *Terbaik Dari Langit* pula, cinta digambarkan sebagai sesuatu yang bersifat dalaman, sekali gus menekankan emosi yang masih dimiliki walaupun hubungan berada dalam keadaan tidak stabil.

Persamaan domain yang terakhir ialah KEKUATAN di bawah domain SIFAT. Contoh data bagi kedua-dua filem adalah seperti berikut :

Jadual 4.19

Perbandingan Metafora KEKUATAN

KEKUATAN	
<i>Imaginur</i>	<i>Terbaik Dari Langit</i>
<i>Anda mahu jadi jantan?</i>	<i>Ali, kat sini pun kau nak tunjuk gangster ye.</i>

Domain kekuatan dalam kedua-dua filem memperlihatkan metafora generik KUAT IALAH UKURAN. Dalam *Imaginur*, kekuatan dikaitkan dengan identiti maskuliniti, manakala dalam *Terbaik Dari Langit*, kekuatan direalisasikan melalui perlakuan dominan dan sikap agresif dalam interaksi sosial. Hal ini menunjukkan bahawa kekuatan bukan sahaja bersifat fizikal, tetapi juga berfungsi sebagai penanda status sosial dalam konteks naratif yang berbeza.

Bagi perbezaan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* pula, beberapa metafora tahap spesifik terhasil mengikut tema dan jalan cerita. Dalam filem *Imaginur*, metafora tahap spesifik yang terhasil adalah berorientasikan kepada psikologi dan kognitif. Misalnya, MEMORI, MINDA, TRAUMA, PENGORBANAN, KETAGIHAN, KEUPAYAAN, HUBUNGAN, PENIPUAN dan KESULITAN. Metafora-metafora ini menggambarkan pengalaman watak utama, Zuhail yang menghidap Alzheimer melalui pandangan psikologi dalaman, dan menekankan konflik dalaman antara watak Zuhail, Nur, dan Isma sebagai naratif penceritaannya.

Misalnya, dalam babak 0:54:47-0:56:16 iaitu babak antara watak Zuhail dan ayahnya, Rosli di hospital dalam ujaran berikut :

- (a) “Jawabnya, apa kita rasa? Sebab itu orang cakap hati perut. Perut kena isi, baru hati dapat merasa. Kalau baca buku tu, setiap kali kita ulang, rasa dia lain. Rasa, zuhal. **Rasa itu penting**. Pelik kan? Abah selalu ingat apa yang

abah rasa terhadap mak kamu. Rasa rindu. Rasa sayang dekat adik kau, dekat kau. Tapi, nak pakai baju sendiri pun dah tak ingat."

Babak ini merupakan mimpi Zuhal ketika bapanya koma. Ia memperlihatkan konflik dalaman watak utama yang berkait rapat dengan pemikiran tentang kewujudan, ingatan, dan pengalaman hidup. Dalam mimpi tersebut, Rosli merenung tentang kewujudan seseorang bergantung kepada pengiktirafan orang lain, sambil bergelut dengan kehilangan ingatan terhadap perkara kecil walaupun perasaan rindu dan kasih sayang tetap wujud, khususnya kepada anak-anak dan isterinya. Bagi Zuhal, mimpi ini mencerminkan kebimbangan dan ketakutan terhadap makna kewujudan, pengalaman, serta kehilangan ayahnya sekaligus menunjukkan perasaan bersalah, rindu, dan penghargaan terhadap bapanya.

Babak ini menekankan bahawa perkara yang paling penting dalam hidup adalah pengalaman dan perasaan manakala perkara ingatan kecil adalah bersifat sementara. Perkara ini sekaligus menonjolkan konflik psikologi dan emosional dalam diri Zuhal yang digambarkan melalui mimpi. Metafora tahap spesifik dalam filem *Imaginur* ini bukan sekadar unsur penceritaan, ia juga satu medium kognitif yang menggambarkan trauma sebagai keadaan yang memerlukan proses pemulihan. Fokus ini mengukuhkan lagi naratif *Imaginur* sebagai filem yang menekankan elemen psikologi dan kognitif.

Dalam filem *Terbaik Dari Langit* pula, metafora tahap spesifiknya lebih bersifat sosio-eksistensial seperti KEJAYAAN, KHAYALAN, IMPIAN, SENDIRIAN, TEKATAN, KEWARASAN, KEMATIAN, KESERONOKAN, dan PEMBAZIRAN. Metafora-metafora ini membingkaikan pengalaman hidup sebagai proses pencarian makna yang dipengaruhi oleh tekanan sosial dan realiti kehidupan.

Misalnya, babak 1:07:42-1:08:47 iaitu babak pertemuan semula Ijam, Berg, Toyu, dan Ali seperti yang berikut :

(a) Ijam :Berg, aku rasa kau kena fikir pasal masa depan kau ni betul-betul. Kita bukan budak sekolah lagi. *Move on.*

Berg : *Move on apa??* **Aku junjung langit, pijak tanah.** *Move on* ke mana, Ijam?

Babak ini menonjolkan konflik dalaman dan ketegangan nilai dalam kalangan sahabat lama selepas 10 tahun berpisah. Ijam menasihati Berg agar lebih serius memikirkan masa depannya kerana Berg kekal terikat dengan impiannya mengejar UFO dan bersikap bebas, walaupun bergelut dengan kesedihan akibat kematian

datuknya dan kesan pengambilan dadah. Kritikan Ijam menekankan kekeliruan identiti Berg dan ketakutannya menghadapi realiti, sekaligus memperlihatkan pertembungan antara impian lama, tanggungjawab dewasa, dan krisis identiti. Babak ini berfungsi sebagai metafora konseptual yang menekankan tentang ketegangan antara kebebasan peribadi dan tuntutan hidup dewasa, serta trauma dan impian masa lalu membentuk konflik psikologi watak.

Melalui metafora ini, kehidupan tidak dibingkaikan sebagai sesuatu yang perlu “dipulihkan” seperti dalam *Imaginur*, tetapi sebagai sesuatu yang perlu diterima dan difahami dalam konteks sosial dan eksistensial. Pendekatan ini mendorong penonton untuk menilai makna kewarasan, kematian dan kejayaan bukan dari sudut psikologi individu semata-mata, tetapi dalam kerangka realiti sosial yang lebih luas.

Perbandingan metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua filem berkongsi metafora tahap generik yang sama, realisasi metafora tahap spesifik berbeza secara signifikan. *Imaginur* menggunakan metafora psikologi-kognitif untuk membingkaikan pengalaman manusia sebagai konflik dalaman yang memerlukan pemulihan, manakala *Terbaik Dari Langit* menggunakan metafora sosio-eksistensial untuk membingkaikan kehidupan sebagai pencarian makna dalam realiti sosial. Perbezaan ini membuktikan bahawa metafora tahap spesifik memainkan peranan penting dalam menentukan orientasi naratif dan ideologi sesebuah filem. Metafora bukan sahaja berfungsi sebagai alat linguistik atau visual, tetapi sebagai mekanisme kognitif yang membentuk cara penonton memahami penderitaan, kesedaran dan makna kehidupan.

4.5 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang bentuk-bentuk metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Bentuk metafora yang telah dikenal pasti adalah metafora visual, metafora konvensional dan metafora linguistik diinterpretasi maknanya dengan mengaplikasikan teori Hibrid oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010). Berdasarkan penginterpretasian makna metafora yang dibuat juga menunjukkan bahawa teori Hibrid sangat sesuai untuk menginterpretasi makna sama ada dalam bentuk ujaran atau gambar yang dikenal pasti dalam filem. Teori Hibrid bukan sahaja boleh menganalisis makna data metafora dalam bentuk lisan, ia juga boleh diaplikasikan terhadap data berbentuk metafora visual. Seterusnya, bab ini juga

mengandung perbandingan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Dapatan perbandingan menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua filem berkongsi metafora tahap generik yang bersifat abstrak dan universal, realisasi metafora tahap spesifik memperlihatkan perbezaan yang ketara selari dengan fokus naratif dan pendekatan penceritaan masing-masing.

BAB 5

RUMUSAN, KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini mengandungi kesimpulan secara keseluruhan bagi kajian ini. Berpandukan objektif kajian yang dinyatakan iaitu mengenal pasti bentuk metafora, menginterpretasi makna metafora dan menganalisis perbandingan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Bagi memenuhi objektif kajian, kajian ini mengaplikasikan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010). Pengaplikasian Teori Hibrid dalam menganalisis makna metafora ini berkesan untuk menginterpretasi kekeliruan dan kekaburan makna bukan sahaja metafora dalam bentuk lisan, bahkan metafora dalam bentuk bukan lisan iaitu visual. Dalam bahagian ini juga mengandungi rumusan kajian secara ringkas, sumbangan kajian ini dan cadangan serta idea yang bersesuaian sebagai panduan dan rujukan kepada penyelidik supaya kajian metafora dapat ditambah baik dan diperluas, terutama sekali penyelidik dalam bidang semantik Bahasa Melayu.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis kajian, terdapat tiga objektif yang perlu dipenuhi iaitu objek yang pertama ialah mengenal pasti bentuk metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, objektif kedua ialah menginterpretasi makna metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* dan objektif yang ketiga ialah menganalisis perbandingan metafora konseptual dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Ketiga-tiga persoalan kajian ini telah dipenuhi dengan menggunakan kerangka konsep bentuk metafora iaitu metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual. Analisis makna metafora juga dibuat berdasarkan kerangka teori Hibrid. Maka, ketiga-tiga objektif dan persoalan kajian telah terjawab secara menyeluruh dalam kajian ini.

Dalam objektif pertama, kajian ini telah mengenal pasti bentuk metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Hasilnya, terdapat 46 data metafora dalam filem *Imaginur* yang terdiri daripada 35 data metafora linguistik, tujuh data metafora visual dan empat data metafora konvensional. Bagi data kedua iaitu filem *Terbaik Dari*

Langit, terdapat 66 data metafora yang dikenal pasti. Ia terdiri daripada 47 data metafora linguistik, 15 data metafora konvensional dan empat data metafora visual. Secara keseluruhannya, bagi kedua-dua filem, data metafora linguistik adalah sebanyak 82 data bersamaan dengan 73%, data metafora konvensional sebanyak 19 data atau 17%, dan data metafora visual adalah sebanyak 11 data bersamaan dengan 10% daripada jumlah keseluruhan data metafora.

Bagi objektif kedua pula, kajian ini telah menginterpretasi makna metafora dengan menerapkan teori Hibrid oleh Tendahl (2009) dan Stover (2010). Walau bagaimanapun, bahagian ini hanya menganalisis satu data metafora linguistik, satu metafora konvensional dan satu metafora visual bagi filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Bahagian ini hanya menganalisis enam data daripada jumlah keseluruhan data. Selebihnya, data metafora akan disertakan dalam bahagian lampiran. Interpretasi makna metafora dalam dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua filem menggunakan bentuk metafora yang berlainan untuk menyampaikan makna yang berlainan. Penerapan teori Hibrid yang merangkumi Proses Tiga Serangkai iaitu proses simulasi, proses pentaabiran dan proses metarepresentasi. Penerapan elemen pemetaan domain, skema imej, konsep *ad hoc*, metafora konseptual dan metonimi konseptual menghasilkan rantau konseptual yang berlainan. Pengaplikasian teori Hibrid ini dapat menyelesaikan kekaburan makna metafora bukan sahaja dalam bentuk lisan, tetapi metafora dalam bentuk visual.

Objektif kajian yang ketiga dijawab melalui perbandingan metafora konseptual yang dianalisis berdasarkan tahap generik dan tahap spesifik dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*. Perbandingan ini dijalankan berdasarkan data metafora yang dikenal pasti dalam kedua-dua filem bagi meneliti persamaan dan perbezaan pada tahap konseptual. Pada tahap metafora generik, persamaan antara kedua-dua filem dapat dikenal pasti melalui domain konseptual yang bersifat abstrak dan universal, iaitu KEHIDUPAN, EMOSI, SIFAT, KESEDARAN dan FIKIRAN. Berdasarkan domain domain ini, beberapa metafora konseptual generik yang sama terbentuk dalam kedua-dua filem. Bagi domain KEHIDUPAN, metafora konseptual generik yang dikongsi ialah KEHIDUPAN IALAH PERJALANAN, KEHIDUPAN IALAH TUJUAN, KEHIDUPAN IALAH OBJEK dan KEHIDUPAN IALAH KITARAN. Bagi domain EMOSI, kedua-dua filem memaparkan persamaan metafora konseptual CINTA IALAH OBJEK dan CINTA IALAH IKATAN, manakala bagi domain SIFAT, metafora konseptual generik yang sama ialah KUAT IALAH UKURAN. Seterusnya, bagi

domain KESEDARAN, kedua-dua filem berkongsi metafora konseptual KESEDARAN IALAH TATATINGKAT dan KESEDARAN IALAH DAYA, manakala domain FIKIRAN menghasilkan metafora konseptual generik yang sama, iaitu FIKIRAN IALAH BEKAS.

Walaupun metafora konseptual ini adalah sama pada tahap generik, persamaan tersebut tidak dihasilkan melalui bentuk data metafora yang serupa. Perbezaan ini menunjukkan bahawa metafora generik yang sama boleh menghasilkan metafora tahap spesifik yang berbeza bergantung pada konteks naratif dan pendekatan penceritaan. Perbezaan pada tahap metafora spesifik turut dapat dikenal pasti melalui domain tambahan yang hanya wujud dalam salah satu filem. Berdasarkan data metafora dalam filem *Imaginur*, terhasil domain-domain spesifik seperti TRAUMA, MEMORI, MINDA, PENGORBANAN, KESULITAN, KEMEWAHAN, KETAGIHAN, PENIPUAN, HUBUNGAN dan KEUPAYAAN yang mencerminkan fokus naratif terhadap konflik dalaman serta dimensi kognitif dan psikologi watak. Sebaliknya, dalam filem *Terbaik Dari Langit*, domain-domain spesifik seperti KEJAYAAN, KHAYALAN, STATUS, KEMATIAN, KESERONOKAN, KESAKITAN, KEWARASAN dan PENGHAYATAN mencerminkan mesej dan jalan cerita yang dibawa iaitu pengalaman hidup dalam kerangka sosial dan eksistensial. Perbezaan domain pada tahap spesifik ini menghasilkan metafora konseptual yang berbeza, walaupun berpaksikan metafora tahap generik yang sama. Hal ini dikatakan demikian kerana metafora tahap spesifik menentukan arah pemaknaan, fokus naratif dan ideologi dalam penghasilan sesebuah filem.

Berdasarkan kajian ini, dapat dibuktikan bahawa persamaan dan perbezaan bagi penggunaan bentuk metafora ini dipengaruhi oleh genre, plot penceritaan, latar watak dan perwatakan serta mesej yang dibawa dalam sesuatu filem. Misalnya, bagi filem *Imaginur*, metafora digunakan untuk menekankan percampuran antara kehidupan realiti dan juga ingatan yang berada dalam fikiran watak utama, Zuhail. Bagi filem *Terbaik Dari Langit* pula, metafora digunakan untuk menggambarkan watak utama iaitu Berg yang mencari jalan untuk berdamai dengan masa lalu yang digambarkan melalui perjalanannya sebagai pembuat filem. Walaupun kedua-dua filem ini dihasilkan oleh pengarah dan penulis skrip yang sama iaitu Nik Amir Mustapha, pendekatan visual dan lisan serta naratif yang dibawa adalah berbeza. Penggunaan metafora dalam filem ini dapat menyampaikan kedalaman makna yang tersirat. Maka, dengan terhasilnya kajian ini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan metafora bukan hanya wujud dalam

bentuk lisan, ia turut hadir dalam bentuk visual. Metafora bukan hanya sekadar nilai estetika tetapi ia berfungsi untuk menyampaikan konflik dalaman dan membentuk naratif dalam penghasilan sesebuah filem. Penerapan Teori Hibrid dalam kajian ini juga mampu merungkai makna metafora lisan dan bukan lisan yang bersifat kabur.

5.3 Sumbangan Kajian

Kajian ini memberi sumbangan yang signifikan kepada beberapa kelompok utama iaitu masyarakat, industri perfileman dan akademik. Daripada kelompok masyarakat, kajian ini dapat membantu dalam meningkatkan kefahaman individu terhadap metafora yang merupakan satu gaya bahasa yang kompleks dan berlapis. Tafsiran makna metafora ini kebiasaannya berbeza mengikut individu kerana ia dipengaruhi oleh latar belakang dan keupayaan kognitif seseorang, maka, kajian perbandingan makna metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit* ini boleh digunakan sebagai panduan yang praktikal kepada masyarakat untuk mentafsir makna metafora dengan lebih tepat dan kritis.

Melihat aspek industri hiburan pula, kajian ini telah menekankan kepentingan penggunaan leksikal dan metafora yang bersesuaian yang digunakan sebagai elemen penting dalam penghasilan filem berkualiti. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh pemain industri hiburan seperti pengarah, penulis skrip dan penerbit filem dalam menghasilkan sesuatu karya dengan penceritaan yang efektif, serta dapat menyumbang kepada usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam industri seni tempatan.

Bagi sudut akademik pula, kajian ini telah menggabungkan tiga bentuk metafora iaitu metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora visual berdasarkan kerangka teori daripada Kövecses (2010), Rozaimah Rashidin (2018), dan Forceville (1996). Gabungan ini dianalisis menggunakan pendekatan Teori Hibrid. Pengaplikasian teori ini dapat memberikan perspektif baharu dalam kajian semantik dan metafora, serta meluaskan pengaplikasian teori metafora kepada medium visual seperti filem. Pengintegrasian ini menghasilkan pengetahuan tambahan yang berpotensi sebagai rujukan penting kepada penyelidik dan pelajar dalam bidang semantik, serta pemain industri hiburan.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kajian seperti ini wajar dilanjutkan dengan melihat perkembangan dengan melihat kepada terdapat ruang-ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk kajian mendatang. Antara cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan adalah kajian yang menumpukan cara unsur budaya mempengaruhi pembentukan metafora dalam filem. Misalnya, penggunaan metafora dalam filem Melayu dianalisis melalui simbolik dan nilai budaya tempatan seperti budaya Melayu dan agama Islam. Pendekatan ini dapat mengukuhkan pemahaman tentang nilai budaya yang membentuk simbol, serta menyampaikan maknanya melalui medium filem, sekaligus dapat menambah Khazanah kajian budaya Melayu dalam industri hiburan.

Selain itu, kajian lanjutan juga boleh dibuat dengan memfokuskan kepada perbandingan metafora antara filem dan lagu tema. Kajian tersebut dibuat untuk menilai hubungan dan kesinambungan metafora antara filem dan lagu temanya. Ini dapat menekankan metafora sebagai medium komunikasi dan mengekspresi emosi, sekaligus dapat menghubungkan jurang antara kajian akademik dengan pemahaman masyarakat awam dalam era multimedia yang menyetengahkan muzik dan filem sebagai hiburan pilihan masyarakat.

Secara keseluruhannya, cadangan kajian lanjutan ini mempunyai potensi untuk meluaskan lagi disiplin kajian bidang semantik khususnya semantik Melayu, sekaligus dapat meningkatkan pengapresiasian masyarakat terhadap unsur metafora Melayu dalam filem.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini memfokuskan kepada bentuk dan makna metafora dalam filem *Imaginur* dan *Terbaik Dari Langit*, serta perbandingan metafora konseptual dalam kedua-dua filem tersebut. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, dapat dilihat bahawa metafora dalam filem bukan sahaja hadir dalam bentuk lisan seperti metafora linguistik dan metafora konvensional, ia turut hadir dalam elemen visual. Dengan penerapan Teori Hibrid juga dapat membuktikan bahawa teori Hibrid dapat menginterpretasi makna metafora merangkumi leksikal dan visual yang bersifat

kabur. Perbandingan metafora konseptual turut memperlihatkan bahawa perbezaan dan persamaan unsur metafora dalam filem ini dipengaruhi oleh pelbagai aspek walaupun ia dihasilkan oleh pengarah dan penulis skrip yang sama. Maka, diharapkan bahawa kajian ini menghasilkan satu pengetahuan baharu dalam bidang bahasa Melayu, khususnya bidang linguistik kognitif dan pragmatik.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik am*. PTS Professional Publishing.
- Aini Hj. Karim, & Muhamad Fadzllah Hj. Zaini. (2017). Analisis metafora konsepsi kemuliaan manusia dalam *Syair Nasihat* nukilan Sultan Haji Omar “Ali Saifuddin Sa’adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam ke-28: Perspektif awalan semantik kognitif. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 5(1), 1–16. Al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. (2007). *Al-Mausu’ah al-fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Wazarah al-Awqaf wa al-Syu’un al-Islamiyyah al-Kuwaitiyyah.
- Alousque, I. N. (2014). Pictorial and verbo-pictorial metaphor in Spanish political cartooning. *Circulo de Lingüística Aplicada a la Comunicación*, 57, 1–25. https://doi.org/10.5209/rev_clac.2014.v57.44515
- Alousque, I. N. (2015). The role of text in the identification of visual metaphor in advertising. *Procedia: Social & Behavioral Sciences*, 212, 309–315. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.379>
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Astro Awani. (2014). Terbaik dari langit ‘mencabar’ stigma masyarakat Malaysia. *Astro Awani*.
- Aung, T. N., et al. (2020). Plant description, phytochemical constituents and bioactivities of *Syzygium* genus: A review. *Open Chemistry*, 18(1), 1256–1281. <https://doi.org/10.1515/chem-2020-0175>
- Azuwan Ahmad. (2023). Sediakan trofi dan berikan kepada Imaginur. *Bandar Aktiviti Seni Kuala Lumpur*. <https://baskl.com.my/sediakan-trofi-dan-berikankepadaimaginur/>
- Barbosa, F. C., et al. (2024). Neuroscience of hypnosis: A neurophysiological view of hypnotherapy. *Revista de Gestão Social e Ambiental*, 18(4). <https://doi.org/10.24857/rgsa.v18n4-077>
- Benner, B. (2023). How Boyle’s law may impact performance of transportation systems. *American Society of Civil Engineers*.
- Caddy, J. F. (2016). Did the spiral engravings in the rock art of our distant ancestors portray chakras? *Global Journal of Human-Social Science: History, Archeology & Anthropology*, 16(1).
- Carlo Comanducci. (2010). *Metaphor and ideology in film* (Unpublished master’s dissertation). University of Birmingham

- Carston, R. (2002). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. Blackwell.
- Chali, Y., et al. (2022). Learning how research design methods work: A review of Creswell's *Research design*. *The Qualitative Report*, 27(12), 2956–2960.
- Cheval, V., et al. (2022). Symbolic protocol verification with dice: Process equivalences in the presence of probabilities. *Proceedings of the 35th IEEE Computer Security Foundations Symposium*.
- Coëgnarts, M. (2019). Analyzing metaphor in film: Some conceptual challenges. In I. Navarro i Ferrando (Ed.), *Current approaches to metaphor analysis in discourse*. (pp.295–320). De Gruyter Mouton.
<https://doi.org/10.1515/9783110629460-014>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE.
- Davidson, C. (2009). Transcription: Imperatives for Qualitative Research. *International Journal of Qualitative Methods*, 8(2), 35-52.
<https://doi.org/10.1177/160940690900800206> (Original work published 2009)
- Delfariyadi, F., & Nur, T. (2022). Metafora konseptual dalam album *Ao No Waltz* karya Eve: Kajian semantik kognitif. *JPBJ*, 8(1).
- Dharma Putra, I. B. G., Sinsya Dewi, E. P., & Mayun Susandhika, I. G. N. (2025). Metafora konseptual kematian dalam perspektif masyarakat Bali: Kajian linguistik kognitif. *Prosiding Seminar Bahasa Ibu (SNBI) XVI*.
<https://ojs.unud.ac.id/index.php/snbi/article/view/119390/59525>
- Dunat, S. (2022). Time metaphors in film: Understanding the representation of time in cinema. *Film-Philosophy*, 26(1), 1–25. Edinburgh University Press.
- Erikson, E. H. (1963). *Childhood and society* (2nd ed.). Norton.
- Farihad Shalla Mahmud (2024, December 8). *Imaginur karya di luar kotak pikiran-Azmir*. BHOnline.
- Forceville, C. (1996). *Pictorial Metaphor in Advertising*. Routledge.
- Fuad Mohamed Berawi (2017). *Metodologi pendidikan: Panduan menulis tesis*. UUM Press.
- Gaiseanu, F. (2023). What is mind, what is consciousness, and where this resides. *Philosophy Study*, 13(3), 103- 120.
<https://doi.org/10.17265/21595313/2023.03.001>

- Gofurova, G. B. (2024). A comparative study of conceptual metaphors in English and Uzbek newspapers. *British Journal of Global Ecology and Sustainable Development*, 24, 1–3.
- Gui, Y., Hao, Y., & Zhu, P. (2024). A Study on the Relationship Between Spiral Motion Illusions and Anxiety Levels : A Comprehensive Analysis of Neural Activity and Visual Stimuli. *Proceedings of the 2nd International Conference on Machine Learning and Automation*
- Hassan Ahmad (2017). *Metafora Melayu : Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan Membentuk Epistemologinya*. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). Pengantar Estetik. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2015). Akal Budi Melayu dalam Mantera : Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu*. Bil. 14(2) 2015.
- Hawkers, T. 1972. *Metaphor*. London: Methuen and Co. Ltd.
- Hartel, J. & Savolainen, R. (2016). Pictorial metaphors for information. In *Journal of Documentation* (Vols. 72–72, Issue 5, pp. 794–812) [Journal-article]. Emerald Group Publishing Limited. <https://doi.org/10.1108/JD-07-2015-0080>
- Horsey, J. (2022). *The role of metaphor in documentary* (Unpublished doctoral dissertation). University of York.
- Iranifard, E., & Roudsari, R. L. (2022). Comparative research: An old yet unfamiliar method. *Journal of Midwifery and Reproductive Health*, 10(3).
- Jhan, H. (2013). Memory loss in Alzheimer’s disease. *Dialogues in Clinical Neuroscience*, 15(4), 445–45 <https://doi.org/10.31887/DCNS.2013.15.4/hjahn>
- Jins Shamsudin. (2015). *Filem Melayu Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*. Penerbit UUM Press.
- Johnson, M. (1987). *The body in the mind*. University of Chicago Press.
- Kamus Dewan* (4th ed.). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2nd ed.). (2024). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik* (1997). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Simpulan Bahasa* (2nd ed.). (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kövecses, Z. (2000). *Metaphor and Emotion*. Cambridge University Press.
- Kovecses, Z. (2010). *Metaphor*. Oxford University Press USA : 2e Edition.
- Kövecses, Z & Szabo, P. 1996. Idioms: a cognitive view. *Applied Linguistics* 17, 326–355.

- Gibbs, R. W., & Tendahl, M. (2008). Complementary perspectives on metaphor. *Journal of Pragmatics*, 40(11), 1823–1864.
- Gomulkiewicz, R. W. (2025). Separated by a door not a wall: Replacing a powerful establishment clause metaphor. *Journal of Constitutional Law*, 27(2), 262–304.
- Komalasari, R., Wihadi, M., & Suryana, Y. (2025). The analysis of figurative language in two divergent movie genres: Semantic study. *Journal of Applied Linguistics*, 4(2). <https://doi.org/10.52622/joal.v4i2.310>
- Lakoff, G, & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. University of Chicago Press.
- Lund, T. (2012). Combining qualitative and quantitative approaches: Some arguments for mixed method research. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 56(2), 155–165.
- Mohamad Faiz Fatihah Azlam, Noor Aisyah Mokhtar dan Nur Athirah Khalit (2024). Kajian terhadap reka bentuk seni bina rumah Melayu tradisional dalam konteks keselesaan, privasi, dan kelestarian menurut ajaran Islam. *Jurnal Kejuruteraan*, 36(6), 2477–2501.
- Mohd Anwar Rethwan. (2024). *Sastera dan Budaya Pemangkin Peradaban Negara Bangsa*. Konvensyen Sejarah Dan Perpaduan Nasional 2024, Malaysia.
- Mohd Azhar Abdullah et al. (2024). Tinggal serumah dengan LGBT: Satu diskusi menurut perspektif syarak. *RABBANICA*, 5(2). e-ISSN:2756-7893
- Moore, M. (1981). On the signification of doors and gates in the visual arts. *Leonardo*, 14(3), 202–205.
- Muhammad Fadzllah Zaini (2015). Metafora adat dalam pantun Melayu: Analisis teori hibrid. *Prosiding Kolokium Bahasa, Linguistik dan Komunikasi*.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2019). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30.
- Naim Ahmad (1995). *Filem sebagai alat dan bahan kajian*. Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Nguyen, N. V. (2015). Structural, orientational, ontological conceptual metaphors and implications for language teaching. *Journal of Science Ho Chi Minh Open University*, 3(15).
- Nordquist, R. (2025, May 18). *Structural metaphor: Definition and examples*. *ThoughtCo*. <https://www.thoughtco.com/structural-metaphor-1692146>

- Nordquist,R. (2023, April 5). *Visual metaphor. ThoughtCo*.
<https://www.thoughtco.com/visual-metaphor-1692595>
- NorFaiszah Arbain & Sa'adiah Ma'alip. Fenomena berbahasa generasi Y: Satu kajian dalam novel *Awek Chuck Taylor*. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1–14.
- Nor Hafuza Muhammad Arif, Maizura Osman & Hasmidar Hassan (2023). Manifestasi emosi melalui metafora API: Satu representasi pemikiran Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 35(1), 1–17. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol35n01.1>
- Nor Hashimah Jalaludin. (Ed.). (2020). *Pragmatik: Teori dan praktis*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfaizal Jamain & Ahmad Sabri Abdul Samad (2024). Ulasan: Kuasa bahasa dalam lagu bangkit emosi pendengar. *Sumberkini*.
- Nurul Syafini Abd Rahman, Hasliza Taib & Noor Syahoda Abdul Rahman (2020). Keruntuhan rumah tangga: Punca dan solusinya. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*.
- Purnawan, A. (2023). *Visual metaphors in John Wick: Chapter 2 and John Wick: Chapter 3 – Parabellum* (Unpublished master's thesis). Universitas Islam Negeri Raden Mas Said Surakarta.
- Raj, K. S. (2018). Adat bertunang: Satu kajian perbandingan antara etnik Melayu dengan etnik India. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(2), 1–9.
- Rizal Zainal (2024, December 22). Muncul Pengarah Terbaik FFM33, Nik Amir Mustapha mahu julang penggiat indie ke layar perak, buru penulis skrip muda berbakat. *Majoriti.com.my*.
- Rohaida Abdul Rahim & Asmadi Ya'kub. Al-Ruh menurut Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. *Jurnal Usuluddin*, 26, 149–167.
- Rozaimah Rashidin. (2016). Metafora emosi dalam data korpus teks tradisional Melayu: Analisis teori hibrid [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozaimah Rashidin (2018). *Metafora emosi dalam teks tradisional melayu : Analisis teori hibrid*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozaimah Rashidin et al. (2023). Kajian ekolinguistik dalam temu bual isu Covid-19 dan kemurungan di Pulau Tuba, Langkawi Malaysia. Universiti Teknologi MARA. *Wacana Ilmu Persatuan Linguistik Malaysia*.
- Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013). Metafora KASIH Dalam Teks Melayu Tradisional : Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik*, 17(1), 19-28.

- Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad & Zuraidah Jantan. (2023). Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku falsafah hidup karya Hamka. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 113–146. [http://doi.org.10.37052/jb23\(1\)no5](http://doi.org.10.37052/jb23(1)no5)
- Salihah Ab Patah, Norliza Jamaluddin & Ng, C. G. (2021). analisis metafora konseptual “rasa” berasaskan data korpus dalam kalangan pesakit kemurungan. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 241-272. [http://doi.org.10.37052/jb21\(2\)no4](http://doi.org.10.37052/jb21(2)no4)
- Sazirah Amran (2021). Bicara Bahasa : Hiburan atau Cerminan Bahasa?. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shanmugami, P. & Anida Sarudin (2019). Perbandingan nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil: Analisis teori hibrid. In *Linguistik bahasa dan pendidikan* (pp. 255–264). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia.
- Sharipah Nur Mursalina Syed. Azmy. (2017). *Metaphorical words and expressions: Film reviews based on the dialogue in Puteri Gunung Ledang (The princess of Mount Ledang)*. *International Journal of English Linguistic*, 7(6), 221-227. <https://doi.org/10.5539/ijel.v7n6p221>
- Slote, M. (2019). *Between Psychology and Philosophy: East-West themes and Beyond*.
- Siti Noraini Hamzah, & Syahirah Alias. (2024). Interpretasi makna metafora dalam akhbar pada ruangan politik: Satu analisis teori relevans. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(5), 1–17.
- Soler, C, et al. (2012). Male facial anthropometry and attractiveness. *Perception*, 1234-1245. <https://doi.org/10.1068/p7214>
